



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti—

Y.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Y.B. Dr Patau Rubis—Kebenaran [Ruangan 7481]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7482]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) [Ruangan 7595]

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1985 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1986 [Ruangan 7600]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Institut Perangkaan Sosial—Penubuhan, Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan 7656]

Pekerja Sim Pit Jit Pao—Faedah Pemberhentian, Y.B. Tuan Chian Heng Kai [Ruangan 7659]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, Tuan Osu bin Haji Sukam (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru)
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 13hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

*Cuti Y.B. Datuk Patinggi Haji
Abdul Taib bin Mahmud.*

*Y.B. Tuan Wang Choon
Weng.*

*Y.B. Dr Patau Rubis—
Kebenaran.*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberi kepada saya mengikut ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Y.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ahli bagi kawasan Samarahan dari 9hb Mac hingga 20hb Mac, 1987;
- (2) Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Ahli bagi kawasan Lipis dari 9hb Mac hingga 20hb Mac, 1987; dan
- (3) Y.B. Dr Patau Rubis, Ahli bagi kawasan Mas Gading dari 9hb Mac hingga 20hb Mac, 1987.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan bermula, mengenai pemberian cuti-cuti yang ada diumumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menarik satu point of order dan bukan meminta satu ruling sekarang. Saya harap satu siasatan, satu ruling boleh dibuat sama ada satu Usul tahun 1961 ada lagi berkuatkuasa. Sebenarnya, tidak berkuatkuasa lagi, dan Usul itu perlu dikemukakan dan diluluskan di setiap sidang dan ini tidak boleh dipakai dan kedua oleh kerana kuasa yang diberikan ialah untuk Parlimen Penggal Pertama dan tamat pada tahun 1964. Oleh kerana Usul ini tidak dikemukakan di dalam Penggal yang awal ini, saya rasalah ini tidak mengikut Peraturan, tetapi saya harap bahawa perkara ini bolehlah ditimbang dan satu ruling dibuat pada Hari Isnin oleh kerana kita mahu mengikut Peraturan-peraturan yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya akan membuat penyiasatan mengenai perkara yang dibangkitkan dan akan membuat kenyataan pada hari Isnin.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Tuan Hashim bin Safin.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir)

KAYU GERGAJI—EKSPORT

2. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha-usaha untuk meningkatkan eksport kayu gergaji ke luar negeri, di ketika permohonan dengan banyaknya, meminta negara menawarkan kayu gergaji mengapakah Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, mohon saya menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui agensi penggalakan pemasaran kayu iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau MTIB sentiasa berusaha meningkatkan eksport kayu gergaji Malaysia ke luar negeri. Di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bagi meningkatkan eksport kayu gergaji ialah dengan menghantar perutusan-perutusan perdagangan dan perutusan-perutusan teknikal kayu-kayan ke negara-negara asing yang memang menjadi pembeli setia kayu-kayan Malaysia atau yang berpotensi untuk menjadi pasaran baru kayu-kayan Malaysia.

Di samping itu usaha meningkatkan eksport kayu gergaji dibuat melalui penganjuran dan penyertaan dalam Pameran-pameran Perdagangan dan juga penerbitan risalah-risalah penerangan mengenai kayu-kayan Malaysia, bahkan filem video ataupun slight mengenai kayu-kayan Malaysia juga diterbitkan. Tidak ketinggalan juga Kerajaan berusaha mendapatkan pengurangan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif ke atas kayu gergaji Malaysia di pasaran-pasaran luar negeri sama ada melalui rundingan-rundingan dua hala ataupun pelbagai

hala di dalam forum-forum antarabangsa yang Malaysia menjadi ahli seperti ASEAN dan juga GATT (Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif).

Agensi penggalakan pemasaran kayu-kayan juga menjalankan risikan pasaran kayu gergaji luar negeri yang mana hasil-hasil risikan itu disebar kepada para pengeksport kayu gergaji untuk memudahkan mereka merancang dan melaksanakan strategi-strategi pemasaran yang berkesan.

Hasil daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan itu, Malaysia masih tetap menjadi pengeksport kayu gergaji tropika yang terbesar pada masa ini, bahkan pada tahun 1986 eksport kayu gergaji menghasilkan pendapatan eksport berjumlah \$1,236 juta iaitu 25% lebih tinggi daripada pendapatan pada tahun 1985 yang hanya berjumlah \$1,009 juta.

Malaysia adalah masih mampu membekalkan kayu gergaji bagi memenuhi permintaan yang meningkat. Kegagalan memenuhi permintaan yang sekali sekala berlaku adalah perkara biasa di dalam perdagangan kayu gergaji kerana ia dipengaruhi oleh harga yang sanggup dibayar oleh pembeli dan juga bekalan balak yang biasanya terputus oleh cuaca buruk di hujung sesuatu tahun.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya setelah huraian telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya negara manakah yang banyak sekali yang kita eksport kayu gergaji ini buat masa ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, negara yang paling banyak mengimport kayu gergaji kita ialah EEC iaitu 54.2%.

**UNDANG-UNDANG
PENTADBIRAN HUKUM
SYARAK—PENYERAGAMAN**

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apa-apakah langkah yang telah diambil untuk menyelaraskan pelaksanaan Undang-undang Islam di peringkat negeri-negeri. Sila nyatakan apakah yang menjadi tumpuan penyelarasan itu dan bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh negeri yang berkenaan.

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan dalam pelaksanaan hukum syarak di negara ini tidakkah mungkin diselaraskan pelaksanaannya di seluruh negara demi kepentingan dan kebaikan Umat dan Agama Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pagoh pada hari ini juga kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan mempunyai maksud dan tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyeragamkan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak di negeri ini dan menyelaras pelaksanaannya.

Kanun Jenayah Syariah 1985 yang dikuatkuasakan di Negeri Kelantan itu adalah telah digubal berpandukan perakuan Jawatankuasa Mengkaji Kadar Hukuman Bagi Kesalahan Jenayah Syariah yang telah ditubuhkan di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam dalam tahun 1983 oleh Persidangan Ketua-ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri. Perakuan itu juga dijadikan panduan oleh pihak-pihak berkuasa agama Islam Negeri

dalam usaha yang sedang dilaksanakan bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri masing-masing. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak adalah undang-undang Negeri dan bukan undang-undang Persekutuan. Oleh itu terserahlah kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk memutuskan bilakah Enakmen yang demikian akan dikuatkuasakan.

Dalam hubungan ini Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1968. Salah satu tugas Majlis Kebangsaan ini ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan dan pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Bidang tugas Majlis yang saya sebutkan tadi sekali gus menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai tumpuan penyelarasan iaitu untuk memperbaiki dan menyeragamkan undang-undang. Langkah-langkah yang telah diambil adalah dua aspek. Pertama aspek undang-undang, dan dalam aspek ini Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri telah dan sedang dikaji untuk menuju ke arah penyeragaman. Aspek kedua ialah pentadbiran, dalam aspek ini langkah yang telah diambil ialah menyusun semula organisasi Mahkamah Syariah dan sistem pentadbirannya dan mengadakan skim latihan bagi Kadi-kadi.

Di samping itu usaha-usaha sedang giat dibuat untuk mengadakan dan menyeragamkan peraturan dan kaedah perjalanan mahkamah dan prosedur kerja bagi Kadi-kadi dalam mengendalikan kes-kes. Satu lagi aspek penyelarasan ialah fatwa. Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Fatwa peringkat kebangsaan dan melalui jawatankuasa ini masalah fatwa dibincang terlebih dahulu untuk diselaraskan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan yakin bahawa peruntukan hukum sebat yang diberi kepada Mahkamah Syariah boleh mengatasi masalah kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara kita ini?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin kerana semua usaha yang dibuat oleh Kerajaan adalah berdasarkan kepada keyakinan. Keyakinan ini di antaranya adalah diasaskan kepada kenyataan bahawa perkara baik dan buruk itu merupakan satu nilai yang universal kalau ia dilihat daripada nilai-nilai yang asasi ataupun yang primary.

Oleh kerana itu apa yang berlaku sekarang ini adalah sebagai salah satu tanda di antara beberapa banyak tanda-tanda yang lain ke arah membentuk masyarakat supaya mereka hidup dalam keadaan yang harmoni dan hidup dalam keadaan aman damai di kalangan semua kaum.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada menyeragamkan undang-undang Islam di semua negeri sejauh manakah usaha Jabatan Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri mempunyai program ataupun perancangan aktiviti bagi menerangkan kepada seluruh masyarakat Islam khususnya supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tanggapan di atas keadilan undang-undang Islam yang dijalankan ini dan mudah-mudahan penerangan yang jelas ini tidak menimbulkan kekeliruan juga kepada pihak bukan Islam? Sebab saya percaya, Tuan

Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini jikalau penerangan-penerangan yang jelas, yang luas di seluruh negara, saya penuh yakin bukan Islam juga boleh menerima hukum-hukum Islam yang boleh membawa kebaikan kepada seluruh masyarakat di negara kita ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa program yang dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam termasuklah urusan menerangkan tentang kedudukan undang-undang Islam. Khusus mengenai dengan penerangan mengenai undang-undang Islam ini usaha-usaha yang dibuat bagaimana yang telah diketahui oleh umum bahawa latihan-latihan yang khusus kepada mereka yang terlibat dalam urusan ini dibuat supaya kefahaman mereka lebih mendalam dan program ini dibuat kerana kita dapati sebahagian daripada mereka yang bercakap mengenai dengan undang-undang Islam disebabkan oleh satu keadaan emosi yang menekan mereka. Mereka telah melihatkan beberapa aspek yang kadang-kadang menimbulkan ketakutan bagi masyarakat. Maka kerana itu beberapa aspek penting dalam undang-undang Islam iaitu mengenai dengan siasah syarak ataupun rahsia-rahsia yang terkandung disebalik semua undang-undang dijelaskan dan penerangan yang dibuat ini sekarang sedang berjalan pada mereka yang terlibat dalam urusan undang-undang.

Selain daripada latihan yang khusus dibuat kepada mereka yang terlibat dalam undang-undang iaitu yang terlibat secara langsung di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri maka beberapa program untuk orang ramai sedang berjalan menerusi beberapa program dan di antara program itu ialah siri dailog khusus yang dianjurkan oleh Bahagian ini kepada semua kumpulan masyarakat

termasuklah kumpulan mass media, kumpulan profesional dan juga kumpulan pentadbiran. Saya percaya dialog seperti ini akan diperluaskan dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan James Jimbun Anak Pungga.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan James Jimbun Anak Pungga tidak hadir)

BADAN BERKANUN— KUASA AUTONOMI

5. **Drs Sulaiman bin Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah Kerajaan telah dapat mengawal Badan-badan Berkanun sejak Kerajaan telah menarik balik kuasa autonomi Badan-badan Berkanun dan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menswastakan Badan-badan Berkanun ini, memandangkan berjuta-juta ringgit telah kerugian dan apakah bentuk kawalan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari segi kewangan dan perjawatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah menarik balik kuasa autonomi Badan-badan Berkanun. Walau bagaimanapun, pengawasan dan pengawalan yang sewajarnya dijalankan ke atas Badan-badan Berkanun oleh Agensi-agensi Pusat dan Kementerian-kementerian berkenaan bagi memastikan supaya kegiatan-kegiatan Badan-badan Berkanun menepati dasar-dasar umum dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Kawalan ke atas Badan-badan Berkanun adalah dilaksanakan melalui cara-cara seperti berikut:

- (1) Dasar-dasar umum yang dirangka dan dirumuskan oleh

Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun adalah diawasi oleh Kementerian yang bertanggungjawab ke atas Badan Berkanun yang berkenaan. Kementerian berkenaan juga bertanggungjawab bagi mengawasi perjalanan dan pencapaian matlamat Badan-badan Berkanun dari masa ke semasa.

- (2) Melalui proses belanjawan, pemeriksaan dijalankan oleh Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi ke atas pencapaian Badan-badan Berkanun dalam melaksanakan program atau aktiviti serta projek-projek pembangunan.
- (3) Dalam bidang kontrak dan tender, Badan-badan Berkanun adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan.
- (4) Badan-badan Berkanun tidak dibenarkan memperolehi pinjaman atau membuat sebarang pelaburan tanpa persetujuan Perbendaharaan.
- (5) Di samping itu Akta 240 Akaun dan Laporan Badan-badan Berkanun memerlukan Penyata Kewangan setiap Badan Berkanun dikemukakan bagi tujuan audit dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya sesuatu tahun kewangan.

Mengenai usaha-usaha penswastaan Kerajaan sememangnya telah mengenalpasti kemungkinan menswastakan Badan-badan Berkanun. Walau bagaimanapun perlu dijalankan kajian yang teliti terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan dibuat dalam hal ini. Sungguhpun demikian, pihak swasta yang berminat adalah diundang untuk mengemukakan cadangan mereka bagi mengambil alih Badan-badan Berkanun atau projek Kerajaan yang

boleh diswastakan. Mengenai kawalan pengurusan Badan-badan Berkanun adalah masih di bawah kuasa Lembaga Pengurus dan di bawah kawalan Menteri yang bertanggungjawab sepertimana yang diperuntukkan di bawah perundangan yang menubuhkan Badan Berkanun berkenaan.

Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap pengurusan badan-badan tersebut hanyalah berdasarkan arahan-arahan pentadbiran yang meliputi aspek-aspek pengwujudan jawatan, penyeragaman syarat-syarat perkhidmatan dan penentuan skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang berkenaan. Dari segi pelaksanaannya kebanyakan daripada Badan-badan Berkanun mematuhi arahan-arahan tersebut.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas dan lengkap, tetapi saya ingin tahu daripada langkah-langkah yang telah dinyatakan itu, saya percaya ada lagi aspek-aspek yang agak longgar mengenai pengawalan dan pengawasan setengah-setengah Badan Berkanun. Sepertimana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, banyak badan-badan Berkanun yang mempunyai anak-anak syarikat. Di sinilah letaknya kadang-kadang urusan-urusan yang tidak sesuai, yang tidak selaras dengan langkah-langkah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Umpamanya pada satu masa dahulu ada peruntukan CIC dan FIC yang menentukan bahawa bagi setiap pelaburan yang lebih daripada \$1 juta haruslah perkara itu dirujuk kepada CIC dan FIC, tetapi ada setengah-setengah Badan Berkanun mengelakkan daripada mengikuti peruntukan ini dengan mengagihkan pembelian ataupun pelaburan itu kepada anak-anak syarikatnya. Jadi berlakulah keadaan di mana menurut peruntukannya betul, tetapi menurut

peruntukannya betul, tetapi menurut asas pelaburan seperti Yang Berhormat katakan tadi tidak sesuai. Jadi apakah langkah-langkah untuk memastikan supaya amalan seperti itu tidak akan terus berlaku dengan meluasnya?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima cadangan ataupun teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat, tetapi bagi anak-anak syarikat yang dikendalikan oleh Badan-badan Berkanun adalah dikuasai oleh Pengarah Pengurusan Badan-badan Berkanun tersebut. Tetapi untuk memberi lagi tekanan supaya pengawasan anak-anak syarikat Badan Berkanun itu akan berkesan kita akan melantik Ketua-ketua Eksekutif dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman dan berkebolehan dalam tiap-tiap satu Badan Berkanun supaya mereka ini akan dapat meneliti perjalanan anak-anak syarikat dengan baik dan ada juga dikehendaki supaya tiap-tiap anak syarikat itu akan dianggotai Lembaga Pengarahnya oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam Badan-badan Berkanun tersebut.

Kedua, pihak Kementerian yang mengawasi Badan-badan Berkanun tersebut juga akan membuat arahan kepada Badan-badan Berkanun tersebut supaya Badan-badan Berkanun yang telah membuat anak syarikatnya untuk kepentingan pelaburan Badan-badan Berkanun tersebut supaya pengawasan yang lebih rapi akan dapat diteliti lagi. Sebagaimana yang telah saya tekankan tadi bahawa pelaburan-pelaburan badan-badan Berkanun ini tidak dibolehkan tanpa kebenaran daripada Kementerian yang mengawasinya. Di situlah yang sepatutnya ada pengawasan yang teliti, pengawalan yang baik dan ketat bagi anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Badan-badan Berkanun. Terima kasih.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa buahkah Badan-badan Berkanun telah ditubuhkan setakat bulan Disember, 1986 dan berapakah jumlah bilangannya anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Badan-badan Berkanun ini; dan berapakah kerugian yang dialami oleh anak-anak syarikat ini ataupun adakah keuntungan yang didapati oleh anak-anak syarikat ini?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan ini, adalah kawalan mengenai Badan-badan Berkanun dan bukan anak syarikat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat ini kita mempunyai sebanyak 79 buah Badan-badan Berkanun yang telah ditubuhkan dan Kerajaan berpuas hati bahawa perjalanan Badan-badan Berkanun ini ada mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mengenai untung rugi syarikat-syarikat ini tidaklah patut diberitahu dalam Dewan ini kerana kesemua laporan tahunannya akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dan di situ nanti Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah meneliti dengan teliti lagi berkenaan dengan prestasi kewangan tiap-tiap Badan-badan Berkanun yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar.

(Soalan No. 6 Y.B. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 7 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN— MEMBANGUNKAN

8. Puan Ling Chooi Seng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menghuraikan sifat dan kandungan program-program dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan demi membangunkan dan memperkayakan kebudayaan nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, usaha bagi membangun dan memperkayakan kebudayaan kebangsaan dijalankan melalui langkah-langkah berikut:

- (i) memulih, memelihara dan memupuk warisan budaya melalui kerja-kerja penyelidikan, pendokumentasian dan penyebaran maklumat menerusi penerbitan, kegiatan pendidikan dan pengem-bangan;
- (ii) membina dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha-usaha membimbing dan melatih para peminat, pendukung dan penggerak seni budaya sebagai jentera perkembangan yang berkesan. Ini termasuk pembinaan tahap kepakaran dan keilmuan budaya;
- (iii) menggalakkan kerjasama dan pertukaran budaya antara-bangsa. Usaha ini termasuk mengadakan seminar antara-bangsa dan sumbangan keilmuan pakar-pakar luar negeri; dan
- (iv) mempertingkatkan mutu kesenian ke taraf yang cemerlang.

Usaha-usaha ini sekali gus mengambil kira sumbangan dan penglibatan semua kaum di negara ini serta langkah-langkah penerapan

unsur-unsur budaya lain yang tinggi nilainya yang boleh membantu ke arah pembinaan tamadun bangsa Malaysia.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar bahawa ada golongan-golongan terutamanya di luar negeri yang memperkecil-kecilkan usaha-usaha memupukkan kebudayaan nasional Malaysia dan usaha-usaha ini terutamanya terdapat dari kalangan penulis-penulis dan pemberita-pemberita majalah British seperti "The Economist" umpamanya, yang telah mendakwa bahawa kebudayaan selain daripada kebudayaan Melayu tidak dibenarkan berkembang di Malaysia ini. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah untuk membetulkan anggapan mereka?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar sedikit sebanyak berlaku perkara sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat itu. Untuk mengatasi perkara-perkara yang seperti ini, Kementerian menerusi misi-misi budaya ke luar negeri sentiasa mengadakan kegiatan-kegiatan yang mencerminkan semua kaum turut serta di dalam masalah pembinaan Kebudayaan Nasional ini.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di pusat pelancongan Malacca Village Resort yang ada didedahkan adalah satu budaya sahaja. Ciri-ciri bangunan dan apa-apa lain yang ada di Malacca Village Resort ini adalah semua budaya kaum Melayu sahaja. Apakah langkah-langkah Kementerian akan ambil mengatasi satu gambaran yang akan diberi kepada orang-orang yang melawat tempat ini iaitu Kebudayaan Nasional bukan sahaja kebudayaan kaum Melayu tetapi Kebudayaan

Nasional adalah kebudayaan yang menyerapkan semua kebudayaan lain-lain bangsa iaitu Cina, India, Iban dan Kadazan?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, melihat Kebudayaan Nasional di negara kita ini jangan sahaja pergi ke Malacca Resort, tetapi kenalah kita meneliti ke seluruh aspek ataupun bangunan-bangunan ataupun apa juga yang berbentuk budaya yang menjadi warisan negara kita ini di seluruh negara. Jadi, apabila kita melihat perkara ini dengan cara yang sebegini, maka kita dapatlah bukan sahaja kebudayaan yang mencerminkan kaum Melayu tetapi kebudayaan yang mencerminkan pelbagai kaum yang ada di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

LEBUHRAYA UTARA/ SELATAN—KEMUDAHAN

11. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pembinaan kemudahan-kemudahan di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan seperti restoran, bilik air, telefon awam, stesen minyak dan perkhidmatan Polis dan ambulan dilaksanakan apabila Lebuhraya ini siap kelak.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememanglah merancang

untuk menyediakan berbagai kemudahan di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan apabila ianya siap dibina. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Restoran;
- (ii) Gerai-gerai;
- (iii) Tempat letak kereta;
- (iv) Telefon awam;
- (v) Pondok Polis;
- (vi) Surau;
- (vii) Stesen minyak;
- (viii) worksyop;
- (ix) Tandas serta kemudahan tempat mandi.

Jikalau boleh masa akan datang kita boleh juga menimbang mengadakan hotel-hotel. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Seremban-Kuala Lumpur ada terdiri 2 gerai yang difahamkan memakan belanja yang begitu banyak, tetapi malangnya sehingga ke hari ini nampaknya gerai-gerai itu tidak digunakan. Mengapakah perkara ini berlaku?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu, pada masa sekarang kita ada gunakan, masa dahulu tidak. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam menyenaraikan 9 jenis kemudahan itu di manakah akan terletaknya kemudahan-kemudahan itu di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan dan berapa buah umpamanya restoran, bilik air, Pondok Polis yang akan dibina apabila siapnya pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang kita telah menetapkan lebih kurang 16 buah stesen-stesen "rest and service area" seperti itu dalam jumlah Lebuhraya itu. Masa hadapan jikalau ada juga pengguna-pengguna suka mengadakan lebih kemudahan, kita boleh juga menambah kemudahan itu.

Tuan Chian Heng Kai: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada pemborong-pemborong yang mendapat tawaran membina Lebuhraya Utara/Selatan dipujuk untuk membeli tiket-tiket loteri MIED oleh kerana Yang Berhormat itu kata dia seorang boleh jual satu juta tiket! (*Tepuk*)

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukanlah kontraktor-kontraktor sahaja, Ahli-ahli DAP pun ada juga menolong beli tiket (*Ketawa*). Itu perkara lain, perkara itu tidak ada hubungan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

TIMBALAN GURU BESAR— JAWATAN

12. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa bilangan guru B1 yang layak mempunyai peluang untuk menjadi Timbalan Guru Besar di sekolah C;
- (b) mengapa guru jenis T yang mengajar Sains dan Teknologi tidak dapat naik pangkat; dan
- (c) kelayakan guru D2 boleh meningkat ke D1.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Sekolah Rendah Gred "C" tidak mempunyai jawatan

Penolong Kanan atau Timbalan Guru Besar. Oleh itu tidak timbul masalah guru B1 menjawat jawatan tersebut.

- (b) Semua guru Kategori T1 mempunyai peluang kenaikan pangkat yang sama ke Kategori T1 Tingkatan Khas dan Kategori T1 Tingkatan Tertinggi.
- (c) Mengikut Skim Perkhidmatan Kategori D1 yang diluluskan, pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori D2 boleh ditimbangkan untuk perlingtonan ke Kategori D1 setelah ia disahkan dalam jawatan Kategori D2 dan berkhidmat di Kategori tersebut tidak kurang daripada 5 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1986 Kementerian Pelajaran telah pun mendapat kelulusan Agensi Pusat supaya mereka yang berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam Kategori D2 boleh ditimbangkan untuk perlingtonan ke D1.

Tuan Lau Dak Kee: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu bahawa Kategori T berkenaan dengan guru-guru yang mengajar Sains dan Teknologi itu didapati angka yang banyak dan lama belum dapat meningkatkan kedudukannya dan sama ada Kerajaan mencadangkan untuk meningkatkan kedudukan mereka sampai ke satu taraf yang selaras dengan guru-guru yang sama? Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu mengapakah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) itu tidak mempunyai Timbalan Guru-guru Besar?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, jumlah guru-guru yang berada dalam Gred T adalah ramai dan jawatan-jawatan

kosong, kenaikan pangkat adalah terhad walaupun Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahkan peluang untuk kenaikan pangkat. Oleh kerana itu maka tidaklah boleh kita mengharapkan kalau ramai jumlah guru maka ramailah akan naik pangkat. Kita terpaksa mengambil kira akan banyak perkara disebabkan oleh tempat yang terhad bagi mereka dan dari segi langkah yang kita ambil memang kita berusaha sedaya upaya untuk menentukan supaya peluang-peluang kenaikan pangkat diberi kepada mereka ini berasaskan kepada keadaan kewangan negara dan sebagainya. Namun demikian, pada masa ini kita dapati bahawa keadaan ekonomi belum mengizinkan dan tidaklah boleh kita melaksanakannya secepat mungkin.

Mengenai soal yang ketiga, saya perbetulkan sedikit apa Yang Berhormat sebutkan tadi ialah Sekolah Rendah Gred "C" bukan Sekolah Rendah Kebangsaan "C". Memang mengikut sistem pelajaran kita sekarang, kita tidak memberi Penolong Kanan kepada sekolah itu kerana sekolah itu ialah sekolah jenis kecil yang murid-muridnya adalah berjumlah begitu kecil dan kita percaya bahawa Guru Besar-guru besar itu mampu untuk mengendalikan pentadbiran sekolah itu.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar, dalam tindakan kenaikan pangkat guru-guru dan Guru Besar dan pertukaran guru-guru Perkhidmatan Pelajaran Negeri Johor adalah seorang kuat UMNO yang juga seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir ini enggan tukar kepada lain sekolah disebabkan dia seorang guru berpangkat tinggi. Maka semua tindakan pertukaran guru dan Guru Besar dan kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Pelajaran Negeri

Johor sekarang disekat. Apakah tindakan Kementerian Pelajaran akan ambil terhadap seorang orang kuat UMNO ini enggan menerima pertukarannya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini. Kalau sedar sudah tentu saya sudah menerima laporan rasmi mengenai ini. Namun demikian, saya rasa mungkin perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu timbul berasaskan kepada kacamatanya pandangan beliau sendiri, dari kacamatanya Kementerian saya tidaklah ada pilih kasih dari segi memindahkan guru-guru dan sebagainya sama ada mereka orang UMNO atau tidak UMNO, kita tetapi menjalankan tugas secara adil dan saksama.

PELABURAN SWASTA OLEH PELABUR ASING/TEMPATAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pelaburan swasta oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan telah bertambah sejak pengumuman mengenai insentif baru dalam ucapan Budgetnya pada Oktober yang lalu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal bagi Kerajaan menilai keberkesanan insentif-insentif baru yang diimplimentasikan yang telah diumumkan dalam Ucapan Belanjawan pada bulan Oktober yang lepas, bagi menggalakkan pertumbuhan pelaburan swasta oleh pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan. Walau bagaimanapun, dari butir-butir yang diperolehi adalah didapati bahawa jumlah modal cadangan yang dipohon kelulusan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan bagi tempoh antara 24-10-1986 hingga 31-12-1986 telah meningkat jikalau kita

membandingkannya dengan tempoh yang sama pada tahun 1985. Ini membayangkan bahawa sambutan yang diberikan terhadap insentif-insentif baru ini adalah menggalakkan. Jumlah modal yang dicadang berasaskan permohonan daripada pelabur-pelabur asing telah meningkat sebanyak 58.8% iaitu daripada \$46.5 juta ke \$73.7 juta, manakala bagi pelabur-pelabur tempatan, ianya telah meningkat juga sebanyak 17.1% iaitu daripada \$112 juta ke \$131.2 juta.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jumlah pelaburan itu sila beri pecahan dari negara terutamanya negara Jepun sama ada ia merupakan satu negara terbesar melabur di negara kita dan jikalau tidak, adakah ini menunjukkan bahawa negara Jepun tidak membalas tumpuan negara kita terhadap Jepun dalam Dasar Pandang ke Timur dan adakah Kerajaan akan mengkaji balik dasar ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan Malaysia kita ini, kita ingin menarik jikalau boleh pelabur-pelabur asing bukan sahaja daripada negara Jepun. Jadi, Kerajaan sedar bahawa Jepun seharusnya membalas sedikit sebanyak tetapi memandangkan bahawa bilangan pelabur-pelabur Jepun yang telah datang ke Malaysia ini, Malaysia juga berasa puas hati.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pertambahan pelaburan tempatan sebanyak 17% yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada \$112 juta kepada \$131 juta. Saya sedia maklum bahawa mungkin kenaikan sebanyak 17% disebabkan insentif yang baru tetapi ada pandangan yang mengatakan bahawa, dan hakikatnya adalah seperti yang dirasakan sekarang, kadar faedah turun yang mungkin menyebabkan pelaburan

meningkat dan pelaburan meningkat juga oleh kerana kecairan pasaran kewangan bertambah baik. Dan keadaan kecairan pasaran kewangan bertambah baik kerana mungkin pengaliran wang daripada semua sektor kepada sektor institusi kewangan. Mungkin sebabnya ialah ekoran daripada krisis koperasi yang mengambil deposit yang akhirnya membawa kesan kecairan mengalir balik kepada institusi kewangan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah ini merupakan satu daripada sebab mengapa adanya kecairan dalam sistem kewangan sekarang yang menyebabkan akhirnya kadar faedah turun dan pelaburan tempatan meningkat?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi negara tentulah dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor. Faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu mungkin ada. Tetapi di sini saya ingin mengatakan bahawa apa-apa juga faktor yang mempengaruhi keadaan atau kedudukan ekonomi negara kita ini yang akhirnya membawa kenaikan wang pelaburankah atau menaikkan tahap pelaburan daripada luar negeri, negara kita ini menganggapkan faktor-faktor itu patut digalakkan.

MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG KERAMAT/KAMPUNG BUMIPUTERA

14. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa ramai pendatang haram Indonesia yang didapati menjadi mangsa kebakaran Kampung Datuk Keramat dan Kampung Bumiputera baru-baru ini semasa pendaftaran dibuat dan adakah Kerajaan memberikan bantuan kepada mereka serta adakah bantuan ini tidak membayangkan sikap Kerajaan sebagai membenarkan kehadiran

pendatang haram ini dan lebih menggalakkan mereka masuk ke Malaysia.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluarga mangsa-mangsa kebakaran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (i) Kampung Bumiputera—sebanyak 14 keluarga (Melayu dan Indonesia). Mangsa-mangsa kebakaran yang dikatakan berasal dari Indonesia terdiri daripada 5 keluarga yang mengandungi 17 orang.
- (ii) Kampung Keramat Tengah—sebanyak 200 keluarga (Melayu dan Indonesia). Keluarga Indonesia terdiri daripada 55 keluarga yang mengandungi 181 orang.

Dalam hubungan ini, 8 keluarga Indonesia telah menerima tawaran rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, manakala yang bakinya telah menolak tawaran tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan memberi bantuan atas dasar bahawa mereka ini adalah merupakan orang-orang yang terlibat sama di dalam kebakaran-kebakaran tersebut, tambahan pula mereka mempunyai Kad Pengenalan Merah. Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bukanlah bererti bahawa Kerajaan menggalakkan kehadiran warganegara Indonesia di negara ini seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada benar bahawa untuk keluarga-keluarga Indonesia ini yang telah diberi rumah pangsa untuk kediaman bahawa mereka dibenarkan

menduduki rumah pangsa itu selama 6 bulan sahaja dan selepas itu mereka dikehendaki keluar daripada rumah pangsa itu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini diberi peluang sedemikian untuk memberi masa kepada mereka mencari tempat yang sesuai kerana rumah-rumah pangsa yang disediakan oleh Dewan Bandaraya sentiasa dikehendaki oleh warganegara tempatan yang banyak menunggu untuk menduduki ataupun menyewa rumah yang berkenaan.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tahu adakah dalam kebakaran di Kampung Keramat Tengah ini pihak Kerajaan mencukupi peruntukan. Kalau cukup, mengapa pada hujung bulan ini ada empat buah panggung wayang di Kuala Lumpur mengadakan pertunjukan charity, dengan izin, untuk maksud mengutip tabung ataupun wang untuk mangsa-mangsa dalam kebakaran ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya kurang faham apa Yang Berhormat maksudkan "mengutip". Mengutip apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekali lagi.

Tuan Hu Sepang: Ya, saya akan ulang dan saya harap Yang Berhormat dengar baik-baik. (*Ketawa*)

Soalan tambahan saya, Tuan Speaker, ialah adakah Kerajaan mempunyai cukup peruntukan ataupun wang untuk membantu mangsa-mangsa dalam kebakaran ini. Kalau cukup, mengapa pihak tertentu mengadakan empat pertunjukan filem di empat buah panggung wayang di Kuala Lumpur hujung bulan ini untuk tujuan mengutip tabung wang untuk mangsa-mangsa kebakaran itu? Faham? (*Ketawa*)

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memang dengar apa yang Ahli Yang Berhormat cakapkan itu, cuma beliau kata tadi Kerajaan mengutip. Jadi tak ada, Kerajaan tidak mengutip sesiapa berkenaan perkara ini. Yang sebenarnya, Jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi memulihkan mangsa-mangsa kebakaran ini diberi peluang bagi memungut—bukan mengutip (*Ketawa*), wang daripada orang ramai secara sukarela untuk membolehkan supaya mangsa-mangsa ini dapat kita pulihkan semula, dapat diberi tempat yang sesuai. Alhamdulillah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua masyarakat, semua pemimpin-pemimpin yang telah tampil ke hadapan untuk memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan melalui tabung yang telah diwujudkan oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Dari segi Kerajaan, maka kita bersedia untuk memberi apa juga bantuan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan, tetapi saya percaya bahawa dari apa yang telah ditunjukkan oleh masyarakat kita tidak perlu memberi peruntukan yang lebih. Saya harap DAP pun akan bersama-sama bertanggungjawab.

HARGA BERAS

15. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah beliau bercadang untuk mengkaji semula harga beras yang diumumkan pada tahun 1974 dan mengurangkan grednya daripada 17 kepada 3 sahaja supaya harganya ditetapkan mengikut permintaan dan tawaran pasaran sebagaimana saranan yang dibuat oleh Setiausaha Agung Persatuan Peniaga-peniaga Beras Semenanjung (PPPBS) baru-baru ini.

18-3-87

65. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah LPN bercadang

mengkaji semula harga beras seperti yang diminta oleh Persatuan Pemborong-pemborong Beras Semenanjung baru-baru ini dan adakah kajian ini akan memberikan harapan bagi kenaikan harga padi seperti yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadual untuk dijawab pada 18hb Mac, 1987 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Pada masa ini Kementerian ini memang sedang mengkaji secara teliti mengenai beras yang dipasarkan dengan tujuan untuk menyelaraskan harga-harga dan gred-gred yang ada dan jika didapati wajar, maka perubahan-perubahan ke atas struktur harga dan penggredan akan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dibuat ini tidak bersangkut-paut dengan saranan Setiausaha Agung Persatuan Peniaga-peniaga Beras Semenanjung kerana kajian ini telah dibuat lama sebelum saranan itu disuarakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mohd. Sharif bin Jajang.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir)

SISWAZAH—SKIM KHAS KERAJAAN

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan kira-kira 4,000 siswazah yang dilantik di bawah skim khas Kerajaan untuk memberi pekerjaan sementara kepada siswazah yang mana akan tamat pada Jun ini. Jika tidak, apa sebabnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu para siswazah yang masih menganggur dan belum dilantik di bawah skim khas Kerajaan itu.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang meneliti perkembangan skim khas ini. Sehingga ini, keputusan belum lagi dibuat sama ada skim ini akan dilanjutkan atau diberhentikan pada bulan Jun akan datang. Untuk siswazah-siswazah yang masih menganggur dan tidak berpeluang dilantik di bawah skim khas ini, Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan beberapa program yang difikirkan sesuai untuk mereka. Antara program-program yang telah diumumkan ialah Skim Latihan Khas dan Skim Siswazah Tani. Lain-lain program masih lagi di peringkat perancangan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sama ada beliau sedar atau tidak siswazah-siswazah telah meningkat tahun demi tahun, sehingga ini angka-angka itu mungkin lebih besar daripada angka-angka yang lalu. Maka Kerajaan selalu menggalakkan siswazah-siswazah itu bekerja atau masuk perkhidmatan Kerajaan, tetapi hari ini Kerajaan tidak menerima mereka lagi oleh kerana menghadapi kemelesetan ekonomi. Adakah Kerajaan mengadakan apa-apa langkah untuk menolong mereka di mana mereka tidak akan menghadapi

pengangguran lagi, di mana mereka akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak sihat, di mana mereka yang tidak dapat kerja. Apa langkah-langkah yang tertentu?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada dua rancangan yang telah saya katakan tadi, Kerajaan juga melalui Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sedang merangka 6 program untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Secara ringkas program-program itu adalah Skim Latihan Khas iaitu melalui skim ini siswazah-siswazah yang terlibat akan diberi bimbingan dalam jurusan perniagaan supaya mereka boleh berdikari di masa akan datang.

Kedua, ialah Skim Siswazah Tani. Melalui skim ini kita berharap supaya siswazah-siswazah berkenaan akan diberi peluang menceburkan diri dalam bidang pertanian dengan harapan mereka akan memodenkan sektor ini di samping memberi pekerjaan kepada siswazah-siswazah itu sendiri.

Ketiga, ialah Skim Latihan Kemahiran di mana melalui skim ini mereka ini, iaitu siswazah-siswazah akan dilatih kemahiran tertentu supaya dalam jangka masa panjang membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan di mana-mana agensi ataupun bekerja sendiri.

Keempat, Skim Penempatan di Sektor Swasta di mana siswazah-siswazah ini akan dihantar berlatih di sektor swasta dengan harapan mereka kemudiannya akan dilantik ke syarikat-syarikat di mana mereka berlatih jika didapati sesuai kelak.

Kelima, Skim Pekerjaan di Sektor Awam. Ini memang telah diusahakan dan akan diusahakan dan melalui skim ini kita mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang sesuai di sektor awam

bagi menampung siswazah-siswazah itu. Ini memerlukan penelitian yang teliti dan akan dilaksanakan bila ada peluang-peluang yang timbul.

Keenam, penghabisan sekali adalah skim melanjutkan pelajaran. Melalui skim ini kita akan membuat satu sistem pengumpulan data-data mengenai pekerjaan, keperluan-keperluan mewujudkan perniagaan dan keperluan kaunseling kepada siswazah yang akan diwujudkan dan pengwujudan sistem ini akan membantu siswazah tadi untuk mendapatkan maklumat asas mengenai peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi di bidang swasta ataupun di tempat-tempat yang lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat 32 orang pegawai yang telah ditempatkan di Jabatan Tanah Negeri Kelantan telah menerima notis tamat perkhidmatan pekerjaan sehingga penghujung bulan ini, manakala tugas mereka adalah bahagian ukur tanah dan masih banyak lagi memerlukan perkhidmatan mereka dan difahamkan Kerajaan Negeri mampu untuk menguruskan dari segi hal gaji mereka, manakala difahamkan pihak JPA telah mengeluarkan arahan supaya mereka itu ditamatkan perkhidmatan? Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengambil tindakan segera supaya nasib mereka yang bekerja selama 3-8 tahun itu dapat diselamatkan oleh kerana ramai tanggungan-tanggungan, anak isteri mereka itu yang perlu juga makan nasi seperti kita semua?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar bahawa ada pegawai-pegawai yang telah diberi notis untuk diberhentikan pekerjaan di Kelantan. Setiap orang yang diberhentikan daripada pekerjaannya

adalah mengikut dasar-dasar, peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JPA. Walau bagaimanapun, kami akan menyiasat tentang perkara ini dan sekiranya mereka itu telah diberi notis untuk berhenti kerja tidak melanggar apa-apa kesalahan mengikut peraturan-peraturan perkhidmatan mereka, kita akan bersedia untuk menelitinya kembali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed.

(Soalan No. 19 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed tidak hadir)

BELIA MENGANGGUR— LATIHAN

20. Tuan Muhammad Yusoff bin Haji Abdul Latif minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya bercadang untuk membuat perancangan bagi mengatasi masalah belia-belia menganggur yang semakin hari semakin bertambah;
- (b) jika ya, nyatakan bidang-bidang dan kawasan-kawasan yang dicadangkan; dan
- (c) adakah kawasan-kawasan yang dicadangkan ini meliputi seluruh negeri termasuk Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mempunyai perancangan yang tertentu bagi mengatasi masalah belia menganggur. Rancangan-rancangan yang sedia

wujud untuk belia-belia tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Rancangan Belia Berniaga.
- (2) Rancangan Peniaga Kecil.
- (3) Rancangan Belia Peladang.
- (4) Bengkel Teknologi Desa di Sembeling, Kedah; Sungai Buluh, Melaka; Pamah Kulat, Pahang dan Permatang Pauh, Pulau Pinang.
- (5) Pusat-pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Pertak dan Kuala Terengganu dan Institut Belia Usahawan Ibu di Ipoh.

Rancangan-rancangan dalam pelaksanaan dan perancangan pula ialah:

- (1) Pusat Latihan Belia di Jitra, Kedah yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, manakala Pusat-pusat Latihan Belia yang dalam perancangan ialah di Sepang, Selangor dan Wakaf Tapai, Terengganu.
- (2) Kementerian juga sedang membuat perancangan untuk mewujudkan bengkel teknologi desa di tiap-tiap negeri termasuk Pulau Pinang supaya belia-belia diberi latihan kemahiran dengan menggunakan sumber-sumber tempatan. Program-program tersebut terbuka kepada belia di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah tamat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, on point of order di bawah S.O. 14 (2), saya ingin meminta supaya salah seorang Menteri membawa usul untuk meminda Aturan Urusan Mesyuarat supaya Usul atas nama saya dapat

diselesaikan pada hari ini. Kalau tidak ada seorang Menteri pun yang mahu berbuat demikian, saya harap seorang Ahli Yang Berhormat daripada MIC, sekurang-kurangnya seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini boleh membawa usul itu supaya mengubah Aturan Urusan Mesyuarat supaya dapat menyelesaikan perkara No. 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini iaitu Usul atas nama saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak dibenarkan mengeluarkan ucapan pada masa ini.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 6, 7, 9, 10, 16, 17, 19 dan No. 21 hingga 85 adalah diberi di bawah ini).

LEBUHRAYA TIMUR/BARAT MENGHUBUNGI JELI- PASIR PUTIH

1. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Bahagian Lebuhraya Timur/Barat yang menghubungi Pekan Jeli dan Pasir Putih di Kelantan akan siap. Tidakkah pembangunan telah terbelakang dari jadual dan kalau terbelakang sudah berapa lama ianya sudah terbelakang. Berapakah perbelanjaan tambahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan berbanding dengan peruntukan asal. Adakah Kerajaan telah mengenakan denda lewat, kalau ada berapa jumlahnya.

Dato' S. Samy Vellu: Jalanraya Timur-Barat Fasa II yang menghubungi Jeli ke Pasir Putih sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap keseluruhannya pada bulan Disember 1987. Tempoh kontrak bagi pembinaan jalan raya ini adalah antara 1-3-1985 hingga 17-8-1987. Kerja-karya pembinaan adalah terbelakang 4

bulan daripada yang dijadualkan disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk, keadaan tanah yang kurang baik ditemui semasa pembinaan dan perubahan rekabentuk asas jambatan. Walau bagaimanapun kelewatan ini belum lagi melebihi tempoh tamat kontrak yang ditetapkan, iaitu pada 17-8-1987. Oleh itu denda kelewatan belum boleh dikenakan.

Adalah dijangkakan kerja-kerja tambahan akan berjumlah lebih kurang \$6 juta.

BALAI BOMBA DI SARAWAK

4. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah langkah untuk menambah tenaga pekerja dan melengkapkan alatan untuk memadam api bagi balai-balai bomba di Negeri Sarawak khususnya di kawasan luar bandar di Kapit di mana Balai Bombanya tidak mempunyai bangunan yang sendiri. Untuk daerah luar bandar Song pula, tidak seorang pun pekerja bomba diperuntukkan bagi kawasan ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa semenjak Jabatan Bomba Negeri Sarawak diambilalih oleh Kerajaan Pusat, sebanyak 22 buah kereta bomba bertangki, sebuah kereta bomba pembawa foam, sebuah kereta bomba tangga putar (TTL) dan sebuah kereta penyelamat yang kesemuanya berharga kira-kira \$6.8 juta telah dibekalkan kepada Jabatan Bomba Negeri Sarawak.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebuah balai bomba baru akan dibina di Bintulu, Sarawak. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada bulan Mei, 1987 oleh Jabatan Kerjaraya Negeri Sarawak dengan jumlah kos kira-kira \$2.5 juta.

Berhubung dengan Balai Bomba Kapit, Jabatan Bomba dengan kerjasama Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan sebidang tanah yang strategik dan sesuai bagi pembinaan balai tersebut. Walau bagaimanapun, untuk sementara ini, Jabatan Bomba dengan bantuan dari Dewan Perniagaan Cina dan pihak Residen Kapit telah membina sebuah balai bomba sementara dan pada tahun 1985, sebuah kereta bomba jenis bertangki berharga \$184,000.00 telah ditempatkan.

Di luar bandar Song pula, Jabatan Perkhidmatan Bomba belum dapat menempatkan anggota bomba oleh kerana tiadanya balai bomba pada ketika itu. Mengenai tenaga pekerja, sukacita saya maklumkan bahawa bagi tahun 1987 seramai 124 orang anggota telah dilantik untuk bertugas di Negeri Sarawak. Mereka ini sedang menjalani latihan yang akan tamat dalam tempoh empat bulan lagi.

BEKALAN ELETRIK DI KAWASAN LARUT

9. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu bilakah bekalan elektrik akan diberi kepada penduduk-penduduk di Sungai Ara, Pantai Besar, Kampung Haji Mat Asek, Pantai Besar Hulu dan Padang Das dalam kawasan Pilihanraya Larut kerana penduduk-penduduk Larut kerana penduduk-penduduk di kampung-kampung tersebut sering membuat sungutan atas perkara ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang sedia maklum akan sungutan kepada masalah tersebut dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar juga sentiasa berusaha mencari jalan bagi mempercepatkan kemudahan tersebut disampaikan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan ini.

Bagi kampung-kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu (Sungai Ara, Pantai Besar, Kg. Haji Mat Asek, Pantai Besar Hulu dan Padang Das) memang telah dikenalpasti dan telah disenaraikan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun Kementerian tidak dapat memastikan bilakah projek ke kampung-kampung tersebut dapat dilaksanakan kerana ianya bergantung kepada keadaan kewangan negara. Kementerian saya akan memberi perhatian terhadap keperluan bekalan elektrik di kampung-kampung tersebut.

DASAR INTEGRASI NASIONAL

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyerapkan Dasar Integrasi Nasional dan langkah-langkah memupuk semangat cintakan Negara, Bangsa dan Budaya Negara menerusi sistem pembelajaran.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyerapkan Dasar Integrasi Nasional ialah:

- (1) Dari segi penempatan dan pertukaran guru-guru, Kementerian Pelajaran menempatkan mereka mengikut keperluan dengan tidak mengira dari negeri mana mereka berasal.
- (2) Pengambilan pelajar-pelajar memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah meliputi pelajar-pelajar seluruh negara.
- (3) Pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak juga diberi tempat di

beberapa buah sekolah di Semenanjung di bawah anjuran Yayasan Sabah/Sarawak.

- (4) Mengadakan aktiviti ko-kurikulum bagi menyemai semangat integrasi seperti dalam sukan, kuiz, pidato dan bahas—sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.
- (5) Mengadakan khemah kerja Integrasi Pelajar-pelajar Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
- (6) Mengadakan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan di kalangan murid-murid semua jenis sekolah rendah. Rancangan ini diadakan di beberapa buah negeri dengan tujuan, antara lain, untuk menyemai semangat muhibbah dan perpaduan.

Antara langkah-langkah untuk memupuk semangat cintakan negara, bangsa dan budaya negara menerusi sistem pembelajaran ialah:

1. Beberapa mata pelajaran di sekolah seperti Sivik, Pendidikan Kewarganegaraan dan Sejarah adalah diajar dengan menyentuh beberapa aspek seperti berikut:

a. **Sivik—**

1. Pengetahuan yang berkaitan dengan negara dan masyarakat berbilang kaum.
2. Sikap yang sihat dan positif sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
3. Tingkah laku yang baik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

b. **Pendidikan Kewarganegaraan—**

1. Pengetahuan mengenai Sejarah sebagai suatu keseimbangan yang akan

memberikan tanggungjawab dan sudut pandangan terhadap akar umbi dan proses perkembangan bangsa dan negara.

2. Pengetahuan tentang ciri-ciri masyarakat dan budaya negara.
3. Pengetahuan mengenai pencapaian pembangunan negara sejak merdeka.

c. **Sejarah—**

1. Tajuk-tajuk yang menekankan semangat kerjasama antara kaum.
2. Cerita-cerita sejarah perjuangan kebangsaan dan kisah pengorbanan oleh pejuang-pejuang masa lampau untuk kebahagiaan generasi sekarang.
3. Tajuk-tajuk yang dipilih untuk mendidik dan melatih murid-murid supaya mempunyai rasa tanggungjawab terhadap keluarga, rumahtangga, kampung halaman dan seterusnya negara.

2. Sekolah-sekolah mengadakan perhimpunan mingguan. Di dalam perhimpunan ini diadakan upacara menaikkan bendera, menyanyi lagu-lagu patriotik, membaca ikrar Rukunegara, ceramah-ceramah ringkas mengenai moral, disiplin, budaya dan agama.

3. Kementerian Pelajaran mengeluarkan garis panduan mengenai aktiviti kebudayaan dengan tujuan menyelaraskan semua aktiviti kebudayaan di sekolah sesuai dengan hasrat memupuk semangat cintakan budaya negara.

PEJABAT PELAJARAN DAERAH—JUMLAH

16. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah yang telah diwujudkan dan berapakah bilangan Daerah yang belum diwujudkan; dan
- (b) bilakah Pejabat Pelajaran Daerah Sepang akan diwujudkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah pun mengwujudkan sebanyak 57 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di seluruh Semenanjung Malaysia berkuatkuasa mulai 1-6-82. Hanya di tiga daerah di Melaka, Pejabat Pelajaran Daerah belum diwujudkan.
- (b) Pejabat Pelajaran Daerah bagi Daerah-daerah Kuala Langat/ Sepang telah diwujudkan sejak 1-6-82. Kementerian Pelajaran memang ada rancangan untuk mengwujudkan Pejabat Pelajaran Daerah bagi tiap-tiap daerah pada masa yang akan datang.

BANK—PEMBEKUAN KENAIKAN GAJI

17. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan apakah "rational" Kementerian melalui Bank Negara membeku kenaikan gaji pegawai Bank di Malaysia; adakah beliau sedar bahawa walaupun arahan Bank Negara kepada Bank-bank bahawa kenaikan gaji tidak akan melebihi 5% tiap satu tahun, banyak bank-bank sengaja tidak menaikkan gaji walaupun mereka telah mencapai keuntungan yang banyak; adakah arahan ini wajar

dalam konteks kebebasan industri bank melaksanakan tugas. Adakah Kerajaan bercadang supaya pembayaran dividen oleh bank-bank dihadkan kepada 5% sejajar dengan sekatan kenaikan gaji supaya Kerajaan dapat mengawal pembaziran wang keluar terutama oleh bank-bank asing. Adakah Kerajaan sedar bahawa sekatan kenaikan gaji ini akan merugikan negara melalui pegawai-pegawai yang tidak dapat menerima faedah dari bank seperti kenaikan gaji, elaun bonus dan lain-lain dan sebaliknya, bank mempunyai peluang mengumpul keuntungannya dan melabur keuntungannya di luar negeri.

Tuan Loke Yuen Yow: Soalan Ahli Yang Berhormat, menyentuh 2 perkara berasingan sungguhpun dimasukkan dalam satu soalan. Pertama, tentang pembekuan kenaikan gaji pegawai-pegawai bank dan yang keduanya, mengenai kadar dividen yang dibayar oleh bank-bank.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan pembekuan ke atas kenaikan gaji adalah untuk meningkatkan produktiviti dan pertandingan dalam industri bank, yang buat pada masa ini merupakan satu industri yang menawarkan gaji yang paling tinggi di negara ini. Walaupun kakitangan dalam sektor yang lain menghadapi kemungkinan dibuang kerja, tetapi gunatenaga dalam sektor bank boleh dikatakan agak selamat. Daripada kajian yang dibuat, perbelanjaan gaji bagi sektor bank telah meningkat pada kadar purata 20% setahun sementara gunatenaga hanya meningkat pada kadar 11.6% setahun. Oleh itu, kos yang tinggi tersebut telah dibebankan kepada peminjam-peminjam dalam bentuk kadar faedah pinjaman yang tinggi. Sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk menghadkan kenaikan gaji selama 3 tahun, pembekuan kenaikan gaji ini adalah

merupakan satu langkah yang positif bagi mengatasi masalah tadi. Pembekuan tersebut hanya melibatkan kakitangan bukan kontrak sahaja. Ketua-ketua eksekutif bank adalah diharapkan dapat menunjukkan satu contoh dalam perkara mengenai pembekuan gaji tersebut. Institusi-institusi kewangan juga telah diminta mengambil langkah-langkah mengetatkan perbelanjaan secara keseluruhannya dan juga meningkatkan produktiviti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekuan ke atas kenaikan gaji tidaklah bermakna satu pembekuan yang menyeluruh ke atas kenaikan gaji kakitangan dalam Sektor Bank. Kakitangan bank masih berhak mendapat kenaikan gaji tahunan dan bonus sekiranya pembayaran ini tercatat dalam perjanjian perkhidmatan mereka. Bagi kakitangan yang gaji dan bonus mereka tidak termasuk dalam perjanjian, kenaikan masih boleh dibuat kepada kakitangan tersebut, tetapi kenaikan tersebut tidaklah terlalu besar dan bonus yang dibayar itu hendaklah tidak melebihi satu bulan gaji.

Berkenaan dengan pembayaran dividen oleh bank-bank Kerajaan tidak bercadang untuk menetakannya. Penetapan kadar dividen adalah terpulang kepada Lembaga Pengarah Bank sendiri, selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh mereka.

SKIM LATIHAN KHAS/ SKIM SISWAZAH TANI

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerianya bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan kira-kira 4,000 siswazah yang dilantik di bawah Skim Khas Kerajaan untuk memberi pekerjaan sementara kepada siswazah yang mana akan tamat pada Jun ini.

Jika tidak, apa sebabnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu para siswazah yang masih menganggur dan belum dilantik di bawah Skim Khas Kerajaan itu.

Tuan Kasitah Gaddam: Kerajaan sedang meneliti perkembangan skim khas ini. Sehingga ini, keputusan belum lagi dibuat sama ada skim ini akan dilanjutkan atau diberhentikan pada bulan Jun akan datang. Untuk siswazah-siswazah yang masih menganggur dan tidak berpeluang dilantik di bawah skim khas ini, Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan beberapa program yang difikirkan sesuai untuk mereka. Antara program-program yang telah diumumkan ialah Skim Latihan Khas dan Skim Siswazah Tani. Lain-lain program masih lagi di peringkat perancangan.

PERJANJIAN PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

19. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adalah benar bahawa Malaysia belum lagi menandatangani "Perjanjian Dagangan" dengan China. Oleh sebab yang demikian segala barangan yang diimport daripada Malaysia adalah dikenakan cukai sebanyak 30%, manakala daripada lain-lain negara dikenakan 20%. Tidakkah dengan demikian China akan keberatan hendak memesan barangan keluaran dan buatan Malaysia, dan bilakah masalah ini boleh diatasi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Benar, Malaysia belum lagi menandatangani Perjanjian Perdagangan Duahala dengan Republik Rakyat China (RRC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun rundingan bagi

mengadakan Perjanjian Perdagangan dengan RRC telah dimulakan sejak dua tahun yang lalu, masih terdapat beberapa isu pokok yang memerlukan rundingan lanjut untuk mendapatkan persetujuan bersama kedua-dua belah pihak.

Saya ingin melaporkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa sungguhpun perjanjian perdagangan duahala di antara Malaysia dan RRC masih dalam rundingan, urusan perdagangan di antara kedua negara telah tidak terjejas. Eksport barangan Malaysia ke RRC telah meningkat daripada \$311.1 juta dalam tahun 1985 kepada \$348.1 juta dalam tahun 1986.

Saya yakin bahawa rundingan yang sedang giat dijalankan dengan RRC akan dapat mengatasi kebuntuan yang dihadapi sekarang ini dan persetujuan bersama akan tercapai untuk menandatangani perjanjian perdagangan duahala dengan negara tersebut.

BELIA-BELIA MENGANGGUR

20. Tuan Muhammad Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya bercadang untuk membuat perancangan bagi mengatasi masalah belia-belia menganggur yang semakin hari semakin bertambah;
- (b) jika ya, nyatakan bidang-bidang dan kawasan-kawasan yang dicadangkan; dan
- (c) adakah kawasan-kawasan yang dicadangkan ini meliputi seluruh negeri termasuk Negeri Pulau Pinang.

Tuan Haji Awang bin Jabar:

- (a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mempunyai perancangan tertentu bagi mengatasi masalah belia menganggur.
- (b) Rancangan-rancangan yang sedia wujud untuk belia-belia tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Rancangan Belia Berniaga.
 - (ii) Rancangan Peniaga Kecil.
 - (iii) Rancangan Belia Peladang.
 - (iv) Bengkel Teknologi Desa di Semeling, Kedah, Sg. Buluh Melaka, Pamah Kulat, Pahang dan Permatang Pauh, Pulau Pinang.
 - (v) Pusat-pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Pertak dan Kuala Terengganu.
 - (vi) Institut Belia Usahawan (IBU) Ipoh.

Rancangan-rancangan dalam pelaksanaan dan perancangan pula ialah:

- (i) Pusat Latihan Belia di Jitra, Kedah yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, manakala pusat-pusat latihan belia yang dalam perancangan ialah di Sepang, Selangor dan Wakaf Tapai, Terengganu.
- (ii) Kementerian juga sedang membuat perancangan untuk mengujudkan Bengkel Teknologi Desa di tiap-tiap negeri termasuk Pulau Pinang supaya belia-belia diberi latihan kemahiran dengan menggunakan sumber-sumber tempatan.

Program-program tersebut adalah terbuka kepada belia-belia di seluruh negara.

PINJAMAN KEPADA PELAJAR SEBERANG LAUT

21. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau akan memulakan satu tabung kewangan di bawah naungan Kerajaan untuk menolong pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang terlibat dalam kenaikan yuran sebanyak 40% dan sama ada beliau sedar bahawa pelajaran mereka terjejas kerana mereka terpaksa bekerja dengan jangkamasa yang lama di kilang-kilang dan restoran untuk mendapat wang untuk membayar yuran mereka.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah pun ada sebuah tabung kewangan bernama Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi keperluan kebajikan, kemudahan dan pinjaman kepada pelajar-pelajar di Seberang Laut. Tujuan ditubuhkan tabung ini ialah untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut yang menghadapi masalah kewangan. Oleh itu Kementerian ini tidak bercadang untuk menubuhkan satu tabung baru bagi menolong pelajar-pelajar Malaysia di Australia. Kementerian ini juga sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia di Australia dan tindakan sedang diambil dalam perkara ini.

KECURIAN KERETA

22. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pencurian kereta yang telah berlaku dalam tahun 1986 dalam Semenanjung Malaysia dan jumlah kereta yang telah didapati balik oleh pihak polis dalam proses penyiasatannya.

39. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah Menteri tersebut menyebut sebab apakah keadaan pencurian

kereta-kereta dalam negeri telah bertambah dalam tahun 1986 dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bersama dengan soalan 39 pada hari ini.

Bilangan kereta yang dilaporkan dicuri di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 1986 ialah 3,522 buah. Dari jumlah itu sebanyak 486 buah atau 14% telah berjaya dijumpai semula. Bilangan kereta yang dijumpai ini agak kecil kerana kereta yang dicuri itu lazimnya telah dibuka dengan cepat, dengan izin "dismantle" bagi tujuan alat-alat ganti.

Antara sebab-sebab bertambahnya kejadian kecurian kereta adalah seperti berikut:

- (i) sikap cuai pemilik-pemilik kereta seperti meletakkannya di tempat-tempat yang sunyi dan terpencil;
- (ii) meninggalkan kunci-kunci kereta kepada penjaga kereta ataupun pekerja-pekerja pam minyak. Peluang ini membolehkan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk membuat kunci pendua untuk mencuri kereta-kereta berkenaan;
- (iii) kereta-kereta tidak dilengkapi dengan alat-alat "anti-theft" (dengan izin) seperti tidak memasang sistem alarm dan kunci steering; dan
- (iv) terdapatnya orang-orang yang sanggup membeli kerana harga yang ditawarkan jauh lebih rendah.

Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil bagi

membendung kegiatan mencuri kereta adalah seperti berikut:

- (i) melancarkan operasi dari semasa ke semasa untuk memeriksa kereta-kereta di sekatan jalan raya bertujuan mengesan kereta-kereta yang telah dilaporkan hilang berpandukan nombor-nombor pendaftaran, enjin, casis dan sebagainya;
- (ii) menjalankan pemeriksaan di bengkel-bengkel kereta, syarikat-syarikat yang menjual kereta terpakai dan juga syarikat-syarikat insuran/syarikat kewangan sebagai langkah untuk mengesan kereta curi dan mendapatkan kerjasama agensi tersebut;
- (iii) mengambil tindakan tegas ke atas ahli-ahli sindiket yang dikenalpasti dan mendakwa mereka apabila cukup bukti;
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam, Persatuan Insuran dan lain-lain bagi mengemaskini dan memperakukan lagi cara pendaftaran kereta baru, tukar hak milik, pembaharuan cukai jalan dan sebagainya;
- (v) memperketatkan lagi langkah-langkah pemeriksaan di pintu-pintu keluar masuk bersempadan negara jiran; dan
- (vi) memberi nasihat kepada pemilik-pemilik kereta melalui media massa, poster dan risalah-risalah berhubung dengan langkah-langkah mencegah kecurian kereta.

ANCAMAN DADAH

23. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah yang

telah diambil oleh Kerajaan kebelakangan ini untuk mempertingkatkan usaha-usaha membasmi ancaman dadah. Bagaimana kekesanannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membasmi ancaman dadah di negara ini adalah seperti berikut:

- (1) Penubuhan satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Anti Dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebagai jentera kepada jawatankuasa tersebut satu Pasukan Anti Dadah telah diwujudkan bagi menggerak, menyelaras dan mengawasi semua aktiviti-aktiviti memerangi wabak dadah di seluruh negara.
- (2) Membuat beberapa pindaan ke atas undang-undang yang berkaitan dengan dadah bagi menambah hukuman ke atas pengedar-pengedar dadah.
- (3) Mengwujudkan undang-undang baru iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi menangkap dan menahan orang-orang yang dipercayai terlibat dalam kegiatan dadah.
- (4) Memperketatkan lagi kawalan-kawalan di kawasan sempadan darat dan laut bagi mencegah penyeludupan dadah dari negara asing.
- (5) Menangkap pengedar-pengedar dadah yang diketahui terlibat dalam pengedaran dadah di dalam negeri.
- (6) Mengwujudkan satu undang-undang yang dikenali sebagai Akta Pencegahan Dadah (Rawatan Dan Pemulihan 1987). Bagi tujuan memberi

rawatan kepada penagih-penagih dadah. Kerajaan telah mengadakan 7 buah pusat pemulihan dengan keupayaan menampung seramai 2,050 orang penagih di satu-satu masa. Kerajaan juga bercadang membina/mengubah 7 buah kem Tentera/Pasukan Polis Hutan untuk dijadikan pusat-pusat pemulihan dadah.

- (7) Memperkenalkan program-program rawatan dan pemulihan dadah di pusat-pusat pemulihan yang sedia ada.
- (8) Sebagai usaha pencegahan awal, langkah-langkah sedang diambil bagi menerapkan pendidikan ancaman dadah dalam kurikulum baru di Sekolah Menengah. Buat sementara waktu pendidikan pencegahan dadah telah pun diselitkan dalam beberapa mata pelajaran seperti kesihatan, agama, sivik dan bahasa. Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum juga telah dipertingkatkan di semua sekolah dengan tujuan untuk mengwujudkan aktiviti "alternative" sihat kepada pelajar-pelajar.
- (9) Mempertingkatkan penyebaran maklumat kepada orang awam tentang bahaya dadah melalui media letronik, cetak dan perjumpaan dengan mereka bagi mengwujudkan kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat dengan bahaya dadah bagi menarik mereka supaya membantu mengatasi masalah dadah ini.

Antara kesan dalam usaha-usaha Kerajaan ini ialah:

- (1) Sejak tahun 1983 hingga sekarang bilangan penagih yang dikesan bagi kali pertama adalah semakin berkurangan.

- (2) Jumlah dadah heroin telah berkurangan dan sukar didapati.
- (3) Harga dadah bertambah mahal dan ketulinannya telah menurun.
- (4) Sindiket dadah antarabangsa telah mula mengelakkan diri daripada menggunakan Malaysia sebagai negara persinggahan (transit) dalam kegiatan dadah mereka.
- (5) Timbulnya kesedaran di kalangan masyarakat pelbagai peringkat tentang bahaya dadah.
- (6) Masyarakat antarabangsa telah memberi sanjungan dan telah mengkaji langkah-langkah pencegahan di negara kita untuk dikemukakan di negara mereka.

BARANG ELETRIK MALAYSIA KE SINGAPURA—SELATAN

24. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ini telah mengenal pasti dari pihak berkuasa di Singapura akan sebab-sebab sekatan ke atas alat-alat letrik yang tertentu yang dikeluarkan oleh 3 firma dari Malaysia yang memasuki republik tersebut dan sama ada alasan-alasan yang diberi adalah berpatutan dan menyatakan sebab-sebab alasan tersebut diberi, jika ada; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini bagi memulihkan keadaan dan supaya memastikan bahawa keadaan yang demikian tidak akan berulang di masa akan datang.

Dato Kok Wee Kiat: Kementerian saya tidak diberitahu oleh pihak

Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Singapura (SISIR) sebab-sebab sebenar mereka enggan menjalankan pemeriksaan ke atas sampel-sampel barang-barang elektrik buatan Malaysia.

Malaysia adalah sebuah negara yang menganggotai General Agreement On Trade and Tariff (GATT) dan kita sedar tentang hak-hak dan tanggungjawab kita sebagai ahli GATT. Jadi penolakan ke atas kemasukan jag elektrik buatan Australia yang dieksport semula ke Malaysia oleh sebuah syarikat Singapura adalah berdasarkan sebab-sebab keselamatan (safety reasons) semata-mata dan bukanlah kerana dasar Malaysia yang tidak menggalakkan perdagangan melalui negara ketiga.

Kerajaan telah pun menerangkan sebab-sebab penolakan ini kepada pihak Singapura dan pada masa ini Kerajaan masih sedang merundingkan perkara ini dengan pihak Singapura untuk mencari penyelesaian yang sebaik-baiknya.

MURID-MURID MEMULAU GURU BESAR

25. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau memahami akan insiden yang berlaku di mana ibu bapa murid-murid memulau Guru Besar, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina Suluh, Batu Pahat, Encik Chua Lip Chee, jika ya, kenapakah Kementerian Pelajaran telah menukar Guru Besar yang berkenaan dengan tidak menghormati pandangan-pandangan yang disampaikan oleh ibu bapa tersebut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, arahan pertukaran Encik Chua Lip Chee dari SRJK (C) Yong Chang ke sekolah lain adalah merupakan pertukaran biasa seperti juga yang dilakukan atas lain-lain

Guru Besar dari masa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan. Kementerian menghargai pandangan-pandangan yang diberikan oleh ibu bapa. Walau bagaimanapun Kementerian mempunyai pilihan sama ada mengambil kira pandangan-pandangan tersebut ataupun sebaliknya.

KOPERASI PENYIMPAN DEPOSIT

26. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) mengapa pihak Kerajaan tidak boleh menyelamatkan 23 buah Koperasi Penyimpan Deposit yang dibekukan manakala pihak Kerajaan rela menghulurkan \$150 juta untuk menyelamatkan Bank Rakyat; dan
- (b) menamakan koperasi-koperasi lain yang dikatakan dalam suatu seminar koperasi di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi pada 10-1-87 terdapat penyelewengan dan kegiatan memecah amanah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Saya sudah naik jemu dengan soalan ini. Dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ketujuh dalam bulan Disember 1986 lalu, tidak kurang dari 3 soalan atas perkara yang sama telah dikemukakan dan jawapan telah diberi. Saya tidak bercadang mengulangi lagi.
- (b) Kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar itu adalah kenyataan umum tanpa mengenalpasti mana-mana koperasi pun. Masalah penyelewengan dan pecah amanah ini adalah

masalah tabiat manusia yang pada masa-masanya menjadi tamak tanpa memikirkan soal etika ataupun tanggungjawab masing-masing.

**UNIVERSITI TEMPATAN—
KEMASUKAN PELAJAR
SABAH/SARAWAK**

27. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut-penuntut dari Sabah dan Sarawak yang telah dibenarkan masuk Universiti-universiti tempatan di Semenanjung sehingga Januari, 1987; dan
- (b) Kalau kebenaran masuk Universiti-universiti tersebut berdasarkan quota bangsa, apakah quota untuk tiap-tiap bangsa di Sabah dan Sarawak dibandingkan dengan Quota bangsa di Semenanjung.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari, 1987 antara 7 hingga 8 peratus daripada jumlah pelajar yang berjaya masuk ke universiti tempatan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak.
- (b) Pengalaman pelajar-pelajar ke universiti tempatan adalah berdasarkan kepada sistem quota 55 Bumiputera dan 45 bukan Bumiputera termasuk pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak.

**MUSABAQAH MEMBACA
AL-QURAN**

28. Tuan Adam bin Abdul Kadir minta Perdana Menteri menyatakan berikutan perisytiharan Kerajaan Perlis untuk menamatkan musabaqah al-Quran, apakah sikap dan langkah

Kerajaan Persekutuan dalam hal-hal musabaqah membaca al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Apakah langkah alternatif selain dari musabaqah bagi meninggikan imej negara Malaysia di kalangan dunia Islam.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan Negeri Perlis tidak menamatkan musabaqah membaca al-Quran. Apa yang diisytiharkan ialah musabaqah membaca al-Quran itu ditukar namanya kepada Majlis Membaca al-Quran.

Kerajaan Persekutuan akan terus mengadakan musabaqah membaca al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti biasa. Sementara itu musabaqah membaca al-Quran bukanlah satu-satunya sahaja cara untuk meninggikan imej negara di kalangan negara Islam antarabangsa. Dasar luar negeri Malaysia dan peranan aktifnya dalam organisasi seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan lain-lain organisasi Islam antarabangsa dan pendirian tentang isu-isu seperti perjuangan rakyat Palestin, Afghanistan dan lain-lain adalah sebab-sebab utama yang menjadikan negara ini terkenal, dihormati dan disegani oleh negara Islam khususnya dan masyarakat antarabangsa seluruhnya.

HUKUM SYARAK

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan dalam pelaksanaan hukum syarak di negara ini tidakkah mungkin diselaraskan pelaksanaannya di seluruh negara demi kepentingan dan kebaikan umat dan agama Islam negara ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat ini telah saya jawab pada hari ini bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari

Bachok dan saya tidak bermaksud menambah atau mengubah jawapan tersebut.

PELABUR ASING—GALAKAN

30. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan akan terus memberikan keistimewaan-keistimewaan kepada pelabur-pelabur Singapura untuk melabur di Malaysia setelah lawatan Presiden Herzog ke Singapura.

Dato Kok Wee Kiat: Kerajaan mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing dari semua negara, dan layanan terhadap negara-negara ini adalah saksama.

Di dalam usaha Kerajaan untuk menarik pelaburan-pelaburan asing ke negara ini, berbagai-bagai skim insentif telah disediakan oleh pihak Kerajaan di dalam bentuk galakan-galakan cukai seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, galakan eksport dan bukan cukai. Galakan-galakan ini diberi kepada semua pelaburan yang dibuat di sektor perkilangan, pertanian, perhotelan dan pelancongan tanpa mendiskriminasikan negara punca pelaburan.

PENYAKIT BUAH PINGGANG

31. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pesakit buah pinggang yang dirawat oleh hospital-hospital di seluruh negara setiap tahun dari tahun 1980 hingga 1986 dengan memberi pecahan keturunan;
- (b) berapakah buah hospital besar atau hospital daerah yang mempunyai kemudahan "haemodialysis" dan berapakah buah mesin haemodialysis yang sedang digunakan untuk memberi perkhidmatan ini;

(c) jumlah bilangan pakar buah pinggang yang sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan; dan

(d) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambahkan bilangan pakar buah pinggang (nephrologist) untuk berkhidmat di hospital Kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

(a) Jumlah bilangan pesakit baru yang mengidap penyakit buah pinggang yang dirawat di hospital-hospital ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1980	58
1981	87
1982	121
1983	99
1984	98
1985	132
1986	121

(b) Hospital-hospital Besar yang mempunyai kemudahan "haemodialysis" ialah Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Alor Setar, Hospital Besar Johor Bahru, Hospital Besar Ipoh, Hospital Sibu dan Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Jumlah mesin haemodialysis yang sedang digunakan untuk memberi perkhidmatan haemodialysis ialah 59 buah.

(c) Pada masa ini terdapat 9 orang pakar buah pinggang yang sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan seperti berikut:

Hospital Besar Kuala Lumpur	5
Hospital Universiti, Petaling Jaya	3

Hospital Universiti 1
Sains Malaysia, Kota
Bharu

- (d) Pada tiap-tiap tahun pihak Kerajaan ada menawarkan biasiswa kepada doktor-doktor untuk mengikuti kursus dalam bidang tersebut.

Pada tahun 1986, dua orang doktor dari Kementerian Kesihatan telah mendapat biasiswa tersebut dan pada masa ini sedang mengikuti kursus di Australia.

GURU BESAR BROTHER JUSTINE MOBILIK

32. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kenapa Brother Justine Mobilik digantikan tempatnya sebagai Guru Besar Sekolah Menengah La Salle di Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah La Salle adalah Sekolah Gred A dan jawatan Pengetuanya ialah Kategori D1 Tingkatan Tertinggi "G" sedangkan Brother Justine Mobilik ialah Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori D1 Tingkatan Biasa yang belum disahkan dalam jawatannya, kerana belum memenuhi syarat perkhidmatan. Sementara menunggu perlantikan Guru Besar secara hakiki, maka Brother Justine Mobilik diarah menjalankan tugas Pengetua secara pentadbiran dan bukan dengan tujuan dinaikkan pangkat.

KESELAMATAN MAJISTRET

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan keselamatan Majistret-Majistret serta pegawai-pegawai Mahkamah dan menyebut

kes-kes di penjara-penjara di seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah mengambil langkah-langkah keselamatan seperti berikut:

- (1) Majistret-majistret yang menjalankan tugas di penjara-penjara akan diiringi dan dikawal oleh seorang Penguasa Penjara dan tiga orang Pegawai Penjara.
- (2) Hanya seorang banduan sahaja dibawa secara bergilir-gilir untuk dibuat sebutan.
- (3) Banduan-banduan yang menunggu untuk sebutan akan ditempatkan dan dikawal di satu tempat berjauhan dari bilik yang dihaskan kepada Majistret untuk menjalankan tugas mereka.
- (4) Bilik-bilik akan diasingkan dari tempat banduan dengan pagar jaring besi dan dijaga oleh pegawai-pegawai penjara.

PROJEK AEROBUS/LRT/ METROLINK

34. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah status projek-projek Aerobus, LRT serta Metrolink yang diperhebohkan. Dapatkah dilaksanakan. Harap dapat penerangan yang lebih jelas dan spesifik.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Projek Aerobus, LRT dan Metrolink telah diluluskan oleh Kerajaan. Projek-projek ini dijangka akan dapat memberikan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih komprehensif bagi seluruh Lembah Kelang. Bagaimanapun, Projek Aerobus dan LRT belum dapat

dilaksanakan pada masa ini kerana menghadapi masalah dari segi kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Metrolink sekarang ini masih di peringkat perancangan dan syarikat swasta yang diberi kelulusan untuk melaksanakan projek itu, sedang berusaha mendapatkan pembiayaan bagi projek tersebut. Soal sama ada Metrolink dapat dilaksanakan adalah bergantung kepada kebolehan syarikat swasta berkenaan memperolehi pinjaman berdasarkan semata-mata di atas kedayahidupan projek. Ini disebabkan Kerajaan tidak akan memberi jaminan kewangan bagi projek ini.

JEJAMBAT DI LEBUHRAYA BUKIT KAYU HITAM— JITRA

35. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa jejambat dibina di Lebuhraya Jitra-Bukit Kayu Hitam dan jumlah kos perbelanjaan;
- (b) kenapa jumlah kos pembinaan lebuhraya Utara-Selatan dapat dikurang dijimat begitu banyak sehingga 1 billion mengikut pengumuman beliau, iaitu daripada 45 billion ringgit kepada 35 billion ringgit; dan
- (c) sama ada sebarang pemborong-pemborong yang mendapat tawaran JKR dipujuk membeli tiket-tiket loteri MIED kepunyaan MIC.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Jejambat di Lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Jitra dibina bagi tujuan keselamatan dan kemajuan Bandar Baru Seri Taman. Kos pembinaannya adalah \$378,332.

(b) Kos pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan berharga 3.5 billion ringgit itu adalah harga cadangan alternatif B Syarikat United Engineers. Harga itu adalah kurang dari harga alternatif A. Alternatif B yang dicadangkan oleh syarikat United Engineers adalah rekabentuk ubahsuai taraf geometric yang telah ditetapkan, dan dengan pembinaan permukaan lebuhraya secara berperingkat-peringkat (Stage Construction).

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan tiket-tiket loteri MIED adalah untuk mengisi Tabung Pelajaran MIC dan ianya bukanlah menjadi syarat kepada kontraktor-kontraktor yang mendapat tawaran JKR untuk membelinya. Oleh itu terpujanglah kepada mereka untuk menderma atau tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, juga loteri ini tidak ada hubungan dengan kementerian ini, dan juga pemborong-pemborong.

PERUNTUKAN KEPADA KEBUDAYAAN

36. Tuan Chuan Jui Meng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan pecahan perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Kebudayaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Peruntukan kepada Kebudayaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak \$6.8 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$6,439,033 telah

dibelanjakan. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Kompleks Budaya Negara	\$2,410,957
(ii) Balai Seni Lukis Negara	250,000
(iii) Muzium Negara	3,778,076
	<hr/>
	\$6,439,033

Manakala peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima selepas kajian semula, dikurangkan kepada \$10 juta dan bukannya \$12.5 juta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 22-1 RML, muka surat 606.

Daripada peruntukan RML yang tersebut di atas, tidak ada sebarang peruntukan disediakan dalam tahun 1986. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1987 peruntukan sebanyak \$300,000 telah disediakan untuk projek-projek berikut:

(i) Taman Sejarah Negara (Muzium Arkeologi LembahBujang) ..	\$100,000
(ii) Memelihara Monumen Bersejarah	\$200,000
	<hr/>
	\$300,000

PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI

37. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan Persatuan Bahasa Cina dan Persatuan Bahasa Tamil di Universiti-universiti Tempatan (UKM, UUM, UPM & UTM) tidak dibenarkan ditubuhkan oleh pihak berkuasa universiti sedangkan Kementerian Pelajaran sentiasa menggalakkan supaya persatuan-persatuan akademik dan kajian untuk bahasa ditubuhkan di semua universiti tempatan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran

dan Universiti Tempatan sentiasa menggalakkan penubuhan persatuan yang melibatkan semua kaum. Walau bagaimanapun persatuan-persatuan yang cenderung melibatkan hanya satu kaum sahaja tidak digalakkan. Ini adalah untuk mengelakkan polarisasi kaum di kalangan pelajar.

FAMA—MELUASKAN PASARAN/GALAKAN

38. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peranan FAMA masih boleh diperluaskan dan dipertingkatkan. Pada komoditi tertentu sahaja. Saya ingin tahu:

- apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi peranan FAMA;
- apakah Kementerian bercadang menjadikan FAMA sebuah agensi Kerajaan yang lebih penting dan utama dari Jabatan-jabatan lain dalam Kementerian Pertanian, di mana FAMA akan menjadi semacam badan penasihat terhadap masalah pemasaran semua hasil tani seperti pasaran susu, daging, ikan, sayur-sayuran, makanan berasas pertanian, kraftangan dan lain-lain tanaman.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Untuk makluman Yang Berhormat, peranan FAMA dari segi pemasaran mengikut Akta penubuhannya adalah meliputi semua komoditi pertanian kecuali ikan air laut, padi dan beras, tembakau, kelapa sawit, getah dan nenas. Di dalam memperluas dan mempertingkatkan peranannya, FAMA telah pun menyusun semula dasar, strategi dan programnya supaya agensi ini tidak hanya memainkan peranannya dari segi berurusan

malah menumpukan dengan lebih serius kepada peranannya sebagai badan berkuasa pemasaran. Penyusunan semula ini selaras dengan strategi pemasaran yang telah ditetapkan di dalam Dasar Pertanian Negara yang menetapkan bahawa satu sistem pemasaran yang cekap hendaklah diwujudkan bagi tujuan mempercepatkan proses pembangunan pertanian. Di bawah strategi ini program-program pemasaran yang telah diatur merangkumi program-program seperti perkembangan saluran pemasaran, penglibatan secara terus petani-petani dalam proses pemasaran, peningkatan infrastruktur pemasaran yang baru, penubuhan kemudahan penyimpanan dan pemerosesan serta menggalakkan penggunaan hasil-hasil pertanian di dalam dan luar negeri.

Di bawah peranannya sebagai badan berkuasa pemasaran, agensi ini telah menetapkan strategi-strateginya iaitu:

- (a) Khidmat nasihat dan galakan pasaran yang bertujuan untuk meluaskan peluang-peluang pasaran melalui galakan pasaran, penyelidikan dan kajian serta analisa pasaran khususnya di dalam menasihati petani-petani dari segi permintaan, harga serta jenis sesuatu hasil pertanian yang mendapat pasaran. Di antara program di bawah strategi ini FAMA telah mengadakan beberapa program seperti program kempen galakan penggunaan ikan air tawar, kelapa muda, susu segar, buah-buahan tempatan dan selanjutnya merancang penggunaan kempen-kempen bagi komoditi-komoditi yang lain. FAMA juga di bawah strategi ini telah mengatur programnya mengesan kedudukan bekalan atau pengeluaran hasil-hasil

pertanian di seluruh negara bagi tujuan menasihati dan menentukan potensi sesuatu komoditi yang akan diusahakan. Di peringkat luar negeri FAMA juga telah mengadakan beberapa program memperkenalkan hasil pertanian bagi tujuan menembusi pasaran-pasaran baru. Ini adalah meliputi kegiatan-kegiatan galakan pasaran pisang emas, koko, kopi, sayur-sayuran dan sebagainya ke destinasi pasaran baru seperti Singapura, Jepun, Hong Kong, Eropah, Asia Barat dan negara-negara lain.

- (b) Pembangunan pasaran yang bertujuan mewujudkan kemudahan-kemudahan pasaran yang mencukupi di tempat-tempat yang strategik dan membangunkan penyertaan petani-petani dan usahawan-usahawan di dalam proses pemasaran hasil-hasil pertanian. Di antara program-program di bawah strategi ini ialah pengwujudan pasar-pasar tani di seluruh negara yang bertujuan untuk melibatkan secara aktif petani-petani di dalam proses pemasaran secara terus. Selain daripada infrastruktur yang sedia ada, FAMA juga telah mengadakan projek Pusat Pengumpulan Ladang yang telah didirikan di kawasan-kawasan pengeluaran utama sayur-sayuran seperti di Johor, Pahang, Selangor dan Pulau Pinang.

FAMA juga telah memperkenalkan satu program baru iaitu program pembangunan perusahaan asas tani yang bertujuan untuk menyediakan pengetahuan-pengetahuan dan kepakaran-kepakaran kepada golongan-sasaran sama ada sektor awam

atau swasta di dalam kegiatan-kegiatan perusahaan asas tani. Selain daripada itu FAMA terus mengadakan program pendidikan pasaran yang bertujuan untuk menyediakan pengetahuan-pengetahuan dan teknologi baru dari segi pengendalian dan amalan pemasaran bagi sesuatu komoditi kepada petani-petani; dan

- (c) Kawalan pasaran yang bertujuan untuk mengujukkan keadaan dan persekitaran pasaran supaya pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan fungsi-fungsi pemasaran mengikut lunas-lunas yang teratur. Di bawah strategi ini FAMA telah berjaya mengadakan satu skim pengedaran komoditi koko yang mana skim ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Skim ini telah berjaya menggalakkan peningkatan kualiti koko dan seterusnya menguntungkan petani-petani dari segi peningkatan harga yang lebih baik. FAMA juga telah diberi satu mandat baru iaitu bertanggungjawab menetapkan kuota import komoditi kobis dan kopi yang mana tanggungjawab tersebut adalah bertujuan bagi memastikan penentuan sesuatu kuota tidak akan menjejaskan pasaran hasil-hasil pertanian tempatan. Di bawah program ini juga FAMA terus melaksanakan aktiviti-aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan ke atas pelesen-pelesen bagi komoditi-komoditi koko, kelapa, kopi dan sayur-sayuran.

Selain daripada peranan FAMA sebagai badan berkuasa pemasaran, agensi ini juga adalah berperanan sebagai agensi urusan kerajaan

yang bertujuan untuk mengadakan ruang pasaran alternatif bagi hasil pengeluaran pertanian dengan harga yang berpatutan. Penglibatan FAMA di dalam urusanniaga hasil-hasil pertanian adalah sesungguhnya untuk memberi persaingan kepada pasaran yang mana persaingan tersebut akan dapat meningkatkan lagi harga yang diterima oleh petani-petani di samping petani-petani mempunyai pilihan untuk memasarkan hasil-hasil keluaran mereka.

Sesuai dengan dasar Kerajaan di waktu ini untuk mengurangkan import hasil-hasil pertanian ke negara ini dan menggalakkan usaha-usaha eksport ke luar negeri, maka segala strategi dan program FAMA yang telah ditetapkan itu sesungguhnya menjadikan agensi ini sebagai sebuah agensi Kerajaan yang berperanan sangat penting dan utama di bawah Kementerian Pertanian.

(Soalan No. 39. Sila lihat Jawapan No. 22).

PEJABAT KEDUTAAN/PEGAWAI DI LUAR NEGERI

40. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah jumlah Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi, Pegawai dan Kakitangan Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negeri pada masa ini dan adakah Kementerian bercadang akan mengkaji bagi mengurangkan jumlah diplomatik tersebut terutamanya di zaman meleset ini.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Pada masa ini Kementerian mempunyai 60 pejabat di luar negeri. Ini termasuk Kedutaan-kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsular Jeneral dan Konsulat. Pejabat-pejabat ini dianggotai bukan sahaja oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian

luar negeri tetapi juga oleh pegawai-pegawai dan kakitangan daripada agensi-agensy yang lain.

Bagi Kementerian Luar Negeri, hanya seramai 382 orang pegawai dan kakitangan daripada semua kumpulan yang bertugas di luar negeri.

Dalam keadaan ekonomi meleset ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti memansuhkan beberapa jawatan serta membekukan pengisian beberapa jawatan yang sedia ada.

(Soalan No. 41. Sila lihat Jawapan No. 10 pada 12-3-87).

ORANG YANG MEMELUK AGAMA ISLAM

42. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah orang-orang yang memeluk agama Islam dari tahun 1980 ke tahun 1986 dengan memberi angka pecahan tahunan;
- (b) dari jumlah ini, berapakah jumlah mereka yang di bawah umur 18 tahun; dan
- (c) sama ada terdapat mereka ini memeluk kembali agama asal mereka selepas memeluk agama Islam, jika ia, nyatakan jumlahnya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mengikut maklumat yang terbar, jumlah orang yang memeluk agama Islam di Malaysia ialah melebihi 7.5 juta dan jumlah mereka yang di bawah umur 18 tahun kira-kira 48% iaitu melebihi 3.6 juta. Oleh kerana hampir keseluruhan jumlah tersebut adalah daripada orang-orang Islam asal, maka soal kembali kepada agama asal tidak timbul.

HARGA TIMAH DI PASARAN

43. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah gerak balas oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (Association of Tin Producing Countries) ke atas cadangan beliau baru-baru ini bahawa persatuan tersebut menetapkan sistem harga berdasarkan kepada harga rujukan sebanyak \$18 sekilogram untuk membantu pengendalian stok timah yang berlebihan dan menstabilkan pasaran timah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Suka saya menjelaskan di sini terlebih dahulu bahawa bukanlah merupakan cadangan Malaysia supaya harga timah ditetapkan pada paras \$18 sekilo sebagai langkah untuk menyusutkan lebihan bekalan timah di dalam pasaran serta menstabilkan pasaran timah. Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 12hb Mac 1987 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Panji, rancangan tindakan bersama Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) yang disertai oleh Brazil dan Republik Rakyat China dimulakan pada 1 Mac 1987 itu bertujuan untuk mengawal kemasukan timah ke dalam pasaran yang mempunyai lebihan stok kira-kira 81,000 tonne. Tindakan yang perlu itu bukanlah menetapkan harga timah pada sesuatu paras yang tertentu tetapi lebihan stok timah di pasaran perlu dikurangkan ke paras yang biasa untuk menghapuskan punca yang menyebabkan kemelesetan harga timah supaya harganya dapat pulih ke suatu paras yang lebih mantap dan berpatutan.

Setelah mengambil kira faktor-faktor yang wujud di dalam pasaran, terutamanya stok timah yang dipegang oleh bank dan broker, tindakan

penyusutan lebih stok timah di dalam pasaran yang dilaksanakan oleh ATPC itu dijangka akan dapat menstabilkan harga timah pada paras \$18 sekilo bagi tempoh satu tahun akan datang.

PERTAHANAN NEGARA BAGI ANGKATAN TENTERA

44. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pertahanan menyatakan kedudukan pertahanan negara dengan perbandingan di rantau Asia Tenggara dan program untuk meningkatkan daya pertahanan Angkatan Tentera Malaysia.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Angkatan Tentera kita mempunyai tahap keupayaan yang mencukupi bagi menghadapi segala bentuk ancaman, sama ada ancaman dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dari tahap yang ada sekarang kepada yang lebih baik lagi sentiasa diteruskan melalui peningkatan mutu profesionalisma dan semangat ketenteraan dan disiplin yang tinggi di kalangan anggota tentera. Keupayaan bagi menghadapi ancaman dari luar negeri ianya memerlukan tindakan menyeluruh negara termasuklah pengorbanan dari setiap rakyat yang cintakan negara.

BANK KERJASAMA PUSAT— PINJAMAN DATUK SHAMSIR OMAR

45. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada Ketua Akauntan Negara, Datuk Shamsir Omar dibenarkan meminjam \$300,000 dari Bank Kerjasama Pusat dan wang bunganya serta adakah Datuk Shamsir ada pinjaman yang sama pada masa yang

sama. Adakah pegawai-pegawai Kerajaan lain diberikan peluang yang sama dan kalau tidak, mengapa;

- (b) sama ada tindakan tatatertib telah diambil terhadap Timbalan Pengarah Imigresen Kelantan telah melanggar "Standing Orders" yang tidak membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan tinggi melibatkan diri dalam politik;
- (c) sebutkan nama-nama pegawai Kerajaan dan jumlahnya yang telah dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Kasitah Gaddam:

(a) Perintah am 10 (2) Perintah-perintah Am Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) Bab "D" 1980 membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Akauntan Negara meminjam wang daripada Bank, Syarikat Insuran, Syarikat Kerjasama atau Syarikat meminjam yang dilesen di bawah Akta Syarikat Meminjam 1969 atau berhutang dengan cara memperoleh barang-barang melalui perjanjian sewa beli. Berkenaan dengan pinjaman yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Shamsir Omar, Akauntan Negara sebanyak \$300,000 dari Bank Pusat Kerjasama, siasatan sedang dibuat. Sama ada terdapat salahlaku atau tidak dalam pinjaman tersebut, jawapan tidak dapat diberikan sekarang kerana penyiasatan masih berjalan.

(b) Berkenaan penglibatan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Zainal, Timbalan Pengarah, Jabatan Imigresen Negeri Kelantan (pegawai Tadbiran Am Tingkatan Kanan) dalam pemilihan Ketua UMNO

Bahagian Rantau Panjang sedang dalam siasatan oleh Ibu Pejabat Jabatan Imigresen. Setelah mempunyai bukti-bukti yang mencukupi, tindakan tatatertib akan diambil ke atas pegawai yang berkenaan.

- (c) Setakat ini seramai 6 orang pegawai Kumpulan "A" Urusejia Lembaga Tatatertib di Jabatan Perkhidmatan Awam telah dikenakan tindakan tatatertib kerana bergerak cergas dalam politik. Saya rasa tidaklah sesuai diberitahu nama-nama mereka di sini.

PENDATANG HARAM INDONESIA

46. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang pengesanan pihak berkuasa Indonesia bahawa terdapat seramai lebih kurang 330,000 orang pendatang haram Indonesia yang berada di Malaysia dan apakah usaha-usaha yang Kerajaan sedang ambil untuk menghantar mereka pulang ke negara mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa satu kenyataan telah dibuat oleh pegawai Kedutaan Indonesia mengenai tanggapan beliau bahawa terdapat 330,000 pendatang tanpa izin dari Indonesia di Malaysia.

Suka saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa angka yang dinyatakan itu hanya satu tanggapan atau (dengan izin) "guesstimate" individu saja. Pada lazimnya mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram cuba menjauhkan diri daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

Oleh itu adalah sukar bagi mana-mana pihak untuk memberikan bilangan atau jumlah yang tepat

mengenai pendatang tanpa izin Indonesia di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan terus bertindak tegas mengikut keperluan undang-undang bagi mengesan, menangkap dan mengusir pendatang tanpa izin dari mana-mana negara termasuk Indonesia di negara ini.

ANCAMAN AIDS

47. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang ketenatan ancaman AIDS di Malaysia walaupun kepastian telah diberi oleh Kementerian berkenaan setiap hari bahawa penyakit tersebut belum menjadi suatu masalah di sini dan rakyat tidak perlulah bimbang kerana tindakan mencegah telah diambil; dan
- (b) apa tindakan mencegah telah atau sedang diambil untuk mempertingkatkan rakyat khususnya rakyat di luar bandar tentang penyakit tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Saya sedar bahawa Malaysia sentiasa terdedah kepada ancaman AIDS.
- (b) Tindakan mencegah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memperingatkan seluruh rakyat mengenai penyakit AIDS ialah dengan memberi keterangan yang secukupnya kepada orang ramai amnya dan kepada mereka yang dalam golongan berisiko tinggi untuk penyakit AIDS akan cara-cara penyakit ini merebak dan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh seseorang untuk mencegah daripada dijangkiti oleh penyakit ini. Keterangan-keterangan ini telah pun diberi

dalam semua bahasa melalui media-massa seperti radio, televisyen dan suratkhbar. Selain daripada itu, bahan-bahan penerangan seperti risalah dan poster di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil telah pun diedarkan. Pemberita-pemberita suratkhbar dan majalah tempatan serta pegawai-pegawai penerangan daripada Kementerian Penerangan telah juga diberikan penerangan berkenaan AIDS. Beberapa ceramah dan forum awam berkenaan AIDS telah juga diadakan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan telah juga mengambil bahagian yang aktif.

PERJANJIAN UDARA MALAYSIA/SINGAPURA— KAJIAN SEMULA

48. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah perjanjian udara antara Malaysia dan Singapura akan dikaji semula untuk mengelakkan MAS mengalami kerugian dari segi "Sixth Freedom Right". Apakah MAS bercadang menghapuskan "Pool Arrangement"nya dengan SIA bagi sektor-sektor tertentu antara Malaysia dan Singapura.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji implikasi-implikasi berkaitan dengan cadangan untuk mengkaji semula Perjanjian Udara Malaysia/Singapura. Kajian ini akan meliputi semua aspek termasuk dari segi "Sixth Freedom Right" dan juga peraturan perkongsian di antara Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Singapura Airlines (SIA) yang terdapat pada masa sekarang.

Saya tidak dapat memberi maklumat yang lebih terperinci pada masa sekarang oleh kerana kajian tersebut masih dijalankan.

PASAR TANI

49. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana "Pasar Tani" telah berjaya mengatasi masalah para petani bagi mendapatkan pasaran bagi keluaran mereka dan masalah orang tengah. Berapa banyakkah pasar tani telah diwujudkan di seluruh negara. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan pasar-pasar tani yang kekal dan lebih tersusun di seluruh negara demi meninggikan lagi taraf hidup para petani.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Sebahagian besar pemasaran hasil-hasil pertanian di negara ini adalah melalui saluran pasaran tradisional di mana para petani menjual kepada pemborong dan/atau peruncit sebelum sampai kepada para pengguna. Kewujudan pasar tani setakat ini adalah masih di peringkat awal bagi memberikan ruang pasaran tambahan agar dapat bersaing dengan pasaran tradisional. Dengan cara ini pihak Kementerian Pertanian berharap para petani akan dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna di samping mendapat harga yang lebih baik.

Dengan bilangan pasar tani yang ada sekarang iaitu sebanyak 38 buah kesemuanya dan kebanyakannya beroperasi seminggu sekali, pihak Kementerian percaya pasar tani masih merupakan ruang pasaran yang agak terhad kepada para petani berbanding dengan saluran pasaran tradisional yang ada sekarang. Kesemua 36 buah pasar tani yang beroperasi pada bulan Januari 1987 berjaya mengendalikan pemasaran hasil-hasil pertanian bernilai \$1.673 juta dengan jumlah nilai terkumpul sejak ia dilancarkan

meningkat kepada \$14.936 juta dengan penyertaan seramai 1,600 orang petani dan nelayan.

Masalah orang tengah dalam sistem pemasaran hasil-hasil pertanian memang sukar untuk diatasi. Walau bagaimanapun, dengan adanya pasar tani sedikit sebanyak telah dapat memberikan saingan kepada perantara pemasaran atau orang tengah yang sedia ada dan dengan ini pihak Kementerian yakin akan dapat mewujudkan persaingan yang sihat di dalam sistem pemasaran pertanian sekarang.

Konsep pasar tani yang beroperasi seminggu sekali dengan menggunakan kemudahan asas seperti payung dan meja mudah-alih adalah didapati sesuai dan berkesan di dalam keadaan ekonomi dan kemampuan para petani masa kini. Kemudahan asas yang paling minima ini bukan saja boleh mengurangkan kos pembinaan tetapi juga "mudah alih" jika didapati pasar tani berkenaan kurang berjaya. Di masa hadapan, Kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk mengadakan pasar tani yang lebih kekal dan lebih tersusun jika sekiranya para petani telah bersedia dan berkeupayaan untuk mengambil peluang-peluang yang terbuka luas di dalam pemasaran hasil-hasil pertanian.

MENARIK PELABUR ASING

50. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa mengikut dari pelabur-pelabur dari negeri Jepun, Malaysia berada di tempat keempat dalam menarik pelabur-pelabur asing di kalangan negara-negara ASEAN. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan keadaan.

Dato Kok Wee Kiat: Kerajaan Malaysia sememangnya sedar dan arif tentang keadaan dan arah semasa, aliran pelaburan Jepun di negara ini. Kenyataan Yang Berhormat mengenai Malaysia diletakkan tempat keempat dalam menarik pelabur-pelabur asing di kalangan negara-negara ASEAN adalah berdasarkan kepada suatu kaji selidik yang telah dijalankan oleh ASEAN Promotion Centre on Trade, Investment and Tourism pada awal tahun 1986.

Kaji selidik ini bertujuan untuk mengkaji kesan kenaikan Yen ke atas pelaburan langsung Jepun di negara-negara ASEAN. Saya berasa laporan tersebut tidak begitu tepat kerana hanya 30.5% daripada syarikat-syarikat yang diselidik itu memberi maklum balas.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, menurut satu lagi laporan terbaru yang diterbitkan dalam bulan Februari, tahun ini oleh Japan External Trade Organisation (JETRO) di dalam kertas putih mengenai Pelaburan Luar Jepun 1987, polisi-polisi pelaburan yang baru ini telah menarik lebih banyak lagi pelaburan Jepun ke Malaysia dan meletakkannya setanding dengan negara-negara perindustrian baru (NICS) dan diletakkan di tempat kedua di kalangan negara-negara ASEAN dari segi kesesuaian kedudukannya untuk projek-projek "off-shore" syarikat-syarikat Jepun.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak harus terlalu bimbang tentang kedudukan Malaysia sebagai pusat pelaburan dari tinjauan-tinjauan kajian-kajian itu. Kita sepatutnya perlu menitikberatkan usaha-usaha untuk memperbaiki lagi suasana pelaburan di Malaysia.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan dari semasa ke

semasa sentiasa membuat pengubahan yang sesuai mengenai polisi-polisi pelaburan khasnya penyertaan ekuti asing, galakan-galakan cukai, prosedur-prosedur kelulusan projek perkilangan dan sebagainya untuk menarik pelaburan asing.

MAHKAMAH SESYEN/ MAJISTRET WILAYAH PERSEKUTUAN

51. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Mahkamah-mahkamah Majistret dan Sesyen di Wilayah Persekutuan akan ditempatkan di Rumah Persekutuan (Federal House). Jika demikian, bilakah perpindahan ini dari Jalan Duta akan berlaku.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan sedang menimbang cadangan untuk menempatkan Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Majistret Wilayah Persekutuan di Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun sementara diperolehi bangunan yang tetap, keputusan telah dibuat untuk memindahkan Mahkamah-mahkamah Sesyen Wilayah Persekutuan ke bangunan Mahkamah Tinggi lama di Jalan Raja, Kuala Lumpur pada bulan April 1987.

MESYUARAT PERSEDIAAN ANTARABANGSA DADAH

52. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah persediaan yang dibuat bagi Persidangan Antarabangsa Berkenaan Dadah di Vienna, Austria pada bulan Jun ini tentang usul-usul yang akan dibawa oleh Malaysia serta tentang pencalonan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Presiden Persidangan yang berkenaan.

Dato' Rais Yatim: Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam kedua-dua Mesyuarat Persediaan Antarabangsa Dadah yang telah berlangsung di Vienna, Austria. Tujuan Mesyuarat-mesyuarat Persediaan ini adalah untuk membincangkan segala persiapan untuk Persidangan Antarabangsa Dadah yang akan diadakan di Vienna, Austria pada 17-26 Jun, 1987.

Dalam Mesyuarat Persediaan Antarabangsa Dadah yang kedua yang telah berlangsung dari 12-18 Februari, 1987, Malaysia telah berjaya dalam usahanya untuk mengadakan satu pengisytiharan atau deklarasi politik yang menggesa negara-negara peserta berusaha sedaya-upaya membanteras masalah dadah melalui komitmen di tahap pimpinan politik yang tinggi. Mesyuarat Persediaan tersebut telah menerima satu Resolusi yang menekankan kepentingan mengadakan satu deklarasi. Malaysia telah berjaya meyakinkan negara-negara yang merasa ragu atas cadangan mengadakan pengisytiharan politik bahawa tanpa komitmen politik dokumen deraf Garis Disiplin pelbagai yang Komprehensif (CMO of Future Activities in Drug Abuse Control) untuk aktiviti masa hadapan dalam pengawalan dadah tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Malaysia juga telah memberi sumbangan kepada Sekretariat Persidangan Antarabangsa dalam penyediaan deraf CMO. Sumbangan Malaysia mengandungi cadangan-cadangan dan komen-komen tentang elemen-elemen yang harus dimasukkan ke dalam dokumen CMO. Pendirian Malaysia yang tegas dalam soal penagihan dan edaran dadah dan usul-usul Malaysia yang akan dibawa ke Persidangan telah dicerminkan dalam cadangan-cadangan Malaysia itu. Di antara usul-usul yang akan dibawa oleh Malaysia ialah soal sekatan yang cukup

(adequacy of sanctions), pengujudan satu deklarasi antarabangsa untuk membanteras dadah yang melibatkan komitmen politik negara-negara, soal penyalahgunaan, pengecualian dan keistimewaan diplomatik, dan cadangan untuk mengadakan kerjasama di antara negara-negara jiran dalam menyekatedaran dadah.

Pencalonan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke jawatan Presiden Persidangan setakat ini telah menerima sokongan rasmi daripada 57 buah negara. Kementerian Luar Negeri sedang mempergiatkan lagi usaha mendapatkan sokongan negara-negara yang lain.

Kementerian Luar Negeri bersama-sama dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain akan terus berusaha untuk menjayakan Persidangan Dadah Antarabangsa ini.

TOL JAMBATAN PULAU PINANG—PENURUNAN

53. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa Kerajaan belum lagi mengumumkan penurunan kadar tol di jambatan Pulau Pinang sungguhpun beliau telah sekurang-kurangnya 3 kali berkata bahawa pengumuman itu akan dibuat tidak lama lagi.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan belum lagi menurunkan kadar bayaran tol di jambatan Pulau Pinang, oleh kerana perkara ini masih lagi dalam pertimbangan.

PAS SEMPADAN KEPADA RAKYAT INDONESIA

54. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Buruh menyatakan pendirian Kementerian mengenai pemberian pas-pas sempadan kepada rakyat Indonesia. Bukankah ini akan bercanggah dengan penetapan

Kementerian untuk memberhentikan pengimportan serta pengupahan buruh asing ke dalam negara. Jika ya, apakah tindakan selanjutnya yang akan dan telah diambil oleh pihak Kementerian untuk berunding dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan perbezaan dasar ini. Jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Kementerian Buruh belum dapat memberi apa-apa pendirian buat masa ini oleh kerana soal pengeluaran pas sempadan itu masih lagi dalam pertimbangan. Oleh yang demikian, Kementerian Buruh juga tidak dapat menyatakan sama ada pas itu akan bercanggah dengan dasar yang ada. Walau bagaimanapun sebagaimana amalan biasa Kerajaan sesuatu dasar itu akan dilaksanakan hanya selepas segala implikasinya dipertimbangkan dengan teliti serta dipersetujui bersama.

SKIM TAKAFUL BAGI NELAYAN

55. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga setakat ini berapa ramaikah nelayan-nelayan telah menyertai SKIM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK, nyatakan mengikut negeri-negeri. Semenjak skim ini dilancarkan berapa ramai nelayan yang telah menerima manafaat kerana kemalangan atau kematian.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Bilangan nelayan yang menyertai skim ini adalah 1,890 seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Nelayan</i>
1. Perlis	58
2. Kedah	205
3. Pulau Pinang	346
4. Perak	175
5. Selangor	191
6. Melaka	128

7. Negeri Sembilan	3
8. Johor	319
9. Pahang	100
10. Terengganu ..	160
11. Kelantan	185
12. Sarawak	20
	<hr/>
	1,890

Semenjak skim ini dilancarkan belum ada nelayan yang menerima menfaat bersabit dengan kemalangan atau kematian kerana tiada apa-apa kemalangan yang telah berlaku di atas mereka yang menyertai skim ini.

JENAYAH KORPORAT (CORPORATE CRIME)

56. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan jenayah korporat yang sudah disiasat untuk tahun-tahun 1985, 1986 dan sehingga 28-2-1987;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa Bahagian Jenayah Perdagangan kekurangan tenaga dan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk menampung pertambahan jenayah korporat dalam negara ini;

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah bilangan jenayah korporat (corporate crime) yang telah disiasat dari tahun 1985 hingga Februari 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes
1985	3,859
1986	3,127
1987 (Feb.)	943

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa di Cawangan Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia kekurangan tenaga lebih-lebih lagi dengan pertambahan bilangan jenayah perdagangan akibat

dari peningkatan perdagangan dan perindustrian di negara ini. Perkara ini telah pun diberi perhatian dan bilangan pegawai itu ditingkatkan dari semasa ke semasa dan mereka juga diberi latihan yang sewajarnya.

PETANI—FAEDAH DASAR PERTANIAN NEGARA

57. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bilangan petani-petani yang mendapat faedah daripada Dasar Pertanian Negara dan apakah jenis bantuan yang boleh diberikan kepada mereka.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Ingin saya menjelaskan di sini bahawa segala masyarakat petani akan menerima faedah daripada Dasar Pertanian Negara (DPN) dan jenis faedah yang diperolehi oleh mereka adalah berbeza-beza berasaskan aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh mereka. Pada dasarnya Dasar Pertanian Negara memberi keutamaan kepada meningkatkan pendapatan daripada aktiviti pertanian dengan menggunakan sumber-sumber pertanian dengan cara yang efisien. Matlamat ini hendaklah dicapai dengan meningkatkan taraf infrastruktur, memajukan pasaran dan dengan menggunakan cara-cara penanaman yang moden.

Petani-petani juga akan menerima faedah dalam menerima kredit dengan kadar faedah yang rendah untuk menjalankan usaha pertanian mereka serta juga telah diberi latihan dalam cara tanaman, sistem pengurusan, dan sistem perakaunan untuk meningkatkan daya pengeluaran mereka. Dasar Pertanian Negara akan juga membantu melahirkan kaum petani di negara ini yang lebih berdikari yang tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan untuk menjalankan usaha mereka.

Dalam pada itu, unit-unit pertanian telah diperbesarkan supaya projek-projek pertanian adalah berdaya maju. Pengeluaran pertanian secara bersepadu, secara berkelompok dan dalam bentuk mini estet telah diwujudkan demi memudahkan pemberian perkhidmatan oleh Kerajaan serta untuk melaksanakan aktiviti pertanian secara bekerjasama dan untuk mengadakan satu sistem pemasaran yang lebih berkesan.

Dasar Pertanian Negara memberi tumpuan untuk memesatkan lagi pembangunan perusahaan berasaskan pertanian dan ini adalah berhasrat untuk melibatkan petani-petani dalam aktiviti aliriktan pertanian demi meningkatkan pendapat mereka melalui nilai tambah. Pada asasnya Dasar Pertanian Negara akan mendatangkan faedah dalam membentuk satu masyarakat petani yang bertaraf komersial dan dinamis.

IJAZAH UNIVERSITI DI INDIA— IKTIRAF

58. Tuan Dr V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berkaitan dengan Persatuan Siswazah-siswazah Malaysia Universiti-universiti India (Malaysia Association of Indian University Graduates—MATUG) yang telah membentangkan beberapa permintaan dan rayuan kepada Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam mendesak Kerajaan mengiktiraf ijazah-ijazah yang dianugerahkan oleh Universiti-universiti terkenal di India, bilakah kali yang terakhir rombongan penilaian Malaysia telah melawat universiti-universiti India, dan apakah keputusan lawatan ini; dan
- (b) bolehkah beliau menerangkan apakah dasar pertimbangan

atau nilaitara yang digunakan oleh Kerajaan mengenai pengiktirafan ijazah-ijazah dan universiti-universiti India dan Taiwan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Satu rombongan penilaian yang terakhir telah melawat India dalam bulan April, 1975 untuk meninjau pendidikan Farmasi di tiga (3) buah pusat pengajian tinggi negara tersebut. Rombongan berkenaan telah memperakukan supaya siswazah-siswazah Malaysia dari Universiti of Nagpur diterima untuk berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia setelah mereka memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan, seperti menjalani latihan amali dan lulus peperiksaan. Setakat ini Kerajaan telah mengiktiraf kelulusan daripada 76 buah Universiti di India dalam bidang-bidang Perubatan, Farmasi, Sains Veterinar, Perhutanan dan Kejuruteraan.
- (b) Sesuatu kelayakan ijazah adalah dinilai mengikut keperluannya dalam Perkhidmatan Awam dan bukan untuk maksud mengiktirafnya daripada segi kelulusan akademik sahaja. Ijazah-ijazah dari universiti tempatan pula adalah digunakan untuk menentukan tahap akademik/nilai taraf sesuatu kelayakan yang dinilai.

Kelayakan ijazah dari universiti-universiti luar negeri, termasuk India, yang telah diiktiraf oleh Kerajaan adalah diputuskan berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan itu.

Bagi kelayakan ijazah dari Universiti di Taiwan, pengiktirafan tidak diberi kerana tidak wujud keperluan dalam Perkhidmatan Awam untuk menilai dan mengiktirafkannya.

MAJLIS TERTINGGI ULAMAK SE-MALAYSIA

59. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Perdana Menteri merancang untuk mencadangkan kepada Majlis Tertinggi yang berkuasa mengenai agama di negara kita untuk menubuh "Majlis Tertinggi Ulama se-Malaysia", sebagai usaha untuk memperkukuh perpaduan ummah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Majlis Tertinggi Ulama Se-Malaysia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Institusi-institusi dan badan-badan yang sedia ada sekarang seperti Majlis-majlis Agama Islam Negeri, jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia, Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa, Majlis Islam adalah mencukupi dan berkemampuan buat waktu ini untuk menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang dikehendaki daripada sebuah Majlis yang disebutkan sebagai Majlis Tertinggi Ulama.

SEKOLAH KEBANGSAAN TIGA- PAPAN—KEMUDAHAN ASAS

60. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa kebanyakan Sekolah Rendah di kawasan Marudu mempunyai masalah rumah-rumah guru terutama sekali di

kawasan luar bandar seperti S.R.J.K. Tiga-Papan dan lain-lain lagi; dan selain daripada itu guru-guru dan murid-murid sekolah tersebut juga menghadapi masalah kemudahan-kemudahan asas harian; jika sedar, bilakah Kementerian bertindak untuk membanteras masalah ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada SRJK Tiga Papan sebagaimana yang disebutkan tetapi yang ada ialah SK Tiga-Papan. SK Tiga-Papan ini mempunyai 5 bilik darjah untuk 132 orang murid dan juga terdapat 3 unit rumah guru. Kementerian Pelajaran memang menyedari masih banyak sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar, termasuk di kawasan Marudu yang kekurangan kemudahan-kemudahan asas harian.

Kementerian Pelajaran memang mempunyai rancangan untuk memperbaiki keadaan fizikal dan lain-lain kemudahan sekolah-sekolah tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan yang terbatas, penyediaan kemudahan hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

HOSPITAL BEAUFORT— PERKHIDMATAN PERUBATAN

61. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan untuk memperbaiki kemudahan dan meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan di Hospital Beaufort yang serba kekurangan itu. Memandangkan hospital ini sangat kekurangan Doktor khususnya di bidang pakar perubatan adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk menghantar seorang Doktor Pakar Perubatan ke Hospital Beaufort. Terdapat sebahagian

daripada atap bangunan hospital ini telah bocor. Mengapakah pihak Kementerian tidak mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan):

Untuk memperbaiki kemudahan dan meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan di Hospital Beaufort, Kementerian Kesihatan telah pun membelanjakan sebanyak \$13,159,336.00 untuk membina sebuah hospital baru yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang moden. Kakitangan di hospital tersebut telah bertambah dari 2 orang Doktor dan 12 Jururawat Terlatih dalam tahun 1983 kepada 3 orang Doktor dan 26 Jururawat Terlatih bagi tahun 1987. Dengan adanya 3 orang Doktor, kebanyakan kes-kes dapat dirawat termasuk pembedahan-pembedahan kecil. Sekiranya seorang pesakit memerlukan rawatan pakar, pesakit tersebut dihantar dengan ambulan ke Hospital Besar Kota Kinabalu yang terletak kira-kira 96 km dari Beaufort dan mengambil masa 1½ jam.

Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan doktor pakar perubatan pada masa ini, dan seorang pakar akan ditempatkan di Hospital Beaufort apabila keadaan mengizinkan kelak.

Mengenai kebocoran atap bangunan hospital tersebut adalah dimaklumkan kebocoran ini disebabkan oleh pembinaan hospital yang tidak memuaskan oleh pihak kontraktor. Dalam perkara ini Kementerian Kesihatan pada tahun 1986 telah membelanjakan sebanyak M\$105,904.00 bagi tujuan tersebut.

(Soalan No. 62. Sila lihat Jawapan No. 10 pada 12-3-87).

PENDATANG HARAM/PELARIAN DI SABAH

63. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pendatang-pendatang haram di negeri Sabah pada masa sekarang;
- (b) berapa ramaikah pelarian-pelarian yang berada di negeri Sabah;
- (c) bagaimanakah pihak Kementerian bercadang untuk menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram ke negeri Sabah; dan
- (d) adakah pihak Kementerian bertujuan untuk memberi penempatan kepada pelarian-pelarian yang berada di Sabah ke pusat di kepulauan perairan Sabah atau menempatkan mereka dengan secara keseluruhannya di semua negeri di Malaysia buat sementara waktu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah sebenar pendatang tanpa izin Filipina di Sabah tidak dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menjalankan usaha untuk mengesan mereka. Ini adalah satu usaha yang berterusan.

Sebahagian daripada pendatang tanpa izin itu telah masuk ke Malaysia kerana melarikan diri dari keadaan di Filipina. Sebelum apa-apa tindakan diambil terhadap mereka yang dikesan itu, kita perlu mengenalpasti bahawa mereka itu dapat dihantar balik ke negara asal mereka.

Keputusan yang akan diambil itu adalah bergantung kepada faktor-faktor yang menyebabkan mereka datang ke Malaysia dan juga keadaan di Filipina. Jika keadaan membenarkan mereka balik ke Filipina, maka tindakan akan diambil

untuk menghantar mereka balik. Walau bagaimanapun, mereka yang datang ke Malaysia atas sebab ekonomi, tindakan akan diambil untuk menghantar balik ke Filipina, jika kedatangan mereka tidak diperlukan di Sabah.

Untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin dari Filipina, Kementerian Dalam Negeri akan mengetatkan lagi rondaan di kawasan perairan di Sabah. Di samping itu, Pasukan Petugas VII telah diberikan tanggungjawab untuk merangkakan strategi-strategi dan langkah-langkah berkesan bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin dari Filipina.

WANG AWAM—KEYAKINAN ORANG RAMAI

64. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki keyakinan orang ramai terhadap sektor-sektor awam agar pengurusan dan penggunaan wang rakyat tidak disalahgunakan.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan memang sedar dan sentiasa melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan wang awam tidak disalahgunakan serta meningkatkan tahap akauntabiliti awam selaras dengan keperluan semasa. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan telah melaksanakan Sistem Program dan Prestasi untuk memperbaiki pemeriksaan belanjawan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Sistem ini membolehkan Kerajaan mempersoalkan "rationale" setiap program/aktiviti yang dijalankan atau yang dicadangkan untuk dilaksanakan. Menerusi

pendekatan ini prestasi serta pencapaian program/aktiviti dapat dinilai dan dibandingkan dengan sumber-sumber yang digunakan;

- (ii) Undang-undang kewangan dan arahan-arahan kewangan adalah disemak dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa bagi memastikan wang awam digunakan secara berkesan dan Perbendaharaan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi memastikan peraturan-peraturan dipatuhi;
- (iii) Di samping itu, prestasi kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi juga dikesan dan diawasi oleh agensi-agensi pusat. Dalam hubungan ini kedua-dua jenis perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah dikesan oleh Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri masing-masing.
- (iv) Kerajaan telah juga memperkenalkan konsep audit dalaman untuk mengawasi urusan-urusan kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi terpilih. Akta Audit 1957 telah juga dipinda bagi membolehkan Ketua Audit Negara memeriksa sama ada perhatian yang sewajarnya telah diberi kepada penggunaan sumber dengan ekonomi dan secara cekap;
- (v) Selain daripada itu, Kerajaan telah juga meningkatkan latihan kewangan bagi meningkatkan lagi kemahiran dan kesedaran kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam

penggunaan sumber-sumber awam;

- (vi) Bagi Badan-badan Berkanun pula, belanjawan Badan-badan Berkanun adalah diteliti oleh agensi-agensi pusat. Di samping itu beberapa langkah juga dilaksanakan bagi memastikan pencapaian akauntabiliti yang lebih memuaskan, antaranya seperti berikut:

(a) Dalam bidang kontrak dan tender, Badan-badan Berkanun adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;

(b) Syarat-syarat perkhidmatan dan bilangan jawatan pegawai/kakitangan Badan-badan Berkanun adalah ditentukan dan dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;

(c) Badan-badan Berkanun tidak dibenarkan memperolehi pinjaman atau membuat sebarang pelaburan tanpa persetujuan Perbendaharaan; dan

(d) Di samping itu, Akta 240 (Akaun dan Laporan Tahunan Badan-badan Berkanun) memerlukan penyata kewangan setiap Badan Berkanun dikemukakan bagi tujuan audit, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya sesuatu tahun kewangan;

- (vii) Bagi tujuan mengawasi syarikat-syarikat kepentingan

Kerajaan, satu Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (Central Information Collection Unit) telah ditubuhkan untuk mengesan, antara lain, prestasi dan kedudukan kewangan mereka serta melaksanakan langkah pembetulan.

- (viii) Melalui wakil Perbendaharaan dan Kementerian-kementerian berkenaan di Lembaga-lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan, laporan-laporan yang sewajarnya disediakan untuk perhatian pihak-pihak berkuasa yang berkenaan;

- (ix) Sejak kebelakangan ini Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah juga meluaskan bidang tugasnya untuk meliputi pemeriksaan ke atas akaun-akaun dan laporan-laporan Badan-badan Berkanun.

Walaupun banyak peraturan dan undang-undang diperkenalkan, pada akhirnya pengurusan dan penyelewengan bergantung kepada individu. Jika yang diberi amanah itu tidak berwibawa, masalah akan timbul.

AJARAN SESAT

65. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah ajaran sesat yang dikenalpasti di negara kita sekarang, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil, apakah kesannya dan apakah tindakan-tindakan untuk masa depan terhadap mereka-mereka yang terlibat dengan ajaran sesat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pada masa ini terdapat 23 ajaran sesat di seluruh negara yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Agama

Islam Negeri-negeri iaitu pertambahan 9.5% dari tahun lalu.

Kerajaan khususnya Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah mengambil beberapa langkah yang wajar bagi memastikan berkurangan pengaruh ajaran sesat ini di kalangan masyarakat. Antara langkah-langkah tersebut ialah dengan menjemput kumpulan ajaran-ajaran berkenaan ke Jabatan-jabatan Agama berkenaan untuk mendapatkan penjelasan kenapa mereka tertarik dengan ajaran-ajaran tersebut dan seterusnya memberikan penjelasan kepada mereka di mana salah silapnya ajaran-ajaran berkenaan supaya mereka itu meninggalkan ajaran tersebut secara faham dan dengan rela hati. Usaha ini digiatkan dari masa ke semasa. Satu cara lain ialah dengan menerbitkan buku penjelasan terhadap satu-satu ajaran supaya rakyat dapat memahami sepenuhnya di mana silap dan menyelewengnya satu-satu ajaran tersebut. Setakat ini Bahagian Hal Ehwal Islam, sebagai contoh telah menerbitkan beberapa buku kecil yang menjelaskan perkara tersebut. Jabatan Agama Islam Negeri juga menerbitkan beberapa buah risalah siaran bagi menjelaskan satu-satu ajaran yang telah dihukum menyeleweng dari ajaran Islam.

Satu cara lagi yang biasa digunakan ialah mengingatkan rakyat supaya mereka tidak terikut-ikut ke dalam satu-satu kumpulan yang mengajar secara diam-diam atau sembunyi-sembunyi yang dibawa oleh seseorang yang tidak diketahui asal usulnya atau yang cetek pengetahuan agamanya. Hal ini selalu diingatkan melalui khutbah-khutbah Jumaat dan penerangan-penerangan dakwah.

Setakat ini kesan yang diperolehi dari langkah-langkah yang telah diambil secara yang disebutkan itu adalah amat berkesan apatah lagi media massa telah memberi sumbangan yang amat menggalakkan dalam

menyedarkan orang ramai mengenai kegiatan satu-satu ajaran yang disyaki menyeleweng. Oleh kerana itulah di akhir ini didapati pengaruh ajaran sesat yang telah dikenalpasti belum dapat ditumpaskan sepenuhnya.

Kerajaan termasuk Jabatan Agama Islam Negeri-negeri terus meningkatkan penerangan kepada orang ramai melalui khutbah-khutbah, risalah-risalah, buku-buku juga melalui majlis-majlis ceramah atau dakwah bagi menyedarkan orang ramai tentang ciri-ciri ajaran sesat supaya orang ramai dapat mengenali dan seterusnya dapat menghindarkan diri dari terjerat ke dalam satu-satu ajaran sesat. Kerajaan sedar bahawa cara yang paling berkesan bagi membanteras ajaran sesat ini ialah dengan memberikan pengetahuan agama yang cukup kepada rakyat, di samping mengambil tindakan tegas ke atas penyebaran ajaran-ajaran itu sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam tiap-tiap negeri.

DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN MILIKHARTA

66. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apabila Kerajaan merangka Dasar Ekonomi Baru pencapaian milikharta telah disasar 30% untuk Bumiputera, 40% bukan Bumiputera dan 30% warganegara asing. Sila nyatakan:

- (a) antara tiga komponen ini siapakah yang belum mencapai target dan telah melebihi target; dan minta pecahan peratusnya;
- (b) bagaimanakah kekurangan pencapaian target ini dapat dipenuhi selepas tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 nanti; dan
- (c) dari segi menghapuskan kemiskinan pula adakah benar bahawa hanya kadar

kemiskinan sahaja (rate of poverty) yang berubah tetapi bilangan kemiskinan (occurance of poverty) tidak berubah ataupun kian bertambah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman):

- (a) Pencapaian pemilikan harta di sektor koperat sehingga sekarang menunjukkan pencapaian Bumiputera dan rakyat Asing adalah di bawah matlamat DEB.

Manakala pencapaian oleh Kumpulan Rakyat Malaysia yang lain telah melebihi matlamat-matlamatnya. Pemilikan modal saham di sektor koperat oleh Bumiputera pada tahun 1985 ialah kira-kira 18 peratus, pemastautin asing sebanyak 25 peratus dan bukan Bumiputera sebanyak 57 peratus;

- (b) Pada tahun 1990, hakmilik Bumiputera dijangka mencapai 22 peratus, manakala kumpulan asing sebanyak 25 peratus dan Rakyat Malaysia yang lain 53 peratus. Kekurangan pencapaian matlamat ini diharap akan dapat dicapai melalui usaha-usaha yang lebih gigih ke arah menyusun semula masyarakat supaya setiap masyarakat di negara ini sama-sama dapat menikmati kekayaan negara secara yang lebih adil dan saksama selaras dengan matlamat kita untuk menjamin keharmonian dan perpaduan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja menetapkan dasar-dasar dan strategi-strategi baru selepas 1990 masih lagi di peringkat awal masa ini.

Kerajaan akan mengumumkan perkara ini apabila tiba masanya.

- (c) Seperti yang dinyatakan dalam dokumen RML, dalam tempoh 1970-84, bukan sahaja kadar kemiskinan bagi kumpulan miskin di Semenanjung Malaysia telah berkurangan bahkan bilangan isi rumah miskin juga telah berkurangan daripada 791,800 kepada 483,300 dalam tempoh yang sama. Di Sabah, antara tahun 1976-1984 kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 58 peratus kepada 33 peratus sementara bilangan isi-rumah miskin berkurangan daripada 95,500 kepada 76,000, dalam tempoh tersebut. Di Sarawak pula, kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 56 peratus pada tahun 1976 kepada 32 peratus pada tahun 1984 dan bilangan isi rumah miskin berkurang daripada 115,900 kepada 90,100 dalam tempoh yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 1985 negara telah mengalami kesan-kesan kemelesetan ekonomi dan ini telah menjejaskan tingkat pendapatan ramai golongan, tidak terkecuali golongan miskin. Akibat dari ini, terdapat bukti-bukti bahawa kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin telah meningkat sedikit.

Bagaimanapun, kita percaya perkara ini tidak berterusan dan bagi pihak Kerajaan, banyak langkah-langkah dan program-program anti-kemelesetan telah pun disusun dan dilaksanakan untuk menggiatkan semula ekonomi negara dan seterusnya mengatasi masalah kemiskinan.

SEKOLAH AGAMA ISLAM DI SABAH—PENGAMBILAN PELAJARAN

67. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang untuk menambahkan pengambilan dan penghantaran pelajar-pelajar Sekolah Agama Islam di negeri Sabah untuk melanjutkan pelajaran Islamiah yang lebih tinggi di Semenanjung Malaysia dan luar negeri. Ini adalah kerana Negeri Sabah pada masa ini mengalami kekurangan anak-anak tempatan yang mempunyai kelulusan di dalam bidang tersebut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Kementerian Pelajaran memberi biasiswa perguruan kepada pelajar-pelajar, termasuk dari Sabah, untuk melanjutkan pelajaran tinggi dalam Pengajian Agama Islam dan Bahasa Arab di universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Pemberian biasiswa ini bergantung kepada kelayakan pelajar, keperluan tenaga pengajar Agama Islam dan Bahasa Arab dan kedudukan kewangan.

PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI—PENYUSUNAN SEMULA

68. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan penyusunan semula pegawai-pegawai dan kakitangan Perwakilan Malaysia di luar negeri supaya matlamat dan kepentingan ekonomi negara dipertingkatkan. Adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk menarik balik pegawai-pegawai dan kakitangan di Perwakilan Malaysia yang tidak produktif dan tidak beramanah.

Dato' Rais Yatim: Hasil yang dicapai setakat ini amatlah

mengalakkan. Sejak garis panduan dan penekanan baru dikeluarkan kepada perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dan juga penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Bagi Hal Ehwal Ekonomi di tiap-tiap perwakilan yang menyelaras kegiatan ekonomi dari berbagai agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri, aktiviti-aktiviti pegawai-pegawai kita dalam bidang ekonomi telah meningkat dan semakin berkesan. Pencapaian mereka akan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan supaya peranan yang dijalankan benar-benar berfaedah kepada negara.

Pegawai-pegawai yang tidak produktif dan yang tidak amanah akan ditarik balik.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, ingin saya menegaskan bahawa kepentingan ekonomi kita di luar negeri bukan semata-mata bergantung kepada pegawai-pegawai kita di luar negeri. Tidak kurang juga peranan pengusaha-pengusaha, pengeksport-pengeksport dan ahli-ahli perdagangan kita sendiri yang harus mengambil inisiatif tertentu bagi memajukan kepentingan ekonomi kita di luar negeri. Tidak ada gunanya kalau pegawai-pegawai kita bekerja keras di luar negeri tetapi peluang-peluang yang mereka kenalpasti, cadangan-cadangan yang mereka buat tidak diambil tindakan susulan atau follow-up action oleh pengusaha-pengusaha dan pengeksport-pengeksport dari Malaysia.

TIMBALAN PENGARAH PELAJARAN SABAH—JAWATAN

69. Tuan Michael Asang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sudah ada rancangan jawatan Timbalan Pengarah Pelajaran di Negeri Sabah. Kalau ada bilakah perlantikan itu dibuat dan kalau belum

kenapa; memandangkan di negeri-negeri lain semuanya ada orang tempatan yang memegang jawatan tersebut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sudah pun mengambil tindakan untuk menempatkan anak tempatan memegang jawatan Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Sabah. Oleh sebab pengisian jawatan tersebut melibatkan urusan kenaikan pangkat, Kementerian Pelajaran hanya boleh mengisinya apabila mendapat kelulusan dari Lembaga Kenaikan Pangkat di Jabatan Perkhidmatan Awam.

PROTON SAGA—KERETA RASMI DI KEDUTAAN MALAYSIA

70. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan kenapa Proton Saga tidak dijadikan kereta rasmi Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri bukankah itu cara untuk memperkenalkan kereta nasional Malaysia dan dalam masa yang sama menggunakan barangan tempatan.

Dato' Rais Yatim: Kerajaan memang bercadang untuk membekalkan Kedutaan kita di luar negeri dengan kereta Proton Saga. Ini akan dibuat secara berperingkat dan akan dimulakan dengan Kedutaan-kedutaan kita di negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, rancangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta pada masa ini oleh kerana kebanyakan kereta-kereta rasmi yang digunakan oleh Kedutaan-kedutaan kita masih boleh dipakai. Inshaallah, apabila sampai masanya kereta-kereta tersebut akan diganti dengan Proton Saga.

Walaupun bagaimanapun, bagi setengah-setengah negara di mana kemudahan servis dan pembaikan tidak begitu memuaskan dan kereta Proton kita tidak dapat diselenggara dengan baik, besar kemungkinan Kerajaan tidak dapat membekalkan kereta tersebut ke perwakilan kita di sana.

PROJEK PENGKALAN TENTERA UDARA GONG KEDAK

71. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai cadangan pihak Kerajaan akan menjadikan kawasan Gong Kedak di Kelantan sebagai Pengkalan Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang mana tanah telah diambil dan dibayar pampasan;

- (a) apakah Kerajaan akan meneruskan projek ini, kerana ada beberapa buah syarikat yang telah membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit menyediakan proposer bagi pembinaan projek ini; dan
- (b) apakah alasan-alasan yang menyebabkan projek tersebut kononnya dibatalkan. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Projek Pengkalan Tentera Udara (TUDM) Gong Kedak di Kelantan tidak dibatalkan, ianya akan diteruskan oleh Kerajaan. Namun begitu pelaksanaannya terpaksa diperlahankan akibat kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang. Perlaksanaan projek ini akan dijalankan secara berperingkat dan bergantung kepada keadaan ekonomi negara semasa.

**PLAZA TOL—PEMBINAAN/
BAYARAN**

72. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jumlah Rumah Tol yang telah, sedang dan akan dibina di seluruh Lebuhraya di Semenanjung Malaysia;
- (b) harga pembinaan tiap-tiap satu Rumah Tol; dan
- (c) jumlah bayaran tol pergi balik yang akan dikenakan kepada tiap-tiap kereta/lori/bas/teksi-kereta sewa dari pergi ke Johor Bahru apabila lebuhraya (Utara-Selatan) ini siap.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Jumlah Plaza Tol yang telah siap adalah sebanyak 20 buah yang mana hanya 10 buah sahaja yang sedang beroperasi dan 10 buah lagi akan beroperasi apabila sistem tol tertutup dilaksanakan. Jumlah Plaza Tol yang sedang dibina adalah 7 buah dan yang akan dibina adalah sebanyak 29 buah lagi.
- (b) Harga pembinaan Plaza Tol berbeza-beza mengikut jumlah lorong tol yang disediakan. Daripada tawaran-tawaran yang telah diterima harga pembinaan Plaza Tol adalah di antara \$1.06 juta hingga \$1.63 juta.
- (c) Kadar bayaran tol yang dicadangkan ke atas Lebuhraya Utara-Selatan adalah seperti berikut:

Kategori—

- (i) Kereta dan Kenderaan Ringan—6.0¢
sekilometer.
- (ii) Kenderaan Sederhana/
Biasa—12.0¢
sekilometer.

(iii) Kenderaan Berat—18.0¢
sekilometer.

Lebuhraya Utara-Selatan bermula daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru dan bukannya dari Perlis. Panjangnya lebuhraya tersebut adalah lebih kurang 900 km. Oleh itu jumlah bayaran tol pergi/balik dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru untuk Kategori I adalah \$108.00, Kategori II adalah \$216.00 dan Kategori III \$324.00.

PROJEK KILANG PULPA

73. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang meluluskan taraf "Projek Nasional" ke atas Kilang Pulpa dan Kertas di Sipitang, Sabah dan jika tidak, apa sebab-sebabnya.

Dato Kok Wee Kiat: Projek Kilang Pulpa dan Kertas di Sipitang kepunyaan Sabah Forest Industries Sdn Bhd adalah masih dalam peringkat pembinaan dan hanya dijangka memulakan pengeluarannya pada pertengahan tahun ini. Projek ini telah diluluskan dengan galakan berbentuk Elaun Cukai Pelaburan dan dari masa ke semasa ianya akan diberi pengecualian duti import/cukai tokok ke atas bahan-bahan mentah dan alat komponen yang digunakan. Soal pemberian atau kelulusan taraf "Projek Nasional" kepada kilang ini tidak timbul pada masa ini. Malahan projek ini dianggap sama seperti mana-mana projek komersial lain yang layak mendapat galakan dan kemudahan dari Kerajaan terutama pada peringkat awal operasinya.

**ANTAH BIWATER—BEKALAN AIR
DI LUAR BANDAR**

74. Tuan Tieu Sung Seng minta Menteri Kerjaraya menyatakan

apakah peranan Syarikat Antah Biwater Sdn Bhd dalam projek bekalan air luar bandar (rural water supply project) dan bilakah projek ini akan dimulakan di Sarawak.

Dato' S. Samy Vellu: Syarikat Antah Biwater telah dilantik sebagai pemborong "turnkey" yang akan melaksanakan sebanyak 174 skim bekalan air luar bandar di seluruh Malaysia.

Bagi negeri Sarawak sebanyak 18 skim telah dicadangkan dengan kos sebanyak \$171 juta dan adalah dijangkakan perlaksanaan skim-skim di Sarawak akan bermula pada penghujung tahun ini.

KENDERAAN PERNIAGAAN— PENGELUARAN/PEMBAHARUAN LESEN

75. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah hanya sebuah pejabat Pendaftaran Kenderaan Pengangkutan sahaja di Sabah untuk membaharui atau pendaftaran lesen/permit kenderaan perniagaan dan semua pemilik kenderaan perniagaan di Sabah dikehendaki pergi ke Kota Kinabalu memohon pendaftaran lesen/permit atau pembaharuannya. Keadaan ini akan menyebabkan kerumitan dan perbelanjaan berlebihan terhadap pemilik kenderaan perniagaan dan juga menyusahkan pemilik-pemilik kenderaan awam. Apakah langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen dan pembaharuan lesen bagi kenderaan perniagaan adalah di bawah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dan pendaftaran kenderaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan adalah di bawah

tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri.

Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah yang diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam Malaysia hanya ditempatkan di Kota Kinabalu adalah disebabkan kedudukan Kota Kinabalu itu sendiri sebagai Pusat Pentadbiran bagi negeri Sabah. Di samping itu juga Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan baru sahaja ditubuhkan di Sabah pada 1 Oktober, 1984. Sebelum itu tugas-tugas pelesenan adalah dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri.

Memandangkan kedudukan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah hanya di Kota Kinabalu sahaja, sudah tentu ada masalah yang dihadapi oleh orang awam disebabkan masalah perhubungan. Walau bagaimanapun beberapa langkah tertentu telah diambil untuk mengatasi masalah ini di antaranya ialah:

- (i) Mendapat kerjasama daripada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menerima permohonan-permohonan daripada orang awam di Bahagian masing-masing. Ini adalah kerana Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah mempunyai cawangan-cawangannya di beberapa bahagian tertentu di negeri Sabah.
- (ii) Pegawai-pegawai daripada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dari semasa ke semasa pergi ke cawangan-cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.
- (iii) Bagi permohonan yang memerlukan temuduga, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengadakan temuduga di

bahagian-bahagian tertentu berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada pemohon-pemohon bahagian berkenaan. Ini bermakna bahawa pemohon tidak perlu lagi datang ke Kota Kinabalu apabila panggilan temuduga diadakan.

- (iv) Di samping itu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah juga mendapat kerjasama daripada Majlis Perbandaran/Daerah untuk membuat pengumuman awam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Lembaga.
- (v) Borang-borang juga telah diedarkan ke cawangan-cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Majlis-majlis Daerah untuk kemudahan pemohon-pemohon.

Langkah-langkah yang diambil ini telah mengurangkan kerumitan atau perbelanjaan yang berlebihan terhadap pemilik kenderaan perniagaan sama ada untuk permohonan baru atau membaharui lesen oleh kerana mereka tidak perlu datang ke Kota Kinabalu.

PEKERJA KILANG YANG DIBERHENTIKAN

76. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dari kilang perindustrian di Labuan dibayar dengan penuh segala faedah yang sepatutnya mereka terima menurut Akta Pengajian (Employment Act); dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu

pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja mencari pekerjaan gantian atau alternatif lain untuk membolehkan mereka menyara kehidupan mereka.

Dato' Lee Kim Sai:

- (a) Kementerian Buruh melalui Pejabat Buruh Labuan sentiasa berusaha memastikan agar semua faedah yang diwajibkan oleh Undang-undang Buruh dibayar dengan sepenuhnya kepada pekerja-pekerja kilang yang diberhentikan kerja. Di Labuan, pembayaran faedah renti-kerja adalah di bawah Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67) dan bukannya di bawah Akta Kerja, 1955 yang mana berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja.
- (b) Kebanyakan daripada mereka yang telah diberhentikan kerja itu, terdiri daripada pekerja pendatang iaitu dari Semenanjung Malaysia, Filipina, Indonesia dan lain-lain negara. Bilangan pekerja tempatan yang terlibat adalah segelintir sahaja. Umpamanya setakat ini cuma seramai 38 orang bekas pekerja Limbungan Kapal Sabah dan tujuh orang bekas pekerja kilang pakaian Kosan telah mendaftar sebagai pencari kerja. Dari jumlah itu lima orang daripada bekas pekerja Limbungan Kapal Sabah telah pun ditempatkan dalam pekerjaan lain. Usaha sedang diteruskan untuk menempatkan pekerja-pekerja yang lain itu.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN KAMPUNG PINOLOBUH—PEMBINAAN

77. Tuan Maidon bin Pansai minta Menteri Pelajaran menyatakan

bilakah Kerajaan akan melaksanakan pembinaan bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Kampung Pinolobuh, Kota Belud yang mana saya telah fahamkan bahawa pembinaannya sudah lama dirancang sehingga tanah bagi kawasan tapak sekolah yang dicadangkan itu telah pun disediakan serta mempunyai geran (title) atas nama Jabatan Pelajaran.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Pembinaan bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Kampung Pinolobuh, Kota Belud tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan. Permohonan untuk membina sekolah ini akan dipertimbangkan apabila peruntukan mencukupi.

PENTERJEMAH MAHKAMAH

78. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan penterjemah mahkamah yang sudah menjadi satu masalah nasional.

Dato' Oo Gin Sun: Menyedari tentang masalah kekurangan Jurubahasa (Penterjemah) yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah, Kerajaan telah mengadakan urusan pengambilan calon-calon pada penghujung tahun lepas.

Tawaran jawatan Jurubahasa telah dibuat dalam bulan Disember, 1986 kepada seramai 41 orang calon yang berjaya dalam urusan pengambilan itu.

Sementara itu untuk mengisi jawatan-jawatan Jurubahasa yang masih kosong, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan mengadakan urusan pengambilan calon-calon baru tidak berapa lama lagi.

Dengan pengambilan ini adalah diharapkan ianya akan dapat mengatasi kekurangan Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah.

ISTILAH BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA

79. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah:

- (i) istilah "BUMIPUTERA" dan "BUKAN BUMIPUTERA" di Malaysia Barat, dan istilah "BUMIPUTERA BUKAN MELAYU" dan "BUMIPUTERA MELAYU" di Malaysia Timur akan dibatalkan;
- (ii) perkataan "KETURUNAN" dalam semua borang akan dibatalkan;
- (iii) Yunit Penyertaan Bumiputera di Jabatan-jabatan Kerajaan akan dibatalkan; dan
- (iv) sebarang kenyataan berdasarkan ras dan kaum akan digantikan dengan istilah "Malaysian" atau "Malaysia" kalau tidak dapat berbuat demikian, sila berikan sebab-sebab.

Tuan Kasitah Gaddam:

- (i) Istilah-istilah Bumiputera dan Bukan bumiputera akan terus digunakan bagi memudahkan semua pengiraan dan penilaian dibuat mengenai prestasi dan kemajuan penyertaan mengikut kaum di semua sektor dan bidang tertentu dalam mengukur sejauh mana matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru telah dicapai. Umpamanya dari segi pemegangan hakmilik harta, pelaksanaan konteks penyertaan dalam bidang perdagangan dan perusahaan

- serta peluang-peluang mengikuti pelajaran tinggi.
- (ii) Kerajaan tiada bercadang untuk membatalkan penggunaan perkataan "KETURUNAN" dalam borang-borang.
- (iii) Kerajaan belum berhajat lagi untuk memansuhkan Unit-unit Penyertaan Bumiputera di Jabatan-jabatan Kerajaan kerana unit-unit tersebut masih diperlukan untuk memainkan peranan penting seperti mengesan membantu menyelesaikan masalah tertentu serta menolong meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera secara amnya di dalam kegiatan-kegiatan yang dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi berkenaan.
- (iv) Kenyataan-kenyataan berdasarkan ras dan kaum akan tetap dibuat kerana Kerajaan berpendapat bahawa adalah lebih berkesan dan berfaedah sekiranya perkara-perkara berkenaan ras dan kaum disebut dengan secara berterus terang. Sebarang isu atau masalah akan dapat diatasi dengan memuaskan dan segala usaha pembangunan dapat dilaksanakan bagi mendapat hasil yang dimaklumi secara saksama.

BANDUAN MELARIKAN DIRI

80. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab beberapa orang banduan-banduan dalam Penjara Pudu dan Penjara Kuantan dapat melarikan diri daripada penjara-penjara tersebut;

- (b) sama ada peristiwa-peristiwa ini berlaku kerana terdapat kelonggaran dalam keselamatan dalam penjara dan juga "over-crowding"; dan
- (c) memandangkan keadaan ini, adakah Kementerian beliau bercadang membina lebih banyak lagi penjara di negara kita, jika ia, di mana dan bilakah pembinaan akan bermula dan sama ada sebuah penjara akan dibina di Tapah Road, Perak, jika ia, bila.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebab-sebab banduan melarikan diri adalah seperti berikut:
- (i) bilangan banduan yang ramai di satu-satu penjara yang menyukarkan kawalan dibuat ke atas mereka;
- (ii) kecuaiannya segelintir pegawai-pegawai penjara yang mengawal banduan.
- (b) Kelonggaran dalam keselamatan memang menjadi salah satu sebab kelarian banduan. Walau bagaimanapun langkah-langkah keselamatan telah dipertingkatkan di semua penjara.
- (c) Memandangkan bilangan banduan yang ramai Kerajaan telah pun membina sebanyak 5 buah penjara iaitu Penjara Remand Kajang yang telah siap pembinaannya pada tahun 1986. Manakala 4 buah penjara lagi masih dalam pembinaan iaitu Chenor di Pahang, Jelebu di Negeri Sembilan, Marang di Terengganu dan Penjara Remand Simpang Renggam, Johor yang kesemuanya di jangka siap pada tahun 1990.

Di samping itu Kerajaan juga bercadang membina 4 buah penjara termasuk di Tapah. Walau bagaimanapun pembinaan penjara-penjara ini tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan.

PENDATANG HARAM— PERBINCANGAN DENGAN PRESIDEN INDONESIA

81. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada sebarang perbincangan telah diadakan di antara beliau dan Presiden Indonesia dalam lawatannya ke negara kita baru-baru ini mengenai masalah pendatang-pendatang haram Indonesia di sini, jika ia, apakah hasil perbincangan itu; dan
- (b) memandangkan pendatang-pendatang haram Indonesia di negara kita mengancam keselamatan negara, adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Perjanjian Buruh yang ditandatangani beberapa tahun dahulu oleh Kerajaan Indonesia dan Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masalah pendatang tanpa izin dari Indonesia turut dibincang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden Suharto semasa lawatan Presiden itu ke Johor Bahru baru-baru ini. Dalam perbincangan itu Kerajaan Indonesia telah menyatakan persetujuan terhadap langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mencegah serta menangkap dan mengusir keluar pendatang tanpa izin Indonesia dari negara ini.

Di pihak Indonesia pula adalah menjadi dasarnya untuk tidak menggalak rakyatnya memasuki Malaysia tanpa izin. Oleh itu pihak Kerajaan Indonesia turut mengambil langkah pencegahan untuk menyekat aliran keluar rakyatnya daripada memasuki Malaysia tanpa izin.

Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk memansuh Perjanjian Buruh yang ditandatangani pada 12-5-1984 kerana tujuannya ialah untuk mengurus kemasukan pekerja secara sah dan teratur ke sektor ladang dan binaan di negara ini. Pekerja-pekerja berkenaan hanya dibenar masuk atas permintaan majikan-majikan berkenaan di mana masih wujud kekurangan pekerja untuk menampung kekurangan pekerja tempatan.

PENGGAL PERSEKOLAHAN— MENGUBAH

82. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang cadangan-cadangan hendak memendekkan cuti Penggal Ketiga Persekolahan dari Tujuh (7) minggu kepada lima (5) minggu dan menambah Cuti Penggal Pertama dan Kedua dari dua (2) minggu kepada tiga (3) minggu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran masih belum mengambil sebarang keputusan muktamad mengenai cadangan mengubah Penggal Persekolahan dan cadangan tersebut masih lagi di peringkat kajian dan perbincangan.

EKSPORT MALAYSIA KE NEGARA ISLAM

83. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah eksport barang-barang buatan Malaysia yang telah dapat

memasuki pasaran di negara-negara Islam umpamanya di Saudi Arabia, Kuwait, Iran, Iraq, Mesir dan negara-negara Islam yang lain dan apakah langkah untuk memperluaskan dagangan dengan negara Arab.

Dato Kok Wee Kiat: Jumlah eksport Malaysia ke negara-negara Islam meningkat sejak awal tahun 80an dan sampai ke kemuncak pada tahun 1984 dengan nilai eksport sebanyak M\$1,534 juta. Kadar pertumbuhan eksport ke negara-negara tersebut adalah purata 15% setahun. Walau bagaimanapun pada tahun 1985 dan bagi bulan Januari hingga November, 1986 eksport Malaysia ke negara-negara Islam telah menurun berturut-turut masing-masing bernilai M\$1,170 juta dan M\$916 juta. Penurunan pengimportan ini adalah disebabkan oleh sumber-sumber pendapatan negara-negara Islam telah berkurangan disebabkan turunnya harga minyak mentah di pasaran dunia. Walau bagaimanapun adalah dijangkakan bahawa pengimportan oleh negara-negara Islam ini akan meningkat semula dengan naiknya minyak mentah baru-baru ini.

Kementerian saya telah dan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan eksport negara Malaysia ke negara-negara Arab. Di antara lain, langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) Mengadakan misi perdagangan ke negara-negara Timur Tengah;
- (b) Menyertai pameran perdagangan di Asia Barat;
- (c) Menganjurkan seminar kepada pengeksport-pengeksport Malaysia mengenai peluang-peluang eksport ke negara Arab;
- (d) Menjawab pertanyaan perdagangan oleh peniaga-peniaga Arab;

- (e) Mengkaji peluang-peluang kemungkinan untuk meningkatkan lagi eksport serta menghantar misi perdagangan ke negara-negara Arab yang dagangannya dengan Malaysia masih rendah.

ORANG ASLI—MENARIK KEPADA AGAMA ISLAM

84. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah ada usaha-usaha yang dijalankan oleh Bahagian Agama Islam, JPM bagi membawa semua kaum asli Semenanjung Malaysia ini yang mana kita ketahui banyak mereka ini tidak ada pegangan agamanya tertentu kepada agama Islam.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bahagian Hal Ehwal Islam memang ada menjalankan usaha menarik Orang Asli kepada Agama Islam. Bagi tujuan tersebut Bahagian Hal Ehwal Islam, telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa iaitu Badan Penyelaras Kebajikan dan Rohaniah Orang Asli. Badan ini berusaha menyelaras aktiviti kebajikan dan rohaniah yang dilaksanakan terhadap Orang Asli, merancang program kerohanian dan berusaha mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan Orang Asli.

PAJAKAN PULAU JERJAK

85. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat perjanjian tentang pajakan Pulau Jerjak dari Kerajaan Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan yang dijadikan pusat tahanan bagi banduan dan pesalah-pesalah dan menyatakan sama ada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada membuat sebarang permintaan untuk mengambil kembali Pulau tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada syarat-syarat perjanjian mengenai pajakan Pulau Jerejak dari Kerajaan Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan yang dijadikan pusat tahanan bagi banduan dan pesalah-pesalah.

Adalah benar Yang Amat Berhormat Dr Lim Chong Eu telah memberitahu Allahyarham Tun Dr Ismail, Menteri Dalam Negeri bahawa Kerajaan Negeri bercadang membangunkan kawasan Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak untuk dijadikan kawasan perindustrian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$130,606,410 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1986 adalah

berjumlah \$392,105,310 tetapi sebanyak \$130,606,410 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$261,498,900 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan-tambahan yang besar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$60.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia untuk menampung pembayaran tunggakan bagi pindaan gaji permulaan Konstabel Polis yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1983 dan juga untuk menampung pertambahan gaji bagi anggota Polis bagi pangkat Konstabel sehingga Sub-Inspektor mulai 1hb Julai, 1985, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985.
- (2) Sebanyak \$36.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun. Tambahan ini adalah dikehendaki untuk diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dari hasil bersih loteri.
- (3) Sebanyak \$24.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menampung bayaran tunggakan caruman bantuan kadar kepada Pengusaha-pengusaha Tempatan sehingga tahun 1986.

Yang lain-lainnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya

Pilihanraya, B.44 Kementerian Penerangan dan B.63 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 7 Tahun 1987 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 7A Tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1985 dan Tambahan Kedua 1986.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 adalah berjumlah \$23,527,590. Dari jumlah tersebut sebanyak \$90 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak \$23,523,500 adalah perbelanjaan pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini jumlah peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1985 menjadi \$9,412,917,276. Kesemua tambahan perbelanjaan pinjaman tersebut adalah dikehendaki di bawah Maksud P.58 Jabatan Telekom untuk menampung perbelanjaan terlebih bagi membiayai projek pembangunan Jabatan ini yang diperolehi dalam bentuk kredit pembekal luar negeri di mana bayarannya dilaksanakan oleh bank-bank asing mengikut syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatangani. Yang lain-lainnya adalah merupakan peruntukan tanda berjumlah \$90 untuk meminda kenaikan jumlah anggaran harga projek bagi beberapa butiran di bawah lain-lain Kementerian ataupun Jabatan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8/87 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8A/87.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dicadangkan adalah berjumlah \$1,146,036,778. Dari jumlah ini sebanyak \$234,547,908 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak \$911,488,870 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan-tambahan besar bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian ataupun Jabatan adalah seperti berikut:

Sebanyak \$446.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan bagi perbelanjaan berikut:

Sebanyak \$300 juta untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan bagi kakitangan Kerajaan, sebanyak \$95.8 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Sabah Energy Corporation untuk membolehkan bayaran balik pinjaman serta faedahnya dibuat mengikut jadual di atas pembiayaan Projek Sabah Gas Utilisation dan sebanyak \$50.6 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd untuk membiayai Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia).

Sebanyak \$396.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.58—Jabatan Telekom sebagai pinjaman kepada Jabatan ini untuk menampung perbelanjaan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan iaitu Projek-projek Rangkaian Tempatan, Rangkaian Jauh, Rangkaian Suis dan pembinaan pembangunan bagi menempatkan alat-alat telekom.

Sebanyak \$216.7 juta, adalah dikehendaki di bawah Maksud P.61—Kementerian Kerjaraya untuk membiayai Projek Bekalan Air Luar Bandar, rancangan khas yang dilaksanakan oleh Antah Biwater.

Sebanyak \$66.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.33—Kementerian Perusahaan Awam sebagai tambahan peruntukan kepada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Dari jumlah ini sebanyak \$55.6 juta adalah sebagai pinjaman dan \$10.5 juta sebagai pemberian secara langsung kepada UDA bagi membiayai projek-projeknya. Sebanyak \$15.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54—Jabatan Penerbangan Awam untuk perbelanjaan berikut:

Sebanyak \$14.7 juta untuk membiayai sebahagian dari bayaran kontrak kerja untuk projek-projek lapanganterbang di Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Dari jumlah tersebut sebanyak \$12.6 juta sebagai pinjaman kepada Jabatan Penerbangan Awam, untuk Projek Lapanganterbang di Pulau Pinang dan Pulau Langkawi dan sebanyak \$846,200 untuk bayaran Juru Perunding bagi pembangunan semula Lapanganterbang Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain adalah merupakan tambahan kecil bagi membiayai berbagai projek dan rancangan di bawah lain-lain Kementerian ataupun Jabatan. Di samping itu beberapa peruntukan tanda \$10 perlu diadakan untuk mewujudkan butiran baru atau untuk meminda jumlah Anggaran Harga Projek bagi beberapa butiran mengikut anggaran harga di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9/87 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A/87.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul sebagai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 dan Tambahan Kedua 1986 selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1985

DAN

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1986

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri

Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan ke Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Sekarang kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hari ini sudah datang ke Dewan yang mulia ini untuk meminta kelulusan 3 set Anggaran Tambahan yang berjumlah \$1,300 juta.

Dalam keadaan sekarang di mana negara dan rakyat menghadapi penderitaan ekonomi, saya rasa sangat mustahak bagi pihak Kerajaan untuk menjelaskan dan memuaskan hati Parlimen bahawa dalam permintaan Kerajaan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan yang baru, Kerajaan sudah menggunakan semua penjimatan-penjimatan yang boleh, mengelakkan semua pembaziran-pembaziran yang boleh dan juga meningkatkan kecekapan yang setinggi-tingginya dalam sektor Kerajaan apabila datang untuk menambahkan anggaran atau sebenarnya belanja yang sudah dibuat dalam pihak Kerajaan.

Kalau salah pengurusan ekonomi atau “economic mismanagement” negara kita menjadikan urusan harian dengan projek-projek gajah putih di mana ada membaziri dan memboroskan wang rakyat di mana ada korupsi yang bermaharajalela dan juga percanggahan konflik kepentingan-kepentingan atau “conflict of interest” dalam Perkhidmatan Awam, semua ini yang menahan pertumbuhan ekonomi oleh kerana kegagalan Kerajaan untuk memulihkan kepercayaan rakyat dan mereka yang mahu melabur dalam negara ini ialah gagal untuk mengatasi krisis kepercayaan. Saya rasa Parlimen

ada tanggungjawab untuk memberitahu kepada Kerajaan bahawa permintaan-permintaan, permohonan-permohonan untuk "appropriation", wang-wang yang lebih banyak dalam Anggaran-anggaran Tambahan perlu dibuat dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang pokok di negara kita.

Saya rasa Parlimen akan gagal dalam tanggungjawab-tanggungjawabnya kalau kita tidak membuat dengan terus terang kepada Kerajaan bahawa kita tidak boleh menerima keadaan di mana Kerajaan meminta wang tambahan, tetapi ketepikan isu-isu yang pokok, yang mustahak yang ada ditimbulkan dalam perbincangan-perbincangan budget-budget, baikpun budget 1985, 1986 ataupun 1987 oleh kerana peruntukan-peruntukan semua ini dibuat selepas budget 1987.

Sebagai satu contoh, kita sudah dengar bahawa untuk menjimatkan wang supaya ada wang untuk Kerajaan bahawa Kerajaan akan terus dengan program penswastan untuk menurunkan beban kewangan dan pentadbiran dan juga saiz sektor awam, tetapi dua hari dahulu dalam masa Soal-Jawab apabila saya tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penswastan, khususnya mengenai penswastan Sports Toto dan kenapa tidak ada open tender? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa sangat tidak adil kalau idea-idea unik yang dikemukakan kepada pihak swasta mengenai penswastan Sports Toto dibuat diketepikan dan satu "open tender" diadakan. Saya rasa inilah satu perkara yang mustahak, oleh kerana nampaknya kepentingan orang ramai atau "public interest" ditafsirkan bukan atas kepentingan orang ramai, tetapi segelintir orang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Di sini saya mahu sebut bahawa Sports Toto ada diswastakan pada Jun, 1985 dan dianggarkan dalam 6 bulan tahun 1985 bahawa Sports Toto dapat keuntungan \$8 juta oleh kerana kita dapati bahawa 10% daripada keuntungan itu ialah \$800,000 ada didermakan kepada Majlis Sukan Nasional dan mengikut prestasi tahun 1985, untuk tahun 1986 Sports Toto yang diswastakan boleh buat keuntungan yang bersih \$16 juta dan di tahun ini mungkin \$30 juta, oleh kerana adalah jenis-jenis perjudian yang baru ada dikenalkan ialah termasuk "Chee Fah" atau "36 Ekor" yang diadakan tiap-tiap hari. Tetapi apa yang saya mahu tahu ialah apakah unique idea, idea sendiri yang dibuat oleh BMB Enterprise yang dapat franchise ini yang memiliki 60% dalam Sports Toto yang diswastakan.

Yang sebenarnya, yang memiliki saham besar ialah Vincent Tan Chee Yoon yang lebih terkenal yang bersabit dengan Berjaya Corporation sungguhpun 10% dimiliki oleh Melewar dan 3% oleh Kementerian Kewangan. Tetapi soalan saya ialah apa unique idea yang ada dikemukakan, dibentang baikpun oleh Vincent Tan atau BMB di mana penswastan Sports Toto akan sangat tidak adil kalau ada open tender. Satu idea yang saya boleh fikir ialah idea mengadakan Chee Fah atau 36 Ekor. Saya rasa ini bukan idea yang unik. Kalau saya tak salah, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh butulkan, dalam beberapa tahun ini sudah ada banyak permohonan-permohonan untuk mengadakan Chee Fah daripada banyak pihak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa benda itu, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang:cara penswastan di mana kita boleh dapat wang tak payah permohonan untuk anggaran tambahan tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta terangkan "Chee Fah" apa itu?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, judi 36 Ekor - Chee Fah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tak kenal.

Tuan Lim Kit Siang: Itu kita semua faham "Chee Fah" - 36 Ekor, bukan 4 Ekor - 36 Ekor. Saya pun tak tahu bagaimana dijalankan, tetapi ini lagi satu jenis perjudian yang dibuat oleh Sports Toto dan bukan suatu "abused" term.

Saya rasa banyak pihak sudah kemukakan cadangan untuk menjalankan judi Chee Fah ditolak. Sekarang datang Vincent Tan dan BMB menggunakan Sports Toto mengadakan Chee Fah tentu boleh buat wang, dapat untung lebih besar, tetapi adakah itu idea unik? Saya percaya kalau Kerajaan mengisytiharkan bahawa menerima tawaran-tawaran daripada orang ramai mengenai judi, banyak idea-idea akan datang, akan banjiri Perbendaharaan dengan idea-idea bagaimana boleh berjudi. Tak payah Vincent Tan, tak payah BMB Enterprise, tetapi sekarang kita lihat bahawa dengan latarbelakang ini bahawa Sports Toto yang diswastakan diberi satu "free hand", dengan izin, untuk mengadakan jenis perjudian yang baru untuk mendapat keuntungan \$30 juta setahun dan sepatutnya semua pendapatan ini patut dikutip oleh Perbendaharaan dan bukan dinikmati oleh segelintir orang. Adakah ini jenis penswastan yang kita mahu? Adakah ini jenis penswastan yang akan menguntungkan negara kita?

Sebenarnya apa yang berlaku dalam Sports Toto bukan "privatisation", dengan izin, tetapi "piratisation" (*Tepuk*) di mana segelintir orang sudah berjaya untuk merampas, dengan izin, "government domain" untuk

kepentingan sendiri dan di mana berpuluh-puluh juta ringgit setiap tahun sudah dialirkan kepada orang-orang individu-individu dan bukan kepada pihak Kerajaan.

Saya di sini cabar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan nanti kalau dia berani untuk sebutkan kenapa, atas asas apa Sports Toto diswastakan kepada BMB Enterprise Sendirian Berhad dan apa unique idea yang ada disebut untuk menjustifykan langkah ini.

Saya percaya bahawa tidak ada sebenarnya alasan-alasan yang baik dan sebenarnya saya ada buat satu search dalam Registry of Companies di mana BMB Enterprise ada hutang sejumlah \$82 juta dan melibatkan 5 pinjaman daripada CCB (Cooperative Central Bank) yang berjumlah \$20 juta.

Di sini satu lagi contoh saya rasa yang Dewan yang mulia ini patut ambil perhatian yang berat apabila kita menghadapi permintaan-permintaan daripada Perbendaharaan dan Kerajaan untuk menambah anggaran. Oleh kerana nampaknya dalam saat ini sudah ada jatuh, sudah ada hilang commitment Kerajaan terhadap prinsip prinsip accountability prinsip-prinsip kecekapan dan pun perkara ini berlaku dua, tiga hari dahulu mengenai kejadian atau perkara pelaburan yang tidak sah \$50 juta wang EPF (KWSP) dalam stok-stok bukan amanah yang ada disebut oleh Ketua Audit Negara, Datuk Ishak Tadin dalam Laporan 1985 KWSP dan semalam saya ada tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan beliau elak daripada memberi satu jawapan dan saya harap nanti dia tidak akan elak memberi satu jawapan mengenai apa tindakan Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan sudah ambil mengenai perkara ini oleh kerana sudah 6 bulan perkara ini ada dalam pengetahuan Kementerian Kewangan.

Laporan Ketua Audit Negara dibuat pada bulan September tahun lalu, satu Kerajaan yang boleh membenarkan 6 bulan lepas tanpa membuat satu keputusan atau ambil satu tindakan dalam perkara wang amanah rakyat, saya rasa tidak hak untuk diberi tanggungjawab menjaga wang orang ramai atau tabung pekerja-pekerja.

Dalam perkara ini saya pun harap bahawa satu pendirian yang tegas boleh dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kementerian Kewangan sama ada Kerajaan menerima pandangan Ketua Audit Negara bahawa pelaburan KWSP dalam stok-stok bukan amanah ialah melanggar Undang-undang khasnya Akta KWSP tahun 1951 atau Kerajaan tidak bersetuju.

Saya rasa Dewan yang mulia ini dan khasnya orang ramai ada hak untuk mengetahui keadaan dan pendirian Kerajaan dan sebenarnya apa yang lebih patut menarik perhatian ialah Pengerusi, Timbalan Pengerusi Panel Investment Pelaburan EPF bukan lain orang tetapi Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib, saya tidak tahu sama ada Tan Sri Abu Talib sebagai Peguam Negara akan ambil tindakan terhadap EPF Investment Panel termasuk beliau sendiri oleh kerana sudah melanggar Akta KWSP. Tetapi saya rasa ini mustahak dan kita mahu satu pendirian daripada Kerajaan termasuk daripada Peguam Negara mengenai perkara ini. Dan kita mahu tahu sama ada Peguam Negara akan mengambil tindakan undang-undang supaya Investment Panel didakwa atau sekurang-kurangnya anggota-anggota Investment Panel dikehendaki untuk ganti rugi pekerja-pekerja dan 5 juta orang yang ada contribute kepada KWSP apa-apa kerugian mereka menghadapi oleh kerana pelaburan yang tidak sah dalam amanah-amanah, stok-stok yang bukan beramanah dan di sini saya mahu memberitahu Dewan yang mulia ini termasuk Menteri-menteri yang berkenaan bahawa kalau

Kerajaan tidak mahu mengambil tindakan yang tegas dan Peguam Negara tidak mahu mengambil tindakan yang tegas untuk menjaga pencarum-pencarum KWSP, kita pihak DAP akan menimbangkan ambil tindakan undang-undang terhadap Investment Panel EPF termasuk Peguam Negara sebagai Timbalan Pengerusi KWSP oleh kerana pelaburan yang tidak sah dalam penggunaan wang-wang \$50 juta wang KWSP.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara credibility, ini perkara accountability ini bukan bersabit dengan EPF sahaja tetapi banyak hal dan kalau semua perkara, satu series, dengan izin, skandal-skandal tidak boleh diatasi termasuk EPF scandal, MAMINCO scandal \$660 juta, Cooperative Finance scandal \$1.5 billion, UMBC scandal di mana ada melibatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan beli dan jual dan juga di mana kita lihat rakyat lihat pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, satu demi satu baik pun Menteri atau Timbalan Menteri ada disyaki bahawa ada conflict of interest atau ada disyaki ada melakukan kesalahan pecah amanah atau creat, dengan izin, grave pecuniary indebtedness and embarassment disummoned oleh bank-bank sehingga Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu pergi ke Singapura untuk meminta tolong daripada bank-bank di situ bagi pihak Timbalan Menteri Pertanian. Saya rasa semua ini tidak akan memulihkan keyakinan suasana keyakinan di negara kita.

Dan saya rasa inilah mustahak apabila Kerajaan datang untuk meminta tambahan peruntukan apa

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Luhat Wan: Minta penjelasan, di dalam Kementerian Pertanian ini ada dua Timbalan Menteri. Jadi, dia sebut untuk pihak Timbalan Menteri Pertanian. Yang mana satu?

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak berapa tahu siapa itu Timbalan Menteri Pertanian tetapi kalau mahu dijelaskan akan beri peluang lagi.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, nanti kalau tidak dijelaskan orang ramai salah anggapan, kerana saya pun Timbalan Menteri, lagi ada Timbalan Menteri; yang mana satu? Nanti orang kata dua-dua Timbalan Menteri, saya pun terlibat dalam kutukan beliau itu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya lupa ada dua orang Timbalan Menteri Pertanian. Dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Yang Berhormat dari

Tuan Luhat Wan: Baram.

Tuan Lim Kit Siang: Baram tidak ada hutang bank \$80 juta, adakah hutang? Tidak, kalau macam ini, bukanlah Yang Berhormat dari Baram dan kalau bukan Yang Berhormat dari Baram ialah Yang Berhormat dari Batu. Dan saya harap bahawa perkara ini semua bolehlah diberi perhatian yang serius, bukan datang ke sini untuk permohonan untuk tambah anggaran-anggaran tahun-tahun lalu yang sudah dibelanjakan tetapi kita mahu tahu apa tindakan dibuat oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah-masalah pokok ini dan janganlah datang ke sini meminta peruntukan yang lebih tanpa satu kenyataan, satu penjelasan yang semasa mengenai skandal-skandal, mengenai penyelewengan semua perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

4.40 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini kerana di dalam bahana dan bahang kemelesetan ekonomi ini nampaknya perbelanjaan dan peruntukan tambahan ini telah meningkat, dan ini satu amalan yang kurang wajar. Dan daripada wang yang dimintakan iaitu lebih daripada \$1 billion ini, sebahagiannya \$219 juta digunakan untuk bekalan air terutamanya bekalan air ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah menetapkan sasaran liputan bekalan air ke kawasan bandar untuk meningkat dari 93.1% dalam tahun 1985 ke 96.5% dalam tahun 1990. Manakala liputan air ke kawasan luar bandar dijangka bertambah daripada 57.6% ke 72.8%. Peruntukan wang bagi penyediaan bekalan air luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah \$1,430 juta dan di kawasan bandar sebanyak \$1,695.77 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan air ke setiap pelusuk negara memanglah penting terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Akan tetapi selain daripada membekalkan air, Kerajaan juga mesti mengesyorkan bahawa bekalan air adalah tetap dan bersih. Di samping ini pembaziran air melalui paip-paip yang bocor juga mesti diselesaikan untuk memastikan bahawa setiap sen yang dilaburkan ke dalam projek-projek air tidak sia-sia sahaja. Adalah dilaporkan kira-kira 31% lebih daripada bekalan air diseluruh negara mengalir ke dalam longkang-longkang disebabkan oleh paip-paip yang bocor—satu pembaziran yang besar yang perlu diambil kira, diambil perhatian oleh pihak Kerajaan. Air yang disia-siakan ini adalah satu kehilangan yang besar

terutama sekali kepada para penghuni di kawasan-kawasan di mana tekanan air adalah rendah atau bekalannya tidak tetap disebabkan kolam air yang membekal terpaksa menyediakan kemudahan tersebut kepada kawasan yang terlalu luas—contohnya di kawasan Kepong.

Baru-baru ini keadaan cuaca panas diperburukkan lagi oleh bekalan air yang tidak tetap dan kecil. Bekalan air ke kawasan tersebut datang dari kolam air Sungai Batu dan ke setengah-setengah kawasan dari Klang Gate. Bekalan air ini menyediakan bekalan bagi seramai lebih 100,000 lebih orang pengguna di kawasan Selayang, Kepong, Jinjang, Gombak, Sungai Batu, Setapak, Jalan Genting Kelang, Taman Wahyu dan Taman Bukit Maluri. Disebabkan oleh cuaca panas kebelakangan ini, tingkat air telah jatuh dari 12 juta gelen ke 9 juta gelen pada minggu yang lepas. Akibatnya bekalan air terputus di setengah-setengah kawasan sehingga sambungan dibuat untuk mendapatkan air dari kolam air di Langat. Kesalahan bukanlah di pihak jurutera tetapi kebuntuan Kerajaan di dalam merangka dan merancang pembangunan dan bekalan air. Jadi satu kelemahan di dalam Kementerian. Kawasan yang tersebut hanya satu daripada beberapa kawasan di mana keupayaan kolam air untuk menyediakan bekalan disebar ke tahap maksimum dan kadangkalanya melebihi had tersebut.

Oleh itu selain daripada membina lebih banyak loji, kolam air, lebih banyak empangan atau menyambungkan bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar, Kerajaan mestilah juga mengadakan rancangan-rancangan yang berkesan untuk menyelesaikan masalah-masalah bekalan air yang berlaku di luar jangka bagi seluruh negara supaya orang ramai sentiasa dapat menerima bekalan air yang bersih dan tetap.

Satu lagi selain daripada rancangan-rancangan yang berkesan untuk menyelesaikan masalah bekalan air yang berlaku di luar jangka Kerajaan hendaklah mengadakan satu kempen untuk menjimatkan air bagi orang ramai. Jadi kalau kita dapat menjimatkan air ini maka penggunaan air tidak dibazirkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bincangkan di sini adalah berkenaan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah menerima sebagai pemberian dua waran bernilai \$148. juta daripada peruntukan tambahan ini. Kami sedar bahawa Kerajaan telah melabur berjuta-juta ringgit ke dalam pembinaan lebuhraya-lebuhraya di seluruh negara. Di samping aduan-aduan mengenai keadaan lebuhraya yang kurang memuaskan dan mahal sangat kosnya sebab kerap kali terpaksa dibaiki; Menteri Kerjaraya juga diserang penyakit gilaan tol sehingga tol plaza juga dibina di kawasan bandaraya.

Jadi gilaan tol ini telah menjadi satu wabak penyakit yang dibebankan oleh rakyat jelata dan inilah satu perkara yang menyakitkan rakyat. Tol plaza yang dimaksudkan oleh saya adalah termasuk yang terletak di Jalan Kuching/Jalan Kepong. Apabila orang ramai hanya bermula untuk menerima hakikat terpaksa membayar tol sekiranya hendak menggunakan bulatan bertingkat Kepong melalui Jalan Kuching, sekarang dikatakan pula satu lagi tol plaza yang akan didirikan di Batu 5 Jalan Kepong untuk memastikan pengguna-pengguna yang cuba mengelakkan daripada membayar tol Jalan Kuching ini terpaksa membayar. Kalau hendak menyimpang atau melencong ke jalan yang lain pun terpaksa bayar juga walaupun jalan yang alternatif itu tidak diperbaiki, diperelekkkan oleh pihak syarikat swasta Sri Angkasa yang telah diberi projek untuk

memperbaiki Jalan Kuching/Kepong itu. Jadi inilah satu gilaan tol yang tidak dapat diterima oleh rakyat jelata.

Mendirikan tol plaza yang kedua tersebut adalah dengan lain perkataan memaksa pengguna-pengguna membayar tol. Mahu tidak mahu terpaksa bayar juga. Jadi inilah satu sikap Kementerian yang kurang waras walaupun meminta Jemaah Menteri Kabinet meluluskan, ini menunjukkan Kabinet pun tidak begitu bertimbang rasa, tidak begitu berperikemanusiaan. Satu keputusan untuk mengadakan plaza tol yang kedua yang kurang waras.

Jadi, saya berharaplah Kabinet dapat mempertimbangkan semula keputusan untuk mengadakan plaza tol yang kedua. Saya membangkitkan perkara ini bukan untuk penduduk-penduduk Kepong sahaja bahkan untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini kerana ada kebanyakannya menggunakan Jalan Kuching juga. Saya berharaplah dapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara iaitu mengenai Polis Di-Raja Malaysia yang menerima sebanyak \$60,900,000 untuk menampung pembayaran tunggakan bagi pindaan gaji permulaan Konstabel Polis serta pertambahan gaji anggota Polis pangkat Konstabel sehingga Sub-Inspektor mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1985.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan sedemikian memanglah perlu jika kita inginkan satu pasukan Polis yang benar-benar bersih, cekap dan amanah.

Ciri-ciri ini amatlah penting kerana walaupun adalah kebanyakan anggota Polis yang benar-benar berdedikasi, ada juga setengah-setengahnya yang melakukan penyelewengan.

Kadangkalanya mereka ini menyalahgunakan kekuasaannya untuk mencari makan tambahan.

Adalah diharapkan pertambahan gaji ini akan menjadi satu insentif kepada anggota-anggota Polis untuk bekerja dengan lebih keras mengikiskan perbuatan curang serta mempertahankan keselamatan negara. Sekiranya anggota Polis ataupun penguatkuasa dalam negara kami kesemuanya bersih, cekap dan amanah maka negara kami mungkin dapat mengurangkan lagi bilangan orang pendatang haram yang dapat memasuki negara, kejadian jenayah serta penyeludupan dadah dan senjata.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui oleh kita semua pendatang haram terutamanya mereka yang datang daripada Indonesia, Filipina dan Bangladesh ke Malaysia bukanlah bilangan kecil. Walaupun pihak berkuasa menduga bahawa terdapat lebih kurang 330,000 orang pendatang haram dari Indonesia, kami dalam DAP berpendapat bahawa jumlah ini jauh sekali dari kenyataan—mungkin satu juta orang atau mungkin lebih daripada satu juta orang.

Beberapa hari yang lalu dilaporkan bahawa kira-kira 5,000 hingga 6,000 orang pendatang haram Indonesia memasuki ke dalam negeri Sabah dan Sarawak dalam masa sebulan. Apatah lagi bagi Semenanjung Malaysia yang mempunyai ladang-ladang dan tapak-tapak pembinaan yang banyak. Masyarakat Malaysia juga mempunyai kira-kira setengah juta penagih dadah. Ini berupa satu pasaran yang besar bagi pengedar dadah. Penagih-penagih dadah ini terpaksa melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan jenayah untuk menampung ketagihan mereka yang memerlukan di antara \$10.00 hingga \$50.00 sehari. Akibatnya kejadian jenayah juga turut bertambah. Contohnya rompakan, kecurian serta kecurian kenderaan

masing-masing telah meningkat sebanyak 46.6%, 9.8% dan 2.6%, kejadian rogol yang dilaporkan pula meningkat dari 42 dalam tahun 1985 kepada 125 kes dalam tahun yang lepas.

Satu lagi aspek kegiatan jenayah yang amat berbahaya dan didapati kian bertambah adalah rompakan dengan menggunakan senjata api. Pada tahun lepas 324 kes rompakan menggunakan senjata api dilaporkan berbanding dengan 254 kes dalam tahun 1985, iaitu tambahan sebanyak 27.5%. Setakat ini anggota Polis hanya berdaya menyelesaikan 18 kes Kegiatan ini menjadi lebih melarat dengan penyeludupan senjata-senjata api dari Thailand. Kebanyakan daripada senjata api yang diseludup akhirnya diedarkan di negeri Selangor. Dilaporkan bahawa di antara tahun 1980 dan 1986 anggota polis menjumpai 1,084 senjata api di Semenanjung Malaysia dan sebanyak 356 di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah ini 565 diseludup dan diedarkan di Semenanjung Malaysia manakala 106 diedarkan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sendiri telah merampas 280 senjata api yang terdiri daripada 147 batang pistol, 66 shot-gun, 4 M19 rifle, 2 sub-machine-gun, 35 ordinary rifle, 5 carbine dan 1 air rifle, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan berbagai bentuk ancaman ke atas kesejahteraan rakyat di Malaysia, anggota Polis yang bersih, cekap dan amanah adalah satu keperluan malah satu kemestian. Dengan itu Kerajaan perlu memberi lebih banyak insentif kepada mereka untuk bekerja keras di samping mengenakan tindakan disiplin yang tegas ke atas mereka yang menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan dapat menyemak gaji anggota Polis, terutamanya yang berpendapatan rendah dengan lebih

teliti supaya mereka menerima gaji yang berpatutan dan semua tunggakan gaji hendaklah dibayar kepada anggota Polis dengan masa yang lebih awal supaya mereka dapat layanan yang baik. Dengan layanan yang lebih baik ini kita berharap semoga dapat lebih berdedikasi, lebih berdisiplin, lebih sopan santun untuk memberi khidmat yang lebih cemerlang kepada rakyat jelata, termasuk untuk mencegah pendatang haram di negara ini yang sekarang, dalam beberapa tahun ini Kerajaan, terutamanya pihak Polis telah cuai di dalam menjalankan tugasnya untuk mencegah pendatang haram yang semakin hari semakin menjadi serius di negara ini. Walaupun Timbalan Menteri Dalam Negeri itu menafikan kenyataan saya ini, tetapi hakikat dan kenyataan itu ketara.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal bulan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan hanya berdaya untuk membina sebanyak 36,000 buah rumah dan bukan bilangan yang disasarkan iaitu 80,000 buah rumah setahun. Sepertimana yang diketahui oleh semua, projek pembinaan rumah sebanyak 80,000 buah setahun adalah salah satu strategi dalam Belanjawan 1987. Malahan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat serta menghidupkan kembali sektor perumahan dan juga sebagai penggerak ekonomi sekarang sama seperti tahun-tahun yang lepas, Kerajaan mendapati diri sendiri tidak berupaya mendirikan sebanyak rumah yang disasarkan, apakah pula rancangan lain yang Kerajaan mempunyai hak untuk mengganti bahan api bagi penggerak ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya membahaskan Belanjawan 1987, saya pernah menyatakan bahawa sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah jauh melebihi daya upayanya.

Pandangan saya itu dibuat berdasarkan pencapaian-pencapaian pada tahun yang lepas, akan tetapi malang sekali pihak Kerajaan enggan mengakui yang ia telah menetapkan satu sasaran yang tidak mungkin tercapai. Sasaran yang tidak realistik ini menjelma dengan cepat sekali iaitu selepas lebih daripada 2 bulan telah diumumkan.

Keadaan ekonomi yang amat lembab sekarang jelas sekali menunjukkan betapa sia-sia perbelanjaan Kerajaan yang membina terlalu banyak sekali rumah-rumah pangsa mewah, kondominium, pangsapuri-pangsapuri serta rumah-rumah kos sederhana terutamanya sekali rumah kos tinggi. Baru ini kami nampak dengan jelas sekali bahawa kesulitan menjual rumah-rumah yang dibina oleh PKNS dan sektor swasta adalah kesemuanya rumah-rumah pangsa kos sederhana dan kos tinggi. Ini satu kelemahan Kerajaan yang belum lagi diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan lagi kelihatan juga berbagai bentuk syarat-syarat yang dikenakan oleh PKNS dan juga oleh organisasi-organisasi yang lain seperti jumlah wang cagaran, status pemohon, penyediaan kewangan pada tingkat-tingkat peratusan yang tinggi. Kadangkala sampai 100% dan sebagainya, menunjukkan betapa buruknya ekonomi permintaan untuk rumah-rumah tersebut serta ketegasan setengah-setengah syarat.

Tuan Yang di-Pertua, keangkuhan pada permulaannya itu telah menyebabkan PKNS serta sektor swasta kehilangan banyak wang sama ada dari penurunan harga rumah-rumah ataupun dari segi pelaburan yang bersangkutan dalam bentuk unit rumah yang tidak terjual. Satu lagi masalah yang merumitkan kepada pasaran rumah adalah aduan yang kian bertambah mengenai kualiti rumah-rumah yang dibina di merata-rata pelusuk negara. Kami sering

mendengar mengenai rumah-rumah baru yang retak, ada yang dibanjiri oleh pembetulan yang tersesak atau pembinaan tapak yang tidak cukup teguh. Bagaimana rumah-rumah yang berkualiti seperti ini sempat diluluskan sebagai sesuai untuk didiami oleh pihak Kementerian. Bagi masalah-masalah rumah retak atau tapak yang tidak teguh, salah satu sebab didakwa berhasil dari kerja piling yang kurang sempurna. Bagaimanakah kerja piling seperti ini berlaku tanpa pengetahuan pihak Kementerian. Sedih sekali adalah perhatian Kementerian hanya diberi selepas riu rendah dari para pembeli yang merintih mengenai kemalangan nasib mereka. Bukankah ianya lebih baik sekiranya perhatian tersebut diberi sepanjang proses pembinaan rumah-rumah sedang dijalankan, iaitu semasa kekurangan dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa selepas beberapa episode kualiti rumah baru yang buruk dapat menjadi satu pelajaran yang pahit kepada pihak Kementerian supaya lebih berhati-hati lagi semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka kepada rakyat, terutamanya kepada bakal pembeli rumah-rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya sebutkan tadi menunjukkan satu kelemahan yang besar yang dilakukan oleh pihak Kementerian Perumahan yang tidak dapat mengawal kualiti rumah termasuk asasnya (foundation) dan juga pihak Kerajaan tidak dapat melaksanakan rancangan terutamanya rancangan rumah kos rendah yang ditetapkan tahun lepas. Saya berharap Kerajaan dapat mengambil perhatian yang lebih untuk melaksanakan rancangan perumahan dengan lebih teratur dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi mengenai Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dari hasil bersih loteri.

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah tidak mencukupi lebih-lebih lagi pada kebelakangan hari ini di mana terdapat banyak mangsa api dan beberapa bulan yang lepas mangsa banjir. Walau bagaimanapun, kami berharap sebarang bantuan kebajikan yang dihulurkan akan sekurang-kurangnya diberi terlebih dahulu kepada rakyat sendiri. Contohnya dalam kebakaran yang berlaku di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur ini lebihkurang 60% daripada mangsa adalah terdiri daripada pendatang haram dan mereka dapat menikmati kebajikan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Kami sedar bahawa dengan membantu sekumpulan orang ini adalah kerja yang penuh berperi kemanusiaan, namun begitu bak kata pepatah: "Charity begins at home", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan harus sedar bahawa disebabkan oleh kemelesetan ekonomi ramai di antara ketua-ketua keluarga yang mungkin diberhentikan dari kerja, lebih-lebih lagi mereka dari golongan berpendapatan rendah yang bekerja di kilang-kilang. Selain daripada yang terpaksa menganggur ini, terdapat juga mereka yang tidak ada tempat pergantungan seperti anak-anak yatim, orang tua-tua serta ada yang cacat, hidup merana sebab wang simpanan yang mereka susah payah mengumpul atau menerima dari dermawan sekarang sudah habis ditelan oleh setengah-setengah Datuk-datuk, Tan Sri-Tan Sri dan pemimpin-pemimpin masyarakat dalam skandal koperasi. Tanpa mengira kaum atau agama mereka semua ini adalah anak tulen negara dan amat memerlukan bantuan Kerajaan. Saya berharap Kerajaan mengambil tindakan yang tegas supaya janganlah kita suka menjaga pendatang-pendatang haram sahaja. Kita tumpukan lebih perhatian kepada rakyat dan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Kementerian Perusahaan Awam yang mendapat perbekalan tambahan lebih daripada \$66 juta, ini adalah disebutkan sebagai diperlukan untuk Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). \$55,650,000 adalah sebagai pinjaman manakala \$10,498,678 ini adalah pemberian secara langsung untuk membiayai projek-projek pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya UDA selalunya melibatkan diri dalam projek-projek yang bernilai berpuluh-puluh juta ringgit, khasnya dalam pembinaan kompleks-kompleks pejabat seperti Kompleks Dayabumi, UDA Bukit Nanas dan Pertama. Akibat daripada kemelesetan ekonomi mewujudkan kelembapan permintaan untuk ruang-ruang pejabat yang mahal-mahal belaka. Kompleks Dayabumi ini bernilai \$313 juta sementara Kompleks UBN (UDA Bukit Nanas) adalah \$450 juta. Projek Sinar Kota yang kini terpaksa diberhentikan dan yang UDA merancang untuk menswastakan kerana kelembapan permintaan untuk ruang-ruang pejabat pula bernilai \$100 juta.

Pada bulan Oktober tahun lepas, PETRONAS mengumumkan bahawa ia berniat untuk membeli Menara Dayabumi pada tingkat harga \$450 juta. Walaupun seorang tokoh ekonomi di negara kita telah menyaran Kerajaan supaya menumpukan lebih perhatian kepada projek-projek UDA dan PKEN kerana mereka ini berdaya maju secara komersial, saya berpendapat bahawa setakat ini kebanyakan daripada sokongan yang diterima oleh projek-projek pembangunan datang daripada Kerajaan sendiri melalui Perbadanan yang berasingan. Contoh yang jelas sekali adalah hasrat PETRONAS untuk membeli Menara Dayabumi. Ia semata-mata urusan atas kertas di

mana Kerajaan adalah kedua-dua pembayar serta penerima tetapi disalurkan ke dalam Perbadanan yang berlainan.

Sementara itu UDA juga mempunyai tunggakan sewa yang besar iaitu sebanyak \$13.5 juta menjelang pertengahan bulan Oktober 1986. Kadangkala hutang ini dibiarkan dan tidak dikejar kerana ditanggapkan kecil jumlahnya. Secara cumulative, hutang-hutang itu bertimbun dan terpaksa dibatalkan kerana tidak berekonomik untuk dikejar.

Pada bulan Oktober tahun lepas, UDA telah membatalkan sebanyak \$500,000 daripada kira-kira 300 kes tunggakan sewa serta pinjaman lapuk. Dari tahun 1983 ke 1984, penyata pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Pembangunan UDA mencatatkan pertambahan hutang lapuk yang berlipat-ganda iaitu \$1,110,741 dalam tahun 1983 ke \$2,869,525 dalam tahun 1984. Nilai hutang ragu juga nampaknya bertambah dari \$570,807 dalam tahun 1983 ke \$2,071,301 bagi tahun 1984. Sebaliknya, jumlah pendapatan bagi Kumpulan Pembangunan pula jatuh dari \$79,288,054 dalam tahun 1983 ke \$47,960,402 dalam geraf pertama tahun 1984.

Oleh itu UDA seharusnya mengkaji semula strategi pemasarannya supaya menarik lebih banyak lagi usahawan dari sektor swasta untuk menyokong projek-projek mereka. Maka ianya amat penting untuk mengadakan projek-projek pembangunan yang sesuai dengan permintaan serta keupayaan kewangan sektor swasta dan bukan untuk saudara-mara sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai Jabatan Penerbangan Awam yang mendapat tambahan peruntukan kira-kira \$15 juta ini. Tuan Yang di-Pertua, secara perbandingan dengan jumlah tambahan yang diperolehi oleh lain-lain Jabatan atau Kementerian, contohnya Jabatan Telekom dan

Kementerian Kerjaraya, \$15.5 juta ini kecil jumlahnya. Namun demikian, pihak Jabatan Penerbangan Awam harus berhati-hati ketika membelanjakan wang ini. Ini adalah kerana Jabatan ini memang pandai membelanjakan berlebih daripada belanjawan sendiri.

Menurut Ketua Audit Negara, Jabatan Penerbangan Awam selama 4 tahun berturut-turut menganggarkan kelebihan belanjawannya tetapi pada penghujung tahun pula mengakhiri dengan kekurangan belanjawan. Masalah Jabatan Penerbangan Awam berupa anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang tidak realistik. Ini pula diiringi dengan keputusan pengenaan hasil yang kurang berkesan dan kawalan serta pengurusan perbelanjaan dan aliran wang yang kurang cekap.

Sejak tahun 1981 kerugian terkumpul di Jabatan Penerbangan Awam telah kian meningkat daripada \$3.45 juta pada tahun itu sehingga setinggi \$110.91 juta dalam tahun 1984. Kerugian tahunan telah berlipat ganda di antara tahun 1981 dengan 1982 iaitu dari \$14.67 juta ke \$28.78 juta. Pada tahun-tahun berikutnya kerugian tahunan terus meningkat ke \$40.75 juta dan \$43.7 juta dalam tahun 1984. Tambahan lagi Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil pinjaman-pinjaman Perbendaharaan yang dilaporkan berjumlah \$648.17 juta menjelang tahun 1984. Daripada tambahan \$15.5 juta ini \$12.57 juta berupa pinjaman. Apakah gunanya memberi pinjaman sekiranya jumlah wang tersebut tidak mungkin atau sekurang-kurangnya kami perlu menunggu berpuluh-puluh tahun sebelum mendapatkan kembali? Ianya lebih senang dan realistik untuk memberikan sahaja sebagai peruntukan secara langsung.

Oleh itu, ia amat penting bagi Kerajaan untuk mengesyorkan bahawa pengurusan Jabatan Penerbangan

Awam dikawal rapi dan jika perlu dirangka semula supaya keupayaan Jabatan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman dapat diperteguhkan dan membolehkan semula kredibilitinya. Untuk membuat demikian, Kerajaan mesti terlebih dahulu mengesyorkan projek-projek pembangunan yang dijalankan adalah feasible terutama sekali projek membangunkan Lapanganterbang di Pulau Langkawi sehingga membolehkan kapalterbang-kapal terbang Singapura dan Thailand mendarat di situ. Pihak Kerajaan tidak harus berkeras kepala membangunkan sesuatu projek yang mungkin pada satu hari kelak menjadi semata-mata projek gajah putih sahaja. Sebab itulah saya berharap dengan itu berminat untuk membangunkan Pulau Langkawi ini lebih banyak wang dibelanjakan dan akhirnya membazirkan wang negara sahaja dengan mewujudkan pelbagai gajah putih di Pulau Langkawi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.13 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh perkara Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya hairan, baru sahaja kita pada bulan Oktober sehingga bulan Disember dalam sesi Belanjawan tahun 1986, kita baru memperuntukkan cukup banyak wang rakyat untuk semua Kementerian Kerajaan, tetapi hari ini kita diberitahu ianya tidak cukup bagi tahun 1985 dan 1986 yang telah diperuntukkan pada masa itu, dalam Belanjawan pada tahun masing-masing. Hari ini kita diberitahu semuanya tidak cukup. Kerajaan Barisan Nasional sepatutnya Kerajaan rakyat tetapi hari ini dianggap sebagai

Kerajaan Barisan Nasional yang membazir, memboroskan wang rakyat. Sebagaimana dikatakan oleh rakan-rakan saya, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat daripada Tanjong dan Yang Berhormat dari Kepong, bukannya ia membangunkan projek-projek yang akan berfaedah kepada rakyat umum, rakyat jelata, tetapi membangunkan projek-projek sebagai gajah putih sahaja.

Semua kontrak-kontrak ini berfaedah kepada satu golongan, segelintir yang ada sangkut-paut dengan pemimpin-pemimpin parti-parti dalam Barisan Nasional. Hari ini Kerajaan perlukan lebih peruntukan wang dan saya boleh katakan Kerajaan akan membazir lagi, sebab dengan izin, "the lessons have not been learnt." Misalnya projek Proton Saga, inilah satu bayi Perdana Menteri kita kerana dia hendak dapat nama baik, mahu jadikan Malaysia sebuah negara yang membangun, sebuah negara perindustrian, sebuah negara masyhur yang boleh mengeluarkan kereta sendiri—ada kemampuan membuat kereta sendiri. Dia mahu jadikan kereta ini sebagai kereta "Pony" daripada negeri Korea Selatan, dia ingin hendak jadikan itu sebagai Honda daripada Jepun atau Mitsubishi daripada Jepun. Ya, betul Mitsubishi itu daripada Jepun, itulah dia Proton Saga kita. Mitsubishi dibuat di Jepun tetapi dicap "Malaysia"—Proton Saga.

Saya masih ingat ketika itu ada banyak pakar ekonomi, orang yang kaji siasat terhadap cadangan projek ini ada memberi pendapat mereka melalui forum, melalui suratkhobar bahawa inilah satu projek kita belum boleh beramalkan, kita belum boleh bentukkan lagi, sebab kita belum mencukupi industri-industri yang boleh memberi pertolongan, yang boleh membuat semua "accessory dan parts" yang diperlukan bagi membuat sebuah kereta sendiri. Sebab industri

yang mengeluarkan kereta adalah satu "heavy industry" yang perlukan modal yang lebih, yang perlukan modal yang banyak, beratus-ratus juta ringgit, tetapi masa itu ekonomi kita adalah dalam satu tahap perkembangan, satu masa yang baik dan kita tidak ingat berjimat. Kita juga angkuh. Kita juga keras, tidak mahu mendengar pendapat-pendapat orang lain dan terus membuat keputusan sendiri.

Saya kata dia sendiri buat keputusan. Jika ianya keputusan rakyat tentulah ia didapati melalui forum, melalui Wakil-wakil Rakyat. Ya, betul, kita ada banyak Ahli Barisan Nasional di sini tetapi macam mana dia dapat undi di sini, itu lain perkara. Tetapi pakar-pakar sudah memberi pendapat, dia tidak dengar, terus kita dapat Proton Saga, oleh HICOM, Heavy Industries Corporation of Malaysia.

Sudahlah kita hari ini belanja beratus-ratus juta ringgit dan sekarang kita sudah hutang dengan negara-negara lain, terutamanya negara Jepun beratus-ratus juta ringgit dan hari ini kita keluarkan satu kereta Proton Saga, jual dengan harga mularmulanya \$19,000 lebih, \$21,000, \$22,000 satu kereta model 1.3 dan 1.5 dan sekarang saya dengar ada satu model istimewa juga, I—Istimewa, Proton Saga I—Istimewa. Tetapi jika kita hendak jual kereta, kita hendak buat kereta memang mahu cukup "economies of scale", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kita sekurang-kurangnya mahu keluarkan 100,000 buah kereta setahun barulah kita boleh dapat untung, barangkali pun tak ada untung, "break-even", dengan izin, tetapi pasaran kereta hari ini kita diberitahu pun tidak dapat 40,000, 50,000 buah kereta setahun dapat dijual dalam keadaan ekonomi yang meleset hari ini. Ini mengandungi bukan Proton Saga sahaja, lain-lain

model kereta seperti Honda, Mazda, Nissan Sunny dan lain-lain kereta juga. Jumlahnya lebih kurang 40,000 hingga 50,000 buah setahun. Macam mana kita hendak jual 100,000 buah Proton Saga dalam negara kita. Oh! baik, ada eksport. Betul, "dia" hendak eksport kepada Britain. Britain yang keluarkan kereta kepada kita, hari ini "dia" hendak keluarkan kereta tetapi "dia" mahu jual kepada Bangladesh. Bangladesh ada wangkah? Hendak beli kereta kita? Makan pun tak cukup! Dia hendak jual kepada Bangladesh, dia hendak jual kepada India; India kereta banyak, buatan sendiri.

Datanglah dia ingat pasaran yang terbesar sekali, pasaran kereta yang terbesar sekali dalam dunia iaitu negeri Amerika Syarikat. Jual Proton Saga kepada Amerika Syarikat, tetapi orang Amerika Syarikat orang yang selalu, sentiasa pakai kereta besar yang mutunya tinggi seperti Cadillac, Limousine, Buick, dia ada Ford, dia ada GM, dia ada Chrysler, ada Pontiac, kita hendak jual Proton Saga kepada Amerika Syarikat. Boleh, kalau dapat pasaran, kalau dapat untung. Saya pun galakkan, saya sangat puas hati ada cadangan hendak jual kereta tempatan kepada pasaran kereta yang terbesar sekali dalam dunia, tetapi dapatkah kita untung?

Kita diberitahu dan ini pun diakui oleh Yang Berhormat dari Selandar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pun mengakui jual kereta kepada Amerika Syarikat akan rugi, akan rugi, rugi wang rakyat tiap-tiap buah kereta sekurang-kurangnya \$5,000, \$5,000 wang rakyat Malaysia. Kereta ini hanya dijual lebih kurang harganya \$12,000 di negeri Amerika Syarikat. Satu tahun, harap sahajalah, kita hendak jual ke sana 100,000 buah kereta.

Bukan saya tak puas hati kalau kita jual 100,000 buah kereta ke sana, saya pun sangat puas hati kalau dapat.

Barangkali dengan "economies of scale" boleh "break-even", tetapi jika kita tak ada jual sampai ke tahap itu, sampai angka itu, adakah mereka ingat cadangan sebegini akan merugikan rakyat Malaysia tiap-tiap kereta sekurang-kurangnya \$5,000? Ini bukan wang Kerajaan Barisan Nasional, ini bukan wang Yang Berhormat Selandar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan bukan wang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri! Inilah wang saya, wang anda, wang Yang di-Pertua. Inilah akan membazir, akan boros. Bolehkah orang rakyat sokong cadangan sebegini? Jika hendak jual satu kereta \$12,000 lebih satu buah, mengapa pergi jual ke Amerika Syarikat? Juallah di sini, juallah kepada saya, kepada "you", kepada dia juallah dengan harga \$12,000 tiap-tiap buah kereta Proton Saga Istimewa kepada saya, kepada Yang di-Pertua, kepada tiap-tiap Ahli di sini. Kalau dapat begitu, kita pun dapat menikmati faedah sebagai orang yang membayar cukai dan barangkali begini murah, \$12,000 tiap-tiap buah kereta dapatlah kita keluarkan setahun sekurang-kurangnya 100,000 buah kereta. Kalau begitu projek HICOM, projek Proton Saga akan menguntungkan Perbendaharaan Negara kita dan itulah akan memberi puas hati kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi puas hati kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan akan puaskan hati saya juga sebagai seorang yang membayar cukai yang membayar cukai dan sekarang dapat faedah sebaliknya.

Saya harap Timbalan Menteri Kewangan—yang kedua-duanya ada duduk di sini—saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil perhatian, janganlah teruskan projek jual kereta kepada negeri Amerika Syarikat tanpa mengambil kajian pendapat setiap orang rakyat sebab dengan jualan tiap-

tiap kereta mereka akan bazirkan \$5,000 tiap-tiap sebuah kereta. Ingat baik-baik. Ini bukan wang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau wang-wang Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan. Inilah wang kita. Saya harap jika mereka tidak mengambil perhatian, pendapat orang, rakyat, ingat baik-baik lain kali.

Saya harap—bukan saya hendak campur tangan dalam undi UMNO, tetapi saya harap sebagai satu langkah pertama buatlah keputusan, ambillah keputusan sukakah kita, pemimpin-pemimpin yang sebegini yang akan bazirkan wang kita, yang akan boroskan wang kita. Saya harap sebelum kita dapat pilihanraya yang akan datang pada tahun 1989 atau tahun 1990 dapatlah orang, rakyat satu peluang yang baik pada 24hb April. Buatlah satu keputusan, jika pemimpin-pemimpin angkuh, tidak suka dengar pendapat orang, rakyat, jika mereka ingat "dia" boleh ambil pendirian sendiri dan lagi jadi pemimpin—bukan parti sahaja, pemimpin kebangsaan, pemimpin negara kita, saya harap pada 24hb April sebagai satu peluang pertama buatlah keputusan baik-baik

Drs Suleiman bin Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Saya tahu dia hendak minta jalan untuk bertanya. Saya tak mahu campur tangan. Sekarang saya tak mahu sentuh perkara itu lagi. Tidak payah dia bangun. Duduk! Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Ya, saya akan teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap sesiapa yang duduk di sini, yang akan memberi jawapan akan mengambil perhatian kepada perkara ini dan saya mengalih kepada perkara yang lain.

Dalam keadaan ekonomi hari ini, pemimpin-pemimpin kita sepatutnya berilah satu contoh, satu teladan, satu misalan baik kepada orang rakyat, jimat-cermat wang-wang, dapatlah kita bila hari hujan dapat makan, dapat guna lagi. Janganlah hari keluar matahari, bila ada baik, ada hasilnya pendapatan mereka, kita tak ingat ada satu hari akan hujan, akan susah dapat kerja, ada orang jadi penganggur, tetapi inilah sikap, sikap-sikap pemimpin Barisan Nasional. Hari yang baik, hari yang keluar matahari, nampak matahari sahaja, mata pun sudah buta, nampak yang lain tidak ada, dan wang sudah hilang.

Hari ini kita pinjam, pinjam, tetapi ini satu teladan yang tidak baik. Ini teladan yang sepatutnya kita jauhkan. Tetapi orang yang jaga, yang akan adakan audit, yang akan menjaga wang kita, yang ada buat akaun negara kita sebagai seorang Ketua Akauntan Negara, Dato' Shamsir Omar, dapat kita tahu, dia ada buat penjelasan melalui suratkhbar menafikan bahawa ia terlibat dalam perkara skandal CCB. Dia kata dia tidak ada campur tangan, tangan dia bersih, dia orang baik, dia jaga wang kita dengan baik. Itu Ketua Akauntan Negara, Dato' Shamsir Omar. Tetapi sebenarnya dapat kita ketahui makluman diberikan, dia pun pada satu ketika menjadi Pengarah CCB dan dia pun ada terlibat sebagai seorang pemegang walaupun ada percanggahan kepentingan; dia sudah beri penjelasan, tetapi peranan dia, teladan dia sebagai seorang Ketua Akauntan Negara dalam satu skandal yang sekarang dapat meletus, meletup, iaitu Skandal Bank Koperasi (Co-operative Central Bank). Di mana semalam saya baru sebut, bukan semalam, dulu semalam, saya sebut Bank itu akan

mengalami kerugian terbesar, lebih kurang, jika semua hutang lapuk besar tidak dapat dibayar balik, sekurang-kurangnya \$500 juta. Ini bukan perkara main-main.

Kita selalu kira beratus juta, beribu-ribu dalam skandal kita—BMF melibatkan \$2,500 juta, MAMINCO \$660 juta dan sekarang ini CCB beratus juta ringgit, \$500 juta.

Kita diberitahu oleh maklumat tertentu, sumber-sumber kita, saya harap sebagai seorang Ketua Akauntan Negara, Dato' Shamsir Omar akan beri satu penjelasan yang panjang sedikit, yang lebih jelas sedikit, yang baik sedikit, bukan setakat menafikan sahaja, berilah tahu kepada kita semua, apakah peranan dia dalam CCB sewaktu dia menjadi seorang Pengarah CCB dan mengapa dia mendapat kelulusan dan salurkan kepada diri sendiri pinjaman, siapakah yang berikan kebenaran. Adakah dia duduk dalam mesyuarat yang meluluskan pinjaman kepada dia? Adakah percanggahan kepentingan? Bukan itu sahaja, ada Tan Sri-Tan Sri dan Dato'-Dato' dan ada lain-lain pemimpin yang ada terlibat dalam skandal itu juga.

Saya harap dalam jawapan hari ini, apabila Kementerian Kewangan minta kami bekalkan wang tambahan untuk perbelanjaan, dapatlah mereka beri jaminan, bukan beri jaminan sahaja, memang mahu tunaikan jaminan mereka, tidak akan membenarkan orang-orang yang ada mendapat "dakwat hitam", orang-orang yang dapat dipersoalkan amalan mereka, teladan mereka.

Saya harap semua pegawai-pegawai kanan Kerajaan, pegawai-pegawai pentadbiran negara kita akan mengamalkan sikap "bersih, cekap dan amanah". Ini bukan untuk jaminan nama mereka sendiri, tetapi untuk menjamin imej negara kita, imej Kerajaan kita, yang akan beri negara kita satu imej yang baik, yang akan

mengalu-alukan orang luar negeri, orang asing, pelabur asing yang kita hari ini minta tolong, tolong datang melabur dalam negara kita. Jika hendak minta orang luar tolong berilah satu peluang, satu imej yang baik, barulah ada keyakinan, barulah ada kepercayaan.

Jika saya hendak taruh wang saya dalam satu pelaburan, memang saya hendak tanya, bolehkah saya percaya dia, dia akan jamin wang saya tidak akan hilang. Adakah negara ini baik, dia punya pemimpin semua orang boleh dipercayai, tetapi kalau imej pentadbiran, imej Kerajaan itu tidak dapat satu galakan, tidak beri satu galakan kepada mereka, memanglah dia pergi ke Indonesia, barangkali lebih baik imejnya, bukan baik sekali, tetapi lebih baik. Barangkali pelabur pergi ke Taiwan, di sana bukannya terbaik, tetapi lebih baik; pelabur pergi ke Thailand, bukan yang terbaik juga, tetapi lebih baik daripada Malaysia. Jika kita hendak bersaing dengan mereka, baikkan imej kita sebelum kita minta tolong, tolong datang. Dan lagi saya akan berikan contoh macam seorang pemimpin, orangnya bukan besar tetapi satu contoh di mana kita dapat satu teladan yang baik daripada pemimpin semua peringkat.

Saya sudah beri tahu peringkat tinggi, yang tertinggi, saya akan beri tahu satu contoh, satu misalan yang bukan tinggi, tetapi ini pun pemimpin, pemimpin dalam peringkat Majlis Perbandaran. Inilah satu perkara yang saya ambil perhatian tiap-tiap hari, fasal saya seorang Wakil Rakyat daripada Petaling Jaya dan tiap-tiap hari saya diingatkan, apabila ada hujan bila ada banjir, apabila orang berkejar ke rumah saya, ke office saya—doktor, “soi cham ma”, dengan izin, air naik, air bah sudah naik. Berapa kaki? Empat-lima kaki. Dapat tidur? Tidak, tengah malam sudah hujan renyai-renyai, mahu siapkan baju

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap di bawah kepala mana?

Dr Eng Seng Chai: Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah perkara itu bersangkutan dengan apa yang dibincangkan?

Dr Eng Seng Chai: Ini perumahan!

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahulah!

Dr Eng Seng Chai: Ini satu Majlis Perbandaran, ada dalam peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahulah tetapi boleh bercakap di atas

Dr Eng Seng Chai: Saya beri satu misalan dahulu dan baru saya datang kepada perkara yang penting. Saya akan beralih kepada perkara lain, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sekarang beralih kepada perkara yang penting, berkenaan dengan seorang di peringkat Majlis Perbandaran, dia ada percanggahan kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak alih, tidak alih lagi itu?

Dr Eng Seng Chai: Saya alih, ini di bawah perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu, tetapi boleh bercakap di atas perkara-perkara.

Dr Eng Seng Chai: Ya, ada peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua:dasar-dasar kepada pentadbiran Kerajaan seperti dinyatakan peruntukan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Dr Eng Seng Chai: Ya, ini dasar-dasar pentadbiran, dia seorang pentadbir.

Tuan Yang di-Pertua: Mana dia peruntukan-peruntukan itu?

Dr Eng Seng Chai: Ada, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah tengok dalam Perbendaharaan dan Maksud P.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi. . . .

Dr Eng Seng Chai: Di peringkat dasar, saya bolehlah sentuh, di atas pentadbiran dan dasar-dasar.

Saya akan beri contoh di mana dasar-dasar pentadbiran bukan untuk jimat, selamatkan wang rakyat. Inilah satu contoh di mana kita dapati orang membazir, ada percanggahan untuk kepentingan, inilah dia Dato' Dee Sing Cheng, inilah dia pemimpin MCA, seorang Ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya, di mana dia buat kelulusan, buat kebenaran kepada projek-projek sendiri seperti Taman Mayang Jaya dalam kawasan Petaling Jaya, dalam semua urusan MPPJ berkenaan projek ini diapun terlibat, dan sekarang projek ini kita dapat tahu banyak penyelewengan, bukan penyelewengan yang mengakibatkan banjir, bah di tempat sekeliling dengan kawasannya. Tetapi dalam tempat perumahan dia pun kita dapat tahu, dia melanggar undang-undang Jabatan Parit dan Taliair, dia melanggar Undang-undang Perumahan, dia melanggar Undang-undang Bekalan Air di mana paip-paip air sebesar 40" diameternya, ditanam 40' bawah tanah yang ditebok.

Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian. Inilah satu Kerajaan, inilah satu pentadbiran yang mengamalkan demokrasi berparlimen, kita buat keputusan di mana kita yang ada bersangkutan-paut

dengan faedah kepentingan rakyat, berilah lebih berat kepada kepentingan orang ramai dan bukan kepentingan sendiri, bukan untuk kepentingan segelintir orang, Satu golongan yang ada berkawan baik, bersahabat dengan orang-orang dan pemimpin-pemimpin tertentu sebagai yang disebut tadi oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong iaitu berkenaan dengan TOTO, di mana kontrak TOTO diberi kepada Vincent Tan Chee Yoon melalui satu syarikat 'V' dan 'B'. Inilah Syarikat Bidurai-Bijak di mana kita dapat tahu, dia pun ada sangkut-paut dengan skandal CCB dan kita diberitahu maklumat yang betul boleh disahkan, dia pun berkawan baik dengan Yang Berhormat dari Merbok, Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana dapat kita jamin kepentingan orang ramai. Jika semua kontraktor-kontraktor yang sepatutnya berfaedah kepada orang, rakyat, yang boleh menjimatkan wang rakyat, tetapi mengalir keluar kepada pihak-pihak tertentu, orang-orang tertentu sahaja.

Saya harap dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1986 hari ini bukan diambil perhatian, pada pendapat saya sahaja, sebagai seorang Wakil Rakyat satu kawasan kecil, walaupun kawasan nombor dua terbesar dalam Malaysia, yang terbesar adalah Puchong—81,105 pengundi. Kawasan saya mempunyai 80,405 pengundi bukan yang terbesar, Tetapi satu kawasan juga, bukan yang baik—boleh tahan.

Saya adalah seorang Wakil Rakyat, ada 176 lagi Wakil Rakyat di sini, tetapi saya harap bukanlah pendapat kita sahaja, berilah perhatian kepada para Kehakiman kepada Hakim-hakim Besar di mana dalam keputusan, dalam kes-kes yang ada terlibat pengarah-pengarah syarikat, deposit-taking corporatives di mana ada Tan Sri-Tan Sri dan Dato-Dato terlibat sebagai orang yang ada percanggahan kepentingan, Hakim-hakim Besar pun

ada beri pendapat mereka, pendapat mereka yang bersangkutan-paut kepada imej pimpinan masyarakat, pimpinan parti politik, pimpinan negara. Saya ingat ada satu Hakim Besar yang mengatakan, dengan izin, I read in the papers sometimes one Tan Sri and two Datos together on the same page. Apa itu dia kata, satu Tan Sri dan dua Dato, kadangkala dalam satu muka suratkhbar dia dapat baca bukan khbar baik, khbar yang yang memburukkan imej kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ini di bawah apa Yang Berhormat?

Dr Eng Seng Chai: Sudah habis, saya gulung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada.

Dr Eng Seng Chai: Ini saya beri pendapat dan saya akan gulung sedikit lagi, saya harap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya kita ada satu hari sahaja untuk membahaskan dasar butir-butir.

Dr Eng Seng Chai: Saya tahu, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, tetapi saya minta Yang Berhormat menggulung segera.

Dr Eng Seng Chai: Okay! saya akan ulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ulangi.

Dr Eng Seng Chai: Saya harap satu-satu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ulang, sudah faham semua.

Dr Eng Seng Chai: Okay! Saya harap dalam jawapan daripada pihak Menteri atau Timbalan Menteri Kewangan

berilah jaminan kepada semua rakyat Malaysia, mereka akan jimat dan selamatkan wang kita, mereka tidak akan memboroskan wang rakyat, mereka akan beri satu teladan, satu pimpinan yang kita semua boleh amalkan, yang kita semua boleh ikut, Tuan Yang di-Pertua

5.48 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di waktu sidang Dewan Rakyat yang lalu, telah saya perkatakan bahawa bila angin menderu ataupun bila arus berombak, diwaktu kita hadir ke Dewan Rakyat ini adalah dengan tugas dan tanggungjawab untuk memperkatakan dan memberi pandangan sebagai mewakili rakyat yang memilih kita berada di Dewan yang mulia ini. Maka sebab itulah bagi menghormati Dewan yang mulia ini, kita akan memberi pandangan-pandangan yang konkrit, juga merupakan teguran-teguran yang membina, tidak semata-mata mengeluarkan kritik ataupun celaan-celaan yang kita boleh mempersoalkan dari segi niat yang dilahirkan oleh seseorang Ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa negara kita dalam keadaan ekonomi meleset, tetapi tekad Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang \$1,169,564,368 bagi tujuan Tambahan Perbelanjaan Pembangunan tahun ini adalah dialu-alukan. Kita bernasib baik lagi dalam keadaan yang sebegini meleset kesungguhan Kerajaan memberi komitmen untuk melihat bahawa arus pembangunan negara kita terus berjalan sebagaimana janji kita dalam pilihanraya baru-baru ini, iaitu Tradisi Membela Rakyat.

Sudah barang tentu, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada projek adalah masalah; tanpa projek sudah barang tentu tidak ada masalah. Begitulah hukum alam yang harus kita lalui bersama. Maka sebab itulah dalam hal seperti ini bagi kita pada prinsipnya, pada pandangan saya sendiri secara peribadi, kita mengalu-alukan dan kita menyokong apa juga projek-projek usaha-usaha yang telah dirancang untuk dilaksanakan bagi kebaikan rakyat kerana sikap itulah yang kita kira satu arah kepimpinan yang motivasi, yang mempunyai kreativiti untuk melihat negara ini terus membangun.

Maka sehubungan dengan itu, memang tidak dinafikan akibat daripada keghairahan kita melaksanakan pembangunan yang juga hasil daripada desakan semua pihak, bukan sahaja di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat dalam semua bidang, tetapi juga tidak kurang desakan-desakan daripada Parti Pembangkang sendiri. Di waktu kita tidak mempunyai projek, di waktu itulah ada tuduhan yang mengatakan bahawasanya Kerajaan kita ini kaku.

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Atas apa?

Tuan Ngoi Thiam Woh: On a point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
.selama ini dalam

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Atas point of order, minta duduk.

Tuan Ngoi Thiam Woh: 67 (5).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 67 (5) apa pasal?

Tuan Ngoi Thiam Woh: 67 (5), mesti berucap mengikut dasar yang ada peruntukan dalam Bil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, banyak yang bercakap tadi tak ikut dasar. Minta bercakap ikut 67 (5) itu di atas dasar-dasar Bil atau Rang Undang-undang yang ada di depan kita itu yang lain tak boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apabila pihak penyokong Kerajaan bercakap, kita diminta untuk mengikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tadi saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apabila pihak Pembangkang bercakap, mereka langgar peraturan. Inilah 'double standard' pemimpin-pemimpin Pembangkang yang kita ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap lepas ini saya tidak diganggu kerana saya pun tidak mengganggu orang. Saya pun ada juga kelemahan sedikit-sedikit saya sendiri kerana saya berharap saya tidak mahulah berpolitik dengan pihak Parti Pembangkang. Dengan izin, 'let's be intellectual and let's talk facts', cakap orang putih sedikit. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soal-soal pembangunan ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawasanya di dalam jaminan di waktu Kerajaan membentangi peruntukan pembangunan dalam Budget tempoh hari ialah ke arah pembangunan luar bandar. Kita lihat bahawa tidak banyak di kalangan kita yang terus 'persistent' ataupun "consistent", dengan izin, membangkitkan soal-soal kemiskinan rakyat di luar bandar. Walaupun kita lihat di sini peruntukan-peruntukan yang diuntukkan ada diperuntukkan

dalam hal-hal pembangunan tertentu, tetapi saya ingin membangkitkan di atas prestasi Kementerian-kementerian sepanjang beberapa bulan yang lalu terhadap usaha-usaha ke arah pembangunan luar bandar. Sejauh manakah kesan efektifnya yang kita lihat untuk melihat jalan-jalan kampung bagi faedah rakyat dibinakan dengan secepat mungkin. Kekesanan sejauh manakah keupayaan Antah Biwater bagi mempercepatkan supaya rakyat dapat menikmati air yang bersih, kemudahan-kemudahan kesihatan, klinik-klinik kecil. Begitu jugalah dengan projek-projek ekonomi sampingan dan saya mengul-alukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berusaha untuk menubuhkan 2,000 industri kecil tetapi bagaimanakah caranya? Apakah jalan yang telah ditunjukkan kepada rakyat di kampung-kampung untuk menolong dan membantu mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap tak sangkut langsung benda dengan dalam Bil kita tadi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, ini ialah dasar, kita cangkuk semua macam Pembangkang buat.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi mereka ada sangkut-sangkut juga (*Ketawa*), yang ini tak ada langsung, tak kena target langsung. Mintalah, tak boleh itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin mendapat panduan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jikalau Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan apa yang ada di dalam Bil depan kita itu berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ada sangkut-paut.

Tuan Yang di-Pertua: peruntukan kepada Kumpulan-wang Terkanun Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di atas duit-duit yang telah dibelanjakan, dasarnya. Kalau sekiranya betul atau tak betul, atau bolehkah perelokkan. Itu sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itulah saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, Sama juga dengan apa yang saya maksudkan, sebab itu saya menyebut nama Kementerian tadi dari segi peruntukan-peruntukan yang telah dibelanjakan, yang akan dibelanjakan mengikut Bil yang ada di hadapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau bercakap macam itu, saya tak minta berhenti. Tadi tak bercakap langsung perkara itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu mukadimah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kandungan Anggaran Perbekalan Tambahan ini, saya ingin menyentuh secara khusus mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri, yang pertama, iaitu B.36 mengenai dengan dasar. Di bawah peruntukan B.36 Polis Di Raja Malaysia, kita lihat bahawa ada peruntukan tambahan bagi tujuan Logistik, Pencegah Jenayah dan lain-lain Gerakan.

Saya hanya ada satu perkara sahaja hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua. Apa juga perbelanjaan yang diperuntukkan, yang dibelanjakan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan mengekalkan keselamatan ataupun kestabilan politik tanahair kita, yang kita semua tahu bahawa kita cemas dengan gerakan zionisme, gerakan Yahudi yang mula mengancam kita daripada selatan.

Cuma yang saya ingin tahu ataupun terkilan ialah dalam keadaan kita membantah baru-baru ini lawatan seorang pemimpin Yahudi ke selatan di bawah negara kita, iaitu negara Singapura baru-baru ini, tiba-tiba kita menerima tetamu yang bernama Dr Henry Kissinger. Banyak rakyat bertanya apakah kehadiran Dr Henry Kissinger ini sebagai salah seorang tokoh yang dikatakan mempunyai, dengan izin, 'international standing' untuk bercakap sehingga kita terpaksa membelanjakan wang ringgit. Tetapi yang saya bangkitkan di sini ialah dari segi sudut pengaruh gerakan zionisme yang sudah mula meresap di kawasan Asia Tenggara ini. Maka sebab itu saya kira perkara-perkara yang bersangkutan-paut, yang ada kaitannya dengan keselamatan negara hendaklah diberi secara perhatian yang terperinci dan kita jangan sekali-kali melaksanakan ataupun mengamalkan dasar yang "double standard". Kita bimbang perkara-perkara seperti ini boleh dijadikan ukuran oleh banyak pihak mengenai dengan kesungguhan kita mengawal keselamatan untuk tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh juga mengenai dengan Kementerian Kewangan. Mengenai dengan Kementerian Kewangan ini banyak sangat telah diperkatakan oleh banyak pihak sehingga pihak-pihak tertentu cuba mengungkit di mana ada ruang bagi mencari peluang untuk 'discredit', dengan izin, 'credibility' Kerajaan kita dengan membangkitkan beberapa persoalan-persoalan penting yang dikira ataupun yang disebut sebagai "penyelewengan". Penyelewengan yang diertikan ialah di mana tanggung-jawab kita menjamin institusi-institusi kewangan dijalankan dengan bersih, cekap dan amanah. Kita kira dalam hal seperti ini Kerajaan kita telah pun mengambil berbagai-bagai tindakan, termasuk masalah penyelewengan

yang disebut dalam institusi koperasi yang kita dengar baru-baru ini.

Bagi kita dalam soal ini kita semuanya bersama, tidak ada seorang pun ahli Dewan yang mulia ini ataupun tidak ada seorang pun rakyat yang ingin melihat penyelewengan berlaku, tetapi jika ianya berlaku, bukanlah ianya dipertanggungjawabkan kepada semua pihak, kecuali orang-orang yang dipertanggungjawab itu yang bertanggungjawab.

Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, kita penuh yakin bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini tidak akan bertolak ansur, tidak akan berganjak untuk mengambil tindakan kepada semua pihak, semua individu tanpa mengira warna politik masing-masing, sama ada ianya pegawai, sama ada parti politik, sama ada dari parti pemerintah ataupun dari parti Pembangkang tidak siapa pun terkecuali daripada undang-undang negara cuma tinggal lagi sama ada cepat ataupun lambat, oleh kerana keinginan kita untuk melihat mereka yang menyeleweng ini diambil tindakan secepat mungkin. Maka kita menggesa pihak Kerajaan supaya melipatgandakan lagi usaha untuk mengheret jika ada mereka yang sabit dengan kesalahan supaya ianya dapat mengembalikan keyakinan apa dimaksudkan oleh setengah-setengah pihak kononnya Kerajaan kita telah hilang kepercayaan daripada banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal seperti ini penting kerana kita tidak boleh lari dari hakikat untuk mengembalikan beberapa institusi ini kepada landasan yang betul kerana jika ini berlaku nanti kita percaya insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, keraguan-keraguan kita ataupun oleh pihak-pihak pelabur akan dapat kita atasi.

Saya mengemukakan pandangan ini sebagaimana yang saya katakan daripada awal, kita ini ingin melihat negara kita ini terus maju. Sebab itu

kita mengemukakan pandangan bukan di atas sentimen untuk mencari populariti, bukan untuk meraih populariti seperti kononnya kita ini pejuang-pejuang di atas kelemahan-kelemahan tertentu yang kita dapat cari di sana sini. Cuma bagi kita, kita mengatakan sememangnya dalam banyak hal-hal yang kita lakukan dalam banyak hal kita mengendalikan urusan rakyat di satu pihak, kita menerima tekanan untuk melihat supaya kemudahan-kemudahan dipercepatkan dan satu pihak lagi jika ada kelemahan maka kita pula dipertanggungjawabkan.

Di sinilah yang kita harus memberi perhatian yang khusus supaya dalam kita memberi teguran dan pandangan, ianya hendaklah boleh dihormati oleh semua pihak. Bagi kita, saya sebagai salah seorang penyokong Kerajaan sekali-kali kita tidak akan menafikan pandangan-pandangan yang baik daripada pihak parti Pembangkang asal mana ianya mempunyai bukti-bukti yang benar dan yang sah yang boleh diketengahkan, tetapi kita akan merasa kecewa dan kita akan turut bersama-sama untuk berhadapan dengan mana-mana golongan kalau ianya semata-mata dibangkitkan untuk mencari ruang bagi mencari kepentingan-kepentingan tertentu seperti yang kita lihat lazimnya berlaku selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian Kewangan suka juga saya menyebut sedikit lagi masalah mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri yang saya tertinggal sedikit tadi Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rekrut ataupun pengambilan pegawai-pegawai keselamatan dalam bertugas sama ada dalam mana-mana peringkat sekalipun. Baru-baru ini kita dengar satu kenyataan daripada seorang pemimpin jiran negara kita iaitu anak kepada Perdana Menteri Lee Kuan Yew iaitu Brigadier General Lee yang menyatakan bahawa jawatan-jawatan

penting di Singapura terutamanya dalam jawatan tinggi tentera tidak dibenarkan ataupun anak-anak keturunan Melayu tidak diberi kesempatan oleh kerana ianya menimbulkan soal kesetiaan diantara kononnya negara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu tidak ada di dalam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cari jalan hendak masuk juga itu sebab hendak sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak boleh itu. Hanya yang kita boleh membincangkan di atas perkara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut hal ini hanya sebagai perbandingan, bagaimana liberalnya Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau liberal pun tidak termasuk juga. Kita bercakap di atas estimate-Perbelanjaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba hendak curi-curi masuk sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas teguran Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya cuba menyebut tadi, kerana keinginan untuk menyampaikan mesej dalam Dewan yang mulia ini. Kadang-kadang kita hanya melihat perkara-perkara dalam negara kita. Tetapi cuba kita bandingkan bagaimana sikap kita dengan setengah-setengah negara lain. Sebab itu kita hendak menyarankan di sini banyak kali kita dengar pepatah, erti dan fahamlah di mana langit dijunjung di situ bumi dipijak. Inilah yang kita hendak sampaikan, betapa negara ini telah membuka ruang kepada semua pihak walaupun sebagai seorang peribumi di negara ini kadang-kadang merasa terkilan di atas liberalisme, di atas sikap terbuka kerana kita ini sebuah negara yang kita kira

untuk hidup tanpa mengira kaum bagi memberi manfaat kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini hanya mencari jalan bagi menyampaikan mesej isi hati kita, citarasa kita, inspirasi kita, golongan-golongan muda khususnya, kerana negara ini adalah satu-satunya negara yang saya kira untuk kepentingan semua pihak. Sebab itulah kita merasa kesal di waktu kita membahar berbagai-bagai peruntukan sepertimana yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini banyak 'angle' yang disentuh luar daripada perkara-perkara yang sepatutnya, maka sebab itulah saya cuba sedaya upaya bukan hendak lari dari perkara yang kita bahas di sini tetapi sekadar untuk menyampaikan mesej kepada mereka yang tidak bertanggungjawab, mencari peluang dan ruang untuk memukul kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara tadi ialah kerana Dewan yang mulia ini seharusnya merakamkan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang terhormat, saya.

Tuan Lau Dak Kee: Buang masa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pembangkang pun buang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat saya minta supaya jangan bercakap luar daripada benda yang kita bahaskan. Saya terpaksa menjalankan tugas saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah hendak menyampaikan mesej apa-apa

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Baik, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin kembali kepada B.63 mengenai dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tadi saya menyebutkan sepintas lalu mengenai industri kecil. Peranan industri kecil ini, Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting kerana inilah industri-industri yang kita kira boleh membantu aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar masyarakat kita, penduduk desa kita masih hidup lagi secara conventional, dengan izin, kais pagi makan pagi walaupun sudah ada banyak pembangunan yang telah dijalankan selama ini. Sebab itu kita berharap sebarang peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dibelanjakan atau yang akan dibelanjakan supaya ianya berhati-hati dan ianya biarlah menepati sasaran-sasaran yang ditujui.

Ertinya sehubungan dengan ini kita lihat bahawa potensi dan peranan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kalau ianya diuruskan oleh pegawai-pegawai yang gigih dan dedikasi kita percaya sumber-sumber yang ada di luar bandar bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti penduduk ekonomi desa ini dapat dijalankan dengan secepat mungkin. Tinggal lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita kira sudah sampai masanya pegawai-pegawai kita sendiri harus bersama-sama dengan rakyat di kampung bukan setakat mengajar ataupun bukan setakat mengadakan peruntukan ataupun kursus-kursus jangka pendek menerangkan perkara-perkara secara sepintas lalu tetapi penduduk desa memerlukan bimbingan daripada awal hingga akhir.

Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal seperti ini kita lihat kalau disebut contoh di kawasan saya di Pasir Mas salah satu negeri di Pantai Timur yang mungkin banyak orang yang telah tahu bagaimana rakyat masih lagi hidup dalam keadaan kemiskinan. Tanah-tanah terbiar dan kita percaya bukan kerana rakyat sahaja mungkin, kerana sikap rakyat itu sendiri tetapi kita juga harus menerima hakikat bahawa rakyat di luar bandar memerlukan bimbingan yang lebih daripada sepatutnya.

Tidak mungkin mereka ini boleh menyertai usaha-usaha kita dengan setakat syarahan, dengan setakat mengadakan peruntukan tetapi penglibatan kita bersama menunjuk ajar bukan sahaja dari segi kertas kerja tetapi apa yang dikatakan penglibatan bersama di kalangan ahli-ahli politik, pegawai-pegawai Kerajaan duduk bersama-sama, berbincang, tunjuk ajar kerana rakyat di kampung ini dengan izin banyak lagi mempunyai "inferiority complex." Maka dengan sebab itulah dalam hal seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap usaha-usaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar inilah yang nantinya boleh secara positif menghidupkan kegiatan-kegiatan ekonomi di kampung melalui industri yang saya maksudkan daripada awal-awal tadi secara umumnya. Saya harap ianya tidak lari daripada apa yang dimaksudkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhir satu sahaja lagi saya hendak sebut di sini ialah mengenai dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita lihat banyak perkara ini juga dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya. Ada yang menyebut soal kegagalan, ada yang menyebut soal masalah, ada yang menyebut berbagai-bagai perkara.

Cuma yang saya hendak menyentuh di sini, ialah peruntukan-peruntukan yang ada, yang sudah ataupun yang akan datang haruslah diambil kira juga penduduk-penduduk di luar bandar jauh di pedalaman. Memang kita lihat dibandar-bandar ramai di kalangan rakyat kita belum mempunyai rumah. Tetapi bagaimana penduduk di luar bandar juga memerlukan rumah.

Dan sememangnya kita sedar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudahpun membina rumah-rumah rakyat, rumah-rumah JPM yang kita tahu, tetapi ianya harus dilipatgandakan lagi. Kita kira orang-orang seperti inilah harus kita membalas budi. Orang-orang seperti inilah tahu di mana langit dijunjung, bumi dipijak. Orang-orang seperti inilah yang mendukung Kerajaan pada hari ini. Orang-orang seperti inilah yang mempertahankan kestabilan politik negara. Orang-orang seperti inilah yang menghargai kemerdekaan tanahair. Tetapi ada setengah-setengah pihak yang sudahpun mempunyai kemudahan-kemudahan seperti ini bukan sahaja mereka terus menimbulkan suasana dan keadaan-keadaan yang tidak.....

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Peraturan Mesyuarat 44 (1):

"44 (1) Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kenamengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintah ahli itu suruh berhenti bercakap."

Tuan Yang di-Pertua: Saya mintalah Yang Berhormat. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tinggal 15 minit, lagi jadi saya kira

tidak ada apa-apa lagi; saya hanya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana saya bercakap macam ini hendak suruh Pembangkang tahu, kita pun erti juga bercakap macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani. Perbahasan atas dasar ini peruntukan hanya satu hari sahaja, lepas ini pada hari Isnin, Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (5).

6.14 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1986.

Dalam perbahasan ini inginlah saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Perbekalan Tambahan yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat kita sekalian pada petang ini.

Pada hemat saya tidak ada satu Perbekalan Tambahan yang diminta itu patut ditentang. Tetapi kita dapati pada hari ini, pada ini petang terdapat ahli-ahli yang menentangnya. Mungkin keadaan yang lama juga akan timbul sekiranya projek-projek yang dicadangkan hendak dibuat dan meminta peruntukan tambahan ini, tidak diadakan, maka pihak-pihak tertentu dengan lebih lantang lagi mengatakan mengapa projek itu tidak dibuat, mengapa projek ini tidak dibuat kerana projek-projek ini adalah untuk kepentingan rakyat jelata seluruhnya. Saya rasa perlulah kita membincangkan perbekalan ini dengan cara yang waras dan memberi kritikan-kritikan yang ada kepada mana-mana pihak juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya, saya dapati banyak projek-projek yang telah dibuat adalah untuk kepentingan rakyat jelata dan ianya tidaklah bermakna membazirkan wang rakyat dan wang negara. Saya mengambil contoh tentang perkara yang dibangkitkan mengenai Proton Saga umpamanya, mengenai perkara HICOM umpamanya khususnya Proton Saga. Sekiranya pihak Kerajaan tidak mengadakan projek atau mengeluarkan kereta Proton Saga maka tentu ada orang yang menjerit-jerit di dalam Dewan ini mengatakan mengapa tidak mahu mengeluarkan kereta kita sendiri. Mereka akan menyarankan bahawa kalau kita keluarkan kereta kita sendiri tentulah kita boleh dapat untung. Tetapi sebaliknya apabila kita mengeluarkan kereta kita sendiri maka banyaklah kata-kata dan sindiran-sindiran yang telah diterima.

Saya mengambil satu contoh sahaja atau beberapa contoh yang dapat saya beri di sini iaitu kita mengeluarkan kereta kita sendiri bererti kita mengurangkan pengaliran wang kita ke luar negeri. Kita keluarkan kereta-kereta sendiri bagi mengurangkan pengaliran keluar wang kita ke luar negeri. Dalam keadaan yang semacam ini tentu ada orang-orang yang cemburu, orang-orang yang menjadi wakil kepada syarikat-syarikat asing yang memasarkan kereta-kereta mereka di dalam negara kita. Orang-orang ini merasa cemburu kerana dengan jelas dan nyata apabila Proton Saga dipasarkan kepada orang ramai di Malaysia ini terdapat beberapa syarikat yang menjual kereta-kereta yang lain daripada Proton Saga telah merosot. Jadi, ini adalah satu perasaan, satu keadaan yang tidak menunjukkan yang kita cintakan kepada negara kita. Ia hanyalah semata-mata menunjukkan bahawa kita cintakan kepada wang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat bandingan: sekiranya kita

diberi wang dan satu lagi katakan cintakan kepada negara dan bangsa kita maka orang yang seumpama ini akan memilih wang ringgit daripada negaranya sendiri. Begitu juga pemasaran kereta Proton Saga keluar negeri ianya mempunyai erti dan semua orang mengerti tetapi saya tidak faham mengapa perkara itu dibangkitkan dan dikritik di dalam Dewan ini. Kita tahu bahawa apabila kereta-kereta atau apa-apa jua dipasarkan di luar negeri maka kita mendapat hard currency dan itu diperlukan oleh mana-mana negara pun ada ianya bermakna menguntungkan kita. Untuk membuka sesuatu.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji minta penjelasan, hendak bagi tidak?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Barangkali Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya bahawa masa kita singkat, barangkali kalau lain masa.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kalilah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Lain kalilah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada peluang lain kali. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Masa singkat. Saya mengambil contoh satu lagi tentang kita membuka HICOM ini, iaitu kalau kita takut meneroka dalam mana-mana perniagaan, tentulah tidak ada orang yang berniaga dalam dunia ini. Kita lihat sahaja di satu-satu tempat yang kita fikir tidak ada orang akan membeli di situ, tetapi ada orang berani membuka pasar di situ atau orang berani membuka supermarket di

tempat itu dan sudah tentu semasa dia membuka supermarket itu, dia akan mendapat kerugian pada hari yang pertama, kedua dan ketiga dan mungkin pada bulan yang pertama, kedua dan ketiga, mungkin pada tahun yang pertama keseluruhannya, tetapi dia akan mendapat keuntungan berlipatganda selepas tahun yang kedua, ketiga dan keempat. Kita lihat sahajalah pasaraya dimana-mana tempat pun, pada permulaannya tidak ada siapa yang memijak pasar itu.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani. Ahli dari Petaling Jaya bangun untuk apa?

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Serupa dengan tadi jugalah.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa dengan tadi. Lain kalilah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Jadi dengan cara yang macam itu, begitulah juga berkenaan dengan PROTON SAGA. Mungkin di peringkat yang pertama kita mendapat kerugian, tetapi sebagai bukti-bukti yang menunjukkan di dalam bidang perniagaan, maka ianya, insya Allah, akan mendapat keuntungan. Dalam hal ini saya amat merasa sedih sekali kerana ada orang di dalam Dewan ini menyebut haribulan yang tertentu, 24hb April. Adakah kita menggunakan Dewan ini untuk mempertikaikan sesuatu untuk mengajar orang lain.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: 67.5, Yang Berhormat mestilah bercakap atas dasar dan pentadbiran. Ini tidak ada

berkaitan langsung dengan apa yang kita bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Petaling Jaya pun bercakap yang itu juga. Minta Yang Berhormat dari Sungai Petani buat sedikit sahaja. Jangan panjang sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dia mesti bercakap yang ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta, saya sudah bagi ruling, saya minta Ahli dari Sungai Petani teruskan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, jika Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya bercakap berkenaan dengan 24hb April saya bercakap, kalau tidak dibenarkan saya tidak bercakap dan saya akan bercakap atas perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya tidak boleh. Sebenarnya Ahli dari Petaling Jaya tadi bercakap pun tidak boleh, bagaimanapun telah berlaku, jadi itulah kedudukannya, kerana apa yang bersangkutan-paut dengan 24hb April ini tidak bersangkutan-paut dengan apa yang ada di hadapan kita.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Jadi saya merasa sangat sedih sesuatu yang tidak perlu bangkit di dalam Dewan ini telah bangkit dan saya percaya Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini memahami apa yang tersirat di dalam dada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sebenarnya saya akan membincangkan beberapa perkara tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya fikir biarlah saya masuk di dalam perkara-perkara yang lain yang saya fikir lebih penting dan mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: saya ingin menyentuh tentang Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah mana itu?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ada

Seorang Ahli: ada

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain minta senyap. Kalau hendak tolong saya pun, tolong yang lainlah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ada tanda tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tanya tadi, sudahlah, yang lain-lain jangan tanya pula.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ada tanda tadi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya yakin ada dalam peruntukan ini. Tetapi kalau saya cari akan membuang masa sahaja. Ini saya cakap dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua: Cakap yang lain. Minta ucap yang lain, kerana kita ada 3 minit sahaja lagi.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya bercakap tadi berkenaan Bekalan Pembangunan Tuan Yang di-Pertua, dalam itu saya telah semak di sini satu demi satu dan saya dapati perkara Tabung Haji ada termasuk dalam itu, satu rancangan perumahan kos rendah adalah dalam situ. Saya ingin bercakap perkara-perkara detil yang ada di sini sekiranya Tuan Yang di-Pertua mengizinkan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau sekiranya ada di dalam peruntukan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ada dalam buku kuning ini. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua dapat

membenarkan saya bercakap berkenaan dengan Tabung Haji sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada saya akan benarkan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ada di dalam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada? Kalau ada sila cakap.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Muka surat 6, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya tolong bantu saya, terima kasih. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir lebih baik kita teruskan, nanti buang masa sahaja.

Berkenaan Tabung Haji ini, saya ingin menyentuh dapatlah kiranya, ini sebagai cadangan saya kepada pihak Tabung Haji supaya zakat yang dikeluarkan oleh Tabung Haji itu bukan sahaja diberi kepada Jabatan-jabatan Agama, tetapi ditujukan dan diberi kepada asnaf-asnaf sepertimana yang dikehendaki oleh Islam, sepertimana yang disebut oleh Al-Quran secara terus. Terutamanya kepada anak-anak yatim, kita dapati rumah-rumah anak yatim sekarang ini kekurangan sangat bantuan kewangan yang mereka dapat, dan mereka kadang-kadang pergi meminta derma di sana sini. Saya fikir pihak Tabung Haji yang mempunyai habuan untuk zakat itu diberi kepada anak yatim. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua,

Satu perkara yang saya fikirkan mustahak ialah tentang Bangunan Mahkamah; ada dalam buku ini, Tuan Yang di-Pertua. Bangunan Mahkamah kita dapati sekarang ini di mana-mana pun adalah terlalu kecil. Dalam masa yang terakhir ini, mereka yang dibicarakan terpaksa duduk di luar dan kadang-kadang dibicarakan di dalam keadaan yang tidak selesa dan mungkin ianya juga mengganggu hakim dan sepertimana kita tahu bahawa hakim

juga perlu kepada keadaan ketenangan untuk membuat sesuatu keputusan yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya pun lihat Tuan Yang di-Pertua macam hendak suruh saya berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri kemukakan usul menanggukhan mesyuarat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ya. Terima kasih.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditanggukhan sekarang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

INSTITUT PERANGKAAAN SOSIAL—PENUBUHAN

6.31 ptt.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Institut Perangkaan Sosial yang bebas dengan tanggungjawab statutori untuk mengutip, mengumpul, menyusun dan menerbitkan secara berkala semua data-data sosio-ekonomi untuk maklumat orang ramai. Institut seumpama ini akan bertanggungjawab terus kepada orang ramai melalui Parlimen.

Institut ini amat perlu kerana didapati setengah-setengah perangkaan Kerajaan mengenai pembasmian kemiskinan, perindustrian, pelaburan asing dan hutang negara yang dikeluarkan adalah tidak tepat dan tidak boleh dipercayai. Di samping itu, kadangkala sangat sukar bagi penganalisis dan penyelidik di luar Kerajaan serta juga wartawan dan orang ramai keseluruhannya untuk mendapatkan maklumat ataupun data-data yang tepat daripada pihak yang berkuasa untuk tujuan penyelidikan. Orang ramai hendaklah diberikan hak untuk mengetahui tidak sahaja perangkaan tetapi juga perangkaan-perangkaan yang tepat dan betul.

Institut Perangkaan Sosial yang bebas yang saya cadangkan ini akan bebas dari pengaruh politik dari manamana pihak dan ianya bersifat sedemikian akan berusaha memastikan tarafnya sebagai pemberi maklumat yang tepat dan boleh dipercayai. Adalah perlu ditegaskan di sini bahawa penubuhan Institut ini tidak bermakna lain-lain badan ataupun organisasi-organisasi yang diberikan tanggungjawab untuk mengumpul dan menyusun perangkaan akan dihentikan perkhidmatannya. Badan-badan ini akan terus memikul tugas-tugas mereka kecuali apa juga data-data yang mereka proses akan juga disediakan untuk Institut ini.

Penubuhan Institut Perangkaan Sosial yang benar-benar bebas ini perlu bagi mengekalkan keyakinan orang ramai sepenuhnya kepada maklumat perangkaan dalam negara ini di samping membantu menghapuskan kebimbangan dan kesangsian tentang perangkaan-perangkaan Kerajaan tidak boleh dipercayai tetapi dibuat atau dikeluarkan bagi tujuan politik.

Saya harap bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian yang serius cadangan ini dengan tujuan untuk

mempastikan satu taraf perangkaan yang tepat, yang boleh dipercayai dalam negara ini. Sekian.

6.35 ptg.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan sebuah Institut Perangkaan Sosial adalah tidak perlu kerana pada masa ini sudah terdapat satu sistem pengumpulan data yang memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini telah terdapat berbagai agensi Kerajaan yang mengumpul, menyusun dan menganalisa perangkaan sosial. Perangkaan seperti ini diterbitkan oleh berbagai agensi yang berkaitan terutama Jabatan Perangkaan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan beberapa yang lain.

Ringkasan utama perangkaan dari sumber-sumber ini adalah disusun dan diterbitkan dalam Bulletin Perangkaan Sosial keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia serta beberapa laporan Kerajaan yang lain. Selain daripada agensi-agensi di atas, Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri juga mengumpul dan menganalisa berbagai maklumat mengenai penyelidikan sosial dalam bidang-bidang seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan.

Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan institusi-institusi seperti universiti-universiti, institusi-institusi penyelidikan dan badan-badan swasta menjalankan kajian-kajian berasingan dengan tujuan memperluaskan lagi data-data yang dikeluarkan mengenai aspek-aspek sosial. Kajian-kajian bersama, dengan izin, collaborative

studies antara pihak Kerajaan dan institusi-institusi ini akan terus digalakkan.

Berdasarkan keterangan di atas, jelas bahawa usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengumpul, menyusun dan menganalisa perangkaan sosial adalah mencukupi. Pada pendapat Kerajaan, apa yang diperlukan barangkali oleh Ahli Yang Berhormat dalam soal ini ialah cara-cara menyusun dan menyelaraskan data-data yang sedia ada dengan lebih sistematik bukannya dengan mengadakan sebuah institusi khas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa kedua-dua aspek—kuantiti dan kualiti data dan maklumat terus dipertingkatkan dan di mana sesuai disebarkan untuk kegunaan awam.

PEKERJA SING PIN JIT PAO— FAEDAH PEMBERHENTIAN

6.37 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, setelah Sing Pin Jit Pao diambil alih oleh Coopers & Lybrand, penanggung yang dilantik oleh Malayan Banking Berhad pada 24hb September, 1986, semua 323 orang pekerja juga diberhentikan kerja pada 21hb Oktober, 1986. Kesemua 323 orang pekerja yang malang itu, sehingga hari ini bukan sahaja tidak mendapat sebarang pampasan atau faedah pemberhentian kerja bahkan elaun-elaun dan gaji mereka untuk 1hb September, 1986 hingga 23hb September, 1986 juga tidak dapat dibayar akibat daripada akaun bank akhbar itu telah dibekukan.

Malayan Banking Berhad tidak mempedulikan kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja yang dihentikan walaupun mereka telah berbincang masalah ini dengan Bank

tersebut. Di bawah keadaan yang tidak diingini, maka pekerja-pekerja yang menganggur itu terpaksa mengadakan tunjuk perasaan aman di pintu depan kedua-dua cawangan Bank MBB, Pulau Pinang.

Hilang pekerjaan memang merupakan suatu perkara yang menyedihkan dan kini penat-lelah yang sepatutnya diterima oleh mereka juga terhilang. Ini merupakan satu kejadian yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak Kementerian Buruh mengambil tindakan segera terhadap Malayan Banking Berhad supaya Bank berkenaan membayar balik gaji dan elaun-elaun yang sepatutnya diterima oleh mereka, begitu juga mengeluarkan faedah pemberhentian kerja kepada mereka. Saya juga meminta Menteri Buruh memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa apa tindakan yang akan diambil terhadap kes ini. Sekian, terima kasih.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, mengikut siasatan kami kedudukan sebenarnya ialah seperti berikut.

Akhbar Sing Pin Jit Pao adalah dipunyai oleh Sing Pin Jit Pao (Sdn.) Bhd. Di atas desakan Malayan Banking Bhd. Pulau Pinang sebagai Creditor, Syarikat Sing Pin Jit Pao (Sdn.) Bhd. ini terletak di bawah penanggungan receivership mulai 24hb September, 1986 dan pengurusan diambil alih oleh Cooper & Lybrand bagi pihak Malayan Banking Bhd., Pulau Pinang.

Pada 20hb Oktober, 1986 kesemua 324 orang pekerja telah diberi surat pemberhentian kerja oleh pihak penerima untuk diberhentikan kerja pada 21hb Oktober, 1986. Daripada 324 orang pekerja seramai 314 orang

telah pun dibayar gaji bagi tempoh 1hb Oktober, 1986 sehingga 20hb Oktober, 1986, manakala 10 orang lagi belum dibayar gaji bagi tempoh yang sama oleh kerana mereka masih belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri tentang Cukai Pendapatan yang mereka perlu membayar.

Pekerja-pekerja yang terlibat membuat pelbagai jenis tuntutan di Jabatan Buruh Pulau Pinang seperti gaji, gaji lebih masa, faedah penamatan kerja dan elaun. Jumlah hutang mereka itu \$1,037,844.14. Sebaik sahaja menerima tuntutan tersebut pihak Jabatan Buruh Pulau Pinang telah pun dengar dan mengeluarkan perintah yang menyebelahi pihak pekerja. Jumlah yang telah diperintahkan ialah \$214,474.12 dan dua kes lagi yang melibatkan tuntutan faedah penamatan kerja dan elaun harian yang akan dibicarakan pada 17hb Mac, 1987 di Jabatan Buruh Pulau Pinang.

Pihak Penerima Pengurus telah memberitahu Jabatan Buruh Pulau Pinang bahawa tuntutan-tuntutan pekerja yang berupa gaji sahaja akan diberi keutamaan apabila bayaran dibuat kelak. Lain-lain tuntutan akan dilayan mengikut keutamaan di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965. Pada masa sekarang pihak Penerima (Receivers) masih belum membayar wang yang telah diperintahkan terhadap ketiga-tiga kes ini dengan

alasan mereka tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membuat bayaran yang diperintahkan kepada ketiga-tiga kes ini dengan pekerja-pekerja kerana kutipan daripada sumber-sumber penerimaan mereka adalah amat berkurangan.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Buruh terus juga berusaha mengambil tindakan untuk menghubungi pihak Penerima dengan tujuan agar bayaran-bayaran yang berhak kepada pekerja ini dapat dibuat dengan secepat mungkin. Adalah difahamkan bahawa peguam yang mewakili pekerja dalam kes-kes buruh tersebut juga sedang mengambil tindakan sewajarnya dalam kes itu bagi faedah pelanggan-pelanggannya.

Oleh kerana perkara-perkara yang dikendalikan oleh pihak Penerima lazimnya mungkin mengambil masa yang berlarutan, pekerja-pekerja yang terlibat hendaklah bersabar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul iaitu bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.